

Hakcipta © tesis ini adalah milik pengarang dan/atau pemilik hakcipta lain. Salinan boleh dimuat turun untuk kegunaan penyelidikan bukan komersil ataupun pembelajaran individu tanpa kebenaran terlebih dahulu ataupun caj. Tesis ini tidak boleh dihasilkan semula ataupun dipetik secara menyeluruh tanpa memperolehi kebenaran bertulis daripada pemilik hakcipta. Kandungannya tidak boleh diubah dalam format lain tanpa kebenaran rasmi pemilik hakcipta.



**PENGARUH RASUAH POLITIK TERHADAP PEMELIHARAAN
SUMBER HUTAN: KAJIAN KES SPRM DI NEGERI PERAK**

ABDUL REZAR MANAM



UUM
Universiti Utara Malaysia

**IJAZAH DOKTOR FALSAFAH
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
2025**

**PENGARUH RASUAH POLITIK TERHADAP PEMELIHARAAN
SUMBER HUTAN: KAJIAN KES SPRM DI NEGERI PERAK**

**ABDUL REZAR MANAM
904997**



**Tesis ini dikemukakan kepada Ghazali Shafie Graduate School of Government
sebagai memenuhi syarat keperluan pengijazahan Doktor Falsafah
Universiti Utara Malaysia**



Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa
(College of Law, Government and International Studies)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

PERAKUAN KERJA TESIS
(Certification of thesis)

Kami, yang bertandatangan, memperakukan bahawa
(We, the undersigned, certify that)

ABDUL REZAR MANAM (904997)

calon untuk ijazah
(candidate for the degree
of)

DOKTOR FALSAFAH (SAINS POLITIK)

telah mengemukakan tesis yang bertajuk:
(has presented his/her thesis of the following title):

**PENGARUH RASUAH POLITIK TERHADAP PEMELIHARAAN SUMBER HUTAN:
KAJIAN KES SPRM DI NEGERI PERAK**

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit tesis
(as it appears on the title page and front cover of the thesis).

Bahawa tesis tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan, sebagaimana yang ditunjukkan oleh calon dalam ujian lisan yang diadakan pada **4 Mac 2025**.

That the said thesis is acceptable in form and content and displays a satisfactory knowledge of the field of study as demonstrated by the candidate through an oral examination held on: **March 4, 2025**

Pengerusi Viva
(Chairman for Viva)

**PROF. MADYA DR. BAKRI
MAT**

Tandatangan
(Signature)

Pemeriksa Luar
(External Examiner)

**PROF. MADYA DR. ILHAM
SENTOSA ANWAR (UNIKL)**

Tandatangan
(Signature)

Sentosailham

Pemeriksa Dalam
(Internal Examiner)

**PROF. MADYA DR.
AMINURRAASYID YATIBAN**

Tandatangan
(Signature)

Tarikh
Date

4 MAC 2025

Nama Pelajar : **ABDUL REZAR MANAM (904997)**
(Name of Student)

Tajuk Tesis : **PENGARUH RASUAH POLITIK TERHADAP PEMELIHARAAN SUMBER**
(Title of the Thesis) **HUTAN: KAJIAN KES SPRM DI NEGERI PERAK**

Program Pengajian : **DOKTOR FALSAFAH (SAINS POLITIK)**
(Programme of Study)

Penyelia Pertama : **PROF. MADYA DR.**
(First Supervisor) **MASHITAH MOHD UDIN**

Tandatangan
(Signature)



Penyelia Kedua : **DR. KAMARUL ZAMAN HAJI**
(Second Supervisor) **YUSOFF**

Tandatangan
(Signature)



UUM
Universiti Utara Malaysia

PERMISSION TO USE

In presenting this thesis in partial fulfillment of the requirement for PhD degree from Universiti Utara Malaysia, I agree that the University Library may make it freely available for inspection. I further agree that permission for copying of this thesis in any manner either in whole or in part, for scholarly purpose may be granted by my supervisor or in his absence, by the Dean, School of International Studies, UUM College of Law, Government and International Studies (UUM COLGIS). It is understood that any copying or publication or use of this thesis or part thereof for financial gain shall not be allowed without my written permission. It is also understood that due recognition shall be given to me and to the Universiti Utara Malaysia for any scholarly use which may be made of any material from this thesis.

Request for permission to copy or to make use of material in this thesis, in whole or in part, should be addressed to:



UUM College of Law, Government and International Studies (UUM COLGIS)

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok

ABSTRACT

Forests are vital natural resources offering economic, social, and environmental benefits crucial to national socioeconomic progress. When managed sustainably, forests delivered enduring positive impacts. However, illegal logging significantly hampered comprehensive forest management by disrupting ecological balance, reducing government revenue, and threatening the livelihoods of communities reliant on forests especially in states like Perak where logging is economically significant. This study investigated the nexus between corrupt politics and logging issues in Perak. The objectives of the study are to (1) evaluate the extent to which political corruption influences environmental issues in Perak; (2) examine the various forms of impact on environmental management and protection in the state; and (3) analyse the approaches and challenges in efforts to curb political corruption related to environmental governance in Perak. The study employed a qualitative research design and data was analysed using thematic analysis via Atlas.ti. Data collected through semi-structured interviews involving interviews with 10 officers from the Malaysian Anti Corruption Commission (MACC), Perak branch. Findings revealed that political corruption plays a major role in influencing logging license issuance and undermining governance and political stability in Perak. Illegal logging casts a shadow over official forestry systems, jeopardizing environmental sustainability and government policy. The study further showed that corruption permeates ecological, social, and political systems, producing wide-ranging impact. The findings also underscored the critical need for a comprehensive strategy addressing not only immediate challenges, but also systemic issues rooted in corruption within the logging sector. Theoretically, this study contributed to the use of Institutional Theory in studying the context of political corruption at improving logging issues in Perak. From a practical point of view, this study revealed that the political corruption brings huge impacts concerning environmental management in Perak. Thus, this study calls for coordinated efforts to mitigate the harmful effects of corruption on Perak's natural resources and political landscape.

Keywords: Political corruption, Illegal logging, Perak governance, Environmental sustainability, Solution strategies

ABSTRAK

Hutan merupakan sumber semula jadi penting yang menawarkan manfaat ekonomi, sosial dan alam sekitar yang penting kepada kemajuan sosioekonomi negara. Apabila diurus secara lestari, hutan memberi kesan positif jangka panjang. Sebaliknya, pembalakan haram menjadi halangan utama kepada pengurusan hutan yang efektif kerana ia mengganggu keseimbangan ekologi, mengurangkan pendapatan kerajaan dan menjejaskan mata pencarian komuniti yang bergantung kepada hutan, terutamanya di negeri seperti Perak yang mana sektor pembalakan memberi sumbangan penting kepada ekonomi. Kajian ini meneliti hubungan antara rasuah politik dan isu pembalakan di Perak. Objektif kajian ini adalah untuk (1) menilai sejauh mana elemen rasuah politik mempengaruhi isu alam sekitar di Perak; (2) menyelidik bentuk-bentuk impak terhadap pengurusan serta perlindungan alam sekitar di negeri tersebut; serta (3) menganalisis pendekatan dan cabaran dalam usaha membendung rasuah politik berkaitan tadbir urus alam sekitar di Perak. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif dan data dianalisis menggunakan analisis tematik melalui Atlas.ti. Data dikumpul melalui temu bual separa berstruktur melibatkan temu bual bersama 10 orang pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Cawangan Perak. Dapatan kajian menjelaskan bagaimana rasuah politik mempengaruhi pengeluaran lesen pembalakan serta melemahkan tadbir urus dan kestabilan politik negeri Perak. Pembalakan haram dilihat sebagai bayangan yang merentas sistem rasmi, mengancam kelestarian alam sekitar serta dasar kerajaan. Kajian ini turut menunjukkan bahawa rasuah meresap masuk ke dalam sistem ekologi, sosial dan politik serta memberi kesan meluas kepada masyarakat dan struktur pemerintahan. Dapatan kajian juga menekankan pentingnya strategi menyeluruh yang bukan sahaja menangani cabaran segera tetapi juga isu sistemik disebabkan rasuah dalam sektor pembalakan. Secara teorinya, kajian ini menyumbang kepada penggunaan Teori Institusi dalam mengkaji konteks rasuah politik dalam menambah baik isu pembalakan di Perak. Dari sudut praktikal, kajian ini mendedahkan bahawa rasuah politik membawa kesan yang besar terhadap pengurusan alam sekitar di Perak. Justeru, kajian ini memerlukan usaha bersepadu untuk mengurangkan kesan buruk rasuah ke atas sumber semula jadi dan landskap politik Perak.

Kata Kunci: Rasuah politik, Pembalakan haram, Tadbir urus Perak, Kelestarian alam, Strategi penyelesaian

ISI KANDUNGAN

PERMISSION TO USE	i
ABSTRACT	ii
ABSTRAK	iii
ISI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	ix
BAB SATU (PENGENALAN)	1
1.1 Latar Belakang Kajian.....	1
1.2 Penyataan Masalah.....	4
1.3 Persoalan Kajian.....	9
1.4 Objektif Kajian.....	9
1.5 Signifikan Kajian	10
1.6 Definisi Kajian	13
1.6.1 Politik.....	13
1.6.2 Rasuah.....	15
1.6.3 Alam Sekitar	17
1.7 Susunan Bab.....	20
BAB DUA (SOROTAN KAJIAN)	23
2.1 Pengenalan	23
2.2 Rasuah	24
2.2.1 Rasuah Politik	44
2.3 Alam Sekitar.....	46
2.4 Pencemaran Alam Sekitar	49
2.4.1 Definisi Pencemaran Alam Sekitar	52
2.5 Pencemaran bekalan air.....	55
2.6 Pencemaran udara	58
2.7 Pencemaran tanah.....	61
2.8 Pencemaran akibat bunyi bising.....	64
2.9 Pencemaran yang disebabkan oleh plastik dan mikroplastik.....	68

2.10 Kajian kes.....	71
2.10.1 Politik Rasuah dan Alam Sekitar	71
2.11 Teori Kontrak Sosial	74
2.11.1 Analisis Teori Kontrak Sosial John Locke	75
2.11.2 Analisis Teori Kontrak Sosial oleh Thomas Hobbes	78
2.11.3 Analisis Teori Kontrak Sosial Oleh Jean Jacques Rousseau	80
2.11.4 Perbandingan Pendapat Di Antara Thomas Hobbes, John Locke dan Jean Jacques Rousseau.....	81
2.11.5 Kajian Kes Teori Kontrak Sosial	83
2.12 Teori Institusi (Institutional Theory).....	90
2.12.1 Intipati Teori Institusi dan Kajian	90
2.12.2 Tadbir Urus Alam Sekitar dan Rasuah Politik.....	93
2.12.3 Teori Institusi: Pengenalan dan Relevansi	96
2.12.4 Rasuah sebagai Proses yang Diinstitusikan	99
2.12.5 Isomorfisme Institusi dan Peniruan Tingkah Laku	103
2.12.6 Kelembapan Institusi (Institutional Inertia)	105
2.12.7 Implikasi terhadap Kajian Kualitatif.....	108
2.13 Kesesuaian Teori Institusi dan Teori Kontrak Sosial dalam Kajian	110
2.13.1 Teori Institusi: Fokus pada Struktur dan Amalan Organisasi	110
2.13.2 Teori Kontrak Sosial: Fokus pada Hak dan Tanggungjawab antara Rakyat dan Negara	113
2.13.3 Kekuatan Perbandingan dalam Konteks Kajian.....	115
2.13.4 Rumusan dan Teori yang Lebih Sesuai	118
2.14 Ringkasan Bab	121
 BAB TIGA (METODOLOGI KAJIAN).....	124
3.1 Pengenalan	124
3.2 Reka Bentuk dan Struktur Penyelidikan	124
3.3 Populasi, Sampel Penyelidikan dan Kaedah Persampelan.....	128
3.4 Metodologi Penyelidikan	130
3.4.1 Kaedah Pengumpulan Data.....	132
3.4.2 Temuduga	134
3.5 Analisis Data	136
3.6 Carta Aliran Kajian	138

3.7 Kesimpulan	147
BAB EMPAT (DAPATAN KAJIAN)	148
4.1 Pengenalan	148
4.2 Analisis Data	151
4.2.1 Awan Perkataan (Word Cloud) Responden	151
4.3 Tema-tema dan Sub-sub Tema Kajian	153
4.3.1 Tema 1: Hubungan antara rasuah dan pembalakan	156
4.3.2 Sub-Tema 1: Kefahaman khusus erti rasuah terhadap pembalakan	158
4.3.3 Sub-Tema 2: Langkah proaktif pencegahan isu politik rasuah dan pembalakan	166
4.3.4 Sub-Tema 3: Faktor dan pengukuran kesan politik rasuah terhadap alam sekitar dan sosial	175
4.3.5 Tema 2: Peranan Dalam Pencegahan Politik Rasuah Dan Pembalakan ..	184
4.3.6 Sub-Tema 1: Kesan Pencegahan Politik Rasuah	187
4.3.7 Sub-Tema 2: Peranan Sosial Dalam Pencegahan Rasuah Dalam Politik	197
4.3.8 Tema 3: Langkah Proaktif Dalam Pentadbiran Bersih Daripada Politik Rasuah	207
4.3.9 Sub-Tema 1: Langkah Proaktif Pengurangan Aktiviti Politik Rasuah ...	210
4.3.10 Tema 4: Kesan Rasuah Terhadap Perlindungan Habitat Semula Jadi Dan Hidupan Liar	222
4.3.11 Sub-tema 1: Kesan terhadap pembangunan ekonomi disebabkan oleh politik rasuah	225
4.3.12 Sub-tema 2: Program dan peranan sosial dalam mendedahkan politik rasuah dalam pembalakan	233
BAB LIMA (PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN)	242
5.1 Pengenalan	242
5.2 Ringkasan Kajian	243
5.3 Perbincangan	247
5.3.1 Kesan Signifikan Politik Rasuah dalam Industri Pembalakan	247
5.3.2 Politik Rasuah dan Pembalakan Haram: Dinamika, Cabaran, dan Peranan Institusi	251

5.3.3 Pembendungan Politik Rasuah Dalam Isu Alam Sekitar Di Negeri Perak.....	255
5.4 Cadangan Kajian Masa Hadapan Berasaskan Tadbir Urus, Dasar Awam dan Ketelusan	259
5.5 Kekangan Kajian.....	263
5.6 Kesimpulan	266
RUJUKAN	270
LAMPIRAN	291



SENARAI JADUAL

Jadual 4.1 Maklumat Responden	150
Jadual 4.2 Tema dan Sub-sub Tema Analisis Kajian.....	154



SENARAI RAJAH

Rajah 1	:Jumlah Kehilangan Pokok (Ribu Hektar) di Malaysia (Global Forest Watch,2024	4
Rajah 2	:Data Isu Keluasan Hutan di Malaysia (Global Forest Watch, 2024)	6
Rajah 3	:Kerangka Kajian	128
Rajah 3.1	:Carta Aliran Kajian.....	133
Rajah 4.2	:Awan Perkataan (Words Cloud) Responden berkaitan dengan rasuah dan isu pembalakan di Perak.....	145
Rajah 4.3	: Awan Perkataan (Word Clouds) bagi Sub-tema 1.....	155
Rajah 4.4	: Pemetaan kod bagi tema Kefahaman Rasuah.....	157
Rajah 4.5	: Awan Perkataan (Word Clouds) bagi Sub-tema 2.....	164
Rajah 4.6	: Pemetaan kod bagi tema Langkah Proaktif Pencegahan Rasuah Politik.....	166
Rajah 4.7	: Awan Perkataan (Word Clouds) bagi Sub-tema 3.....	172
Rajah 4.8	: Pemetaan kod bagi tema faktor dan pengukuran kesan politik Rasuah.....	176
Rajah 4.9	: Awan Perkataan (Word Clouds) bagi Sub-tema 4.....	185
Rajah 4.10:	Pemetaan kod bagi tema kesan pencegahan politik rasuah.....	188
Rajah 4.11:	Awan Perkataan (Word Clouds) bagi Sub-tema 5.....	195
Rajah 4.12:	Pemetaan kod bagi tema kesan pencegahan politik rasuah.....	198
Rajah 4.13:	Awan Perkataan (Word Clouds) bagi Sub-tema 6.....	208
Rajah 4.14:	Pemetaan kod bagi tema pengurangan rasuah.....	213
Rajah 4.15:	Pemetaan kod bagi tema kesan terhadap perkembangan ekonomi.....	223
Rajah 4.16:	Awan Perkataan (Word Clouds) bagi Sub-tema 8.....	230
Rajah 4.17:	Pemetaan kod bagi tema kesan terhadap pendedahan politik rasuah....	232

BAB SATU

Pengenalan

1.1 Latar Belakang Kajian

Isu alam sekitar merupakan isu kritikal yang memberi kesan besar terhadap pembangunan dan kesejahteraan manusia. Institusi politik setiap negara memainkan peranan penting dalam merangka undang-undang alam sekitar dan memastikan pelaksanaan yang efektif. Walaupun ekonomi turut berperanan dalam pengurusan alam sekitar, ia tetap berhubung erat dengan politik, menjadikannya isu kompleks yang tidak boleh diasingkan sebagai sekadar persoalan ekonomi semata-mata (Hu, Chen, Chang & Chu, 2021).

Penyelesaian isu alam sekitar sering melibatkan proses institusi politik, di mana ketidakseimbangan dalam bidang politik dapat mempengaruhi kesihatan alam sekitar. Hal ini menjadikan isu ini bukan sahaja berkaitan politik tetapi juga hak awam. Oleh itu, kajian mengenai pengaruh politik terhadap pembangunan alam sekitar perlu menekankan tanggungjawab dan hak pihak berkuasa dalam memastikan perlindungan alam sekitar yang berkesan melalui pembuatan dasar dan penguatkuasaan.

Dalam konteks yang lebih luas, cabaran alam sekitar yang serius memberi kesan langsung pada masalah sosioekonomi dan biofizikal. Isu ini turut mempengaruhi produktiviti agrikultur dan bekalan makanan negara. Maka, kerajaan perlu memberi perhatian mendalam terhadap isu-isu ini bagi memastikan pengurusan yang efektif dan mampan (Chimdesa, 2017).

Sebagai sumber penting bagi pembangunan sosioekonomi negara, hutan menawarkan pelbagai faedah ekonomi, sosial, dan ekologi. Pengurusan hutan secara mampan dapat menyumbang kepada manfaat jangka panjang, namun, pembalakan haram menghalang usaha ini, merosakkan kestabilan alam sekitar, mengurangkan hasil kerajaan, dan memberi kesan negatif kepada komuniti yang bergantung kepada hutan (Noor, Kadir & Muhammad, 2018).

Di Semenanjung Malaysia, pembalakan haram terus menjadi masalah alam sekitar yang serius. Ia memberi kesan terhadap kelestarian ekologi, mengurangkan hasil kerajaan negeri, dan melanggar hak masyarakat setempat. Walaupun pelbagai usaha telah diambil untuk membanterasnya, kelemahan dalam mekanisme kawal selia membolehkan pembalakan haram terus berkembang. Malaysia, Indonesia, dan Laos merupakan antara negara pengeluar kayu utama di Asia Tenggara, dengan Malaysia menyumbang 10% kayu haram di pasaran global (Hoare, 2015b). Pembalakan haram menyumbang 14–25% daripada pengeluaran kayu pada tahun 2010 dan kadar ini terus meningkat (Lawson & MacFaul, 2010). Transparency International memberikan penilaian kritikal terhadap amalan pembalakan di luar kawasan yang dibenarkan serta pengurusan pembalakan di kawasan curam dan eksploitasi berlebihan (NEPCon, 2018).

Sejak Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313) diluluskan dan dipinda pada 1993 untuk meningkatkan denda dan hukuman, pembalakan haram dan jenayah hutan tetap berlanjutan. Pembalakan haram menyebabkan pelbagai kesan buruk seperti kehilangan hutan, bencana alam, kerugian ekonomi, dan penyebaran rasuah, yang kesemuanya mengganggu kestabilan ekosistem dan biodiversiti (FAO, 2005; Reboledo, 2013).


Data kajian Noor, Kadir, dan Muhammad (2020) menunjukkan bahawa kekurangan kemudahan penguatkuasaan seperti pengangkutan, komunikasi, dan peralatan pengawasan merupakan faktor utama yang membolehkan aktiviti pembalakan haram berleluasa. Usaha penguatkuasaan juga terjejas akibat kekurangan peralatan moden dan bajet yang terhad, menjadikan tindakan undang-undang terhadap pembalakan haram sukar dilaksanakan (INTERPOL, 2013). Dalam hal ini, penglibatan pelbagai pihak berkepentingan adalah penting dalam penggubalan strategi penguatkuasaan yang berkesan. Faktor seperti rasuah di kalangan pegawai penguatkuasa turut memberi kesan negatif terhadap usaha mengekang pembalakan haram (World Bank, 2006; Transparency International EU, 2017). Kekurangan kakitangan lapangan dan sumber yang mencukupi untuk pemantauan hutan turut menghalang keberkesanan penguatkuasaan (Hoare, 2015a).

Secara keseluruhan, pembalakan haram membawa pelbagai kesan negatif kepada alam sekitar, ekonomi, dan sosial. Ia menjejaskan fungsi ekologi hutan, mengurangkan hasil kerajaan, dan memberi kesan buruk kepada masyarakat yang bergantung pada hutan. Kehilangan biodiversiti dan perubahan iklim adalah antara kesan serius pembalakan haram. Selain itu, amalan ini juga menggalakkan jenayah alam sekitar melalui pengelakan cukai dan penyebaran rasuah. Pembalakan haram akan terus berlaku selagi

kelemahan sistem penguatkuasaan ada. Oleh itu, kajian yang berterusan terhadap faktor-faktor yang menyumbang kepada pembalakan haram adalah kritikal untuk merangka penyelesaian yang mampan.

1.2 Penyataan Masalah


Malaysia yang terkenal sebagai salah satu negara megadiversiti di dunia, menyimpan kekayaan biodiversiti hutan hujan tropika yang amat berharga. Namun begitu, sejak dua dekad kebelakangan ini, trend kehilangan kawasan hutan menunjukkan peningkatan yang membimbangkan. Data daripada Global Forest Watch (2024) menunjukkan bahawa antara tahun 2001 hingga 2023, Malaysia telah kehilangan lebih daripada 8.33 juta hektar penutup pokok, bersamaan dengan penurunan 29% daripada jumlah keseluruhan kawasan hutan negara. Statistik ini mencerminkan ancaman besar terhadap kelestarian sumber semula jadi negara dan menimbulkan persoalan besar tentang punca sebenar kepada kerosakan hutan yang begitu ketara.



Rajah 1 Jumlah Kehilangan Pokok (Ribuan Hektar) di Malaysia (Global Forest Watch,2024

Walaupun terdapat pelbagai dasar dan peraturan yang diwujudkan bagi menguruskan hutan secara lestari, masalah kehilangan pokok secara mendadak dan tidak konsisten setiap tahun memberi petunjuk kepada kemungkinan wujudnya unsur rasuah sistemik dalam pengurusan sumber perhutanan. Terdapat kes-kes yang dilaporkan melibatkan pembalakan haram dan kelulusan lesen tanpa pemantauan ketat, khususnya di negeri-negeri seperti Sarawak dan Pahang, yang merupakan antara kawasan paling terkesan dalam statistik kehilangan hutan (Global Forest Watch, 2024). Selain itu, lonjakan kehilangan hutan yang drastik pada tahun-tahun seperti 2013 dan 2014 melebihi 600,000 hektar dalam setahun memerlukan siasatan lanjut terhadap kelemahan penguatkuasaan dan ketelusan dalam pemberian konsesi tanah. Meskipun pelbagai dasar perhutanan telah diperkenalkan dan dikuatkuasakan, terdapat kekurangan kajian empirikal yang menyeluruh dalam meneliti hubungan antara amalan rasuah dengan kehilangan hutan di peringkat negeri dan tempoh masa yang panjang.

Tambahan lagi, Malaysia mempunyai lebih daripada 18 juta hektar kawasan hutan stabil, menjadikannya antara negara megabiodiversiti yang memainkan peranan penting dalam ekosistem serantau dan global. Namun begitu, data daripada Global Forest Watch (2024) di dalam Rajah 2 di bawah menunjukkan bahawa lebih daripada 9 juta hektar kawasan hutan telah diceroboh, manakala hampir 2 juta hektar hutan telah hilang secara kekal. Peningkatan keluasan hutan pula sangat kecil, mencerminkan ketidakseimbangan besar antara kehilangan dan pemulihan hutan. Keadaan ini menimbulkan persoalan serius terhadap ketelusan, kebertanggungjawaban, dan keberkesanan institusi yang mengawal selia sektor perhutanan.



Rajah 2 Data Isu Keluasan Hutan di Malaysia (Global Forest Watch, 2024)

Walaupun terdapat banyak dasar dan laporan teknikal mengenai isu kehilangan hutan, statistik rasmi, atau laporan permukaan, yang gagal menggambarkan secara mendalam realiti lapangan. Kajian oleh Zainudin et al. (2022) dalam laporan "Status Sosio-Ekonomi Komuniti Orang Asli di Koridor Sungai Yu dan Gerik" menunjukkan bahawa pendekatan kualitatif seperti temu bual dan perbincangan kumpulan berfokus (FGD) membongkar maklumat penting berkaitan ketidaktelusan pentadbiran dan kesan langsung pencerobohan hutan ke atas komuniti tempatan. Walau bagaimanapun, kajian seumpama ini masih belum meluas digunakan sebagai rujukan utama dalam penyelidikan perhutanan.

Dalam kajian oleh McDermott & Schreckenberg (2009), pendekatan terhadap penilaian perhutanan komuniti masih kurang memberi perhatian kepada naratif tempatan, pengalaman penduduk, dan konflik tersembunyi dalam tadbir urus tanah. Tambahan pula, Laporan Tahunan SUHAKAM (2022) turut menggariskan kelemahan

penglibatan komuniti dan aktivis dalam proses perundingan serta pembuatan dasar berkaitan pembangunan tanah dan kawasan hutan. Ini menunjukkan terdapat jurang empirik yang kritikal dalam memahami dimensi sosial, budaya dan politik yang menyumbang kepada berlakunya pencerobohan hutan secara sistemik.

Menurut laporan Berita Harian (2022), krisis alam sekitar di Perak telah menarik perhatian Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad, yang terlibat dalam usaha menyelesaikan konflik alam sekitar yang semakin meruncing. Antara isu utama yang diketengahkan ialah perlombongan pasir silika yang berlanjutan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab, meskipun arahan pemberhentian telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa negeri. Aktiviti ini melanggar Rancangan Fizikal Negara serta garis panduan pemuliharaan dan pembangunan kawasan sensitif alam sekitar, yang ditetapkan bagi melindungi sumber alam dan kesejahteraan masyarakat.

Sebagai contoh, aktiviti penanaman haram di kawasan pantai yang sepatutnya mematuhi jarak minimum 1000 meter dari pantai kini dilakukan dalam jarak hanya 500 meter, yang menjejaskan habitat penyu yang mendarat berhampiran muara Sungai Putu. Pada tahun 2017, isu pembalakan di Sungai Siput menyebabkan penduduk Pos Piah memohon campur tangan Menteri Besar. Menurut Pengerusi Jaringan Orang Asli Kampung Kembok, memorandum telah dihantar kepada Jabatan Perhutanan Negeri dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), namun tiada tindakan diambil (Berita Harian, 2017). Pembalakan ini bukan sahaja menjejaskan sumber pendapatan Orang Asli yang bergantung pada hasil hutan, tetapi juga berpotensi mencetuskan bencana alam seperti banjir lumpur.

Isu Hutan Simpan Kenderong di Perak turut menarik perhatian ramai apabila kawasan ini, yang sepatutnya berfungsi sebagai hutan tadahan air, telah dinyahwartakan untuk memberi laluan kepada projek perlombongan. Aktiviti ini membawa risiko pencemaran air yang serius, yang menjejaskan ekosistem air dan persekitaran sekitar. Pada Januari 2021, Bernama melaporkan kerosakan alam sekitar yang disebabkan oleh projek kuari granit, dengan siasatan awal oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) Perak menunjukkan kemusnahan sebanyak 90% kawasan tersebut.

Faktor politik seperti rasuah turut menjadi perhatian penting dalam kajian akademik, kerana ia memberi kesan langsung dan tidak langsung kepada dasar alam sekitar. Kajian oleh Lisciandra dan Migliardo (2017) menunjukkan bahawa tahap rasuah yang tinggi dalam sesebuah negara cenderung menghasilkan dasar yang kurang berkesan dan berbahaya kepada alam sekitar. Ini turut disokong oleh Krammer (2016), yang mendapati bahawa terdapat hubungan tidak linear antara rasuah dan pertumbuhan ekonomi; keberkesanan dasar alam sekitar meningkat apabila tahap rasuah menurun (Gholipur dan Farzanegan, 2018).

Kajian terdahulu menunjukkan keperluan penyelidikan lanjut mengenai pengaruh faktor politik terhadap alam sekitar, terutamanya dalam konteks negara membangun. Menurut Hu, Chen, Chang, & Chu (2021), masih terdapat kekurangan kajian empirikal yang mendalam mengenai pengaruh politik terhadap alam sekitar di negara-negara membangun. Dalam konteks ini, sektor bukan kerajaan, termasuk organisasi masyarakat sivil dan sektor swasta, memainkan peranan penting dalam mengatasi jurang politik dan memperkukuh kapasiti untuk menangani isu alam sekitar di pelbagai peringkat (Andrade & Puppim de Oliveira, 2015; Kadirbeyoglu, 2017).

Merujuk kepada perbincangan di atas, jelas terdapat kekurangan dalam kajian terdahulu yang perlu ditangani. Penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji kesan elemen-elemen politik terhadap krisis alam sekitar di Perak secara mendalam. Oleh itu, kajian ini mencadangkan penggunaan pendekatan kualitatif berasaskan temu bual mendalam, pemerhatian lapangan, dan analisis dokumen untuk meneliti mekanisme tidak formal, budaya organisasi, tekanan politik, dan konflik nilai yang berlaku dalam pengurusan hutan di Malaysia. Kajian ini bertujuan untuk membongkar suara dan perspektif yang selama ini tidak diarusperdanakan seperti pandangan penguat kuasa, pegawai agensi, masyarakat Orang Asli, dan aktivis alam sekitar yang merupakan kunci dalam memahami akar permasalahan sebenar kehilangan dan pencerobohan hutan. Hasil kajian ini akan menyumbang secara signifikan kepada pembangunan dasar yang lebih telus, lestari dan berasaskan realiti sebenar.

1.3 Persoalan Kajian

- a) Bagaimanakah elemen politik rasuah mempengaruhi isu alam sekitar di Negeri Perak?
- b) Dalam apakah bentuk pengaruh politik rasuah terhadap pengurusan dan perlindungan alam sekitar di Negeri Perak?
- c) Bagaimanakah mekanisme pembendungan politik rasuah diterapkan atau dihadkan dalam konteks pengurusan alam sekitar di Negeri Perak?

1.4 Objektif Kajian

- a) Mengkaji pengaruh elemen politik rasuah terhadap isu alam sekitar di Negeri Perak.

- b) Meneliti bentuk-bentuk kesan politik rasuah terhadap pengurusan dan perlindungan alam sekitar di Negeri Perak.
- c) Menganalisis pendekatan dan cabaran dalam membendung politik rasuah berkaitan isu alam sekitar di Negeri Perak.

1.5 Signifikan Kajian

Kajian ini memberikan sumbangan penting dari aspek teoritikal dan praktikal dalam konteks pengurusan alam sekitar dan tadbir urus di Malaysia. Dari segi teoritikal, kajian ini berpotensi memperkaya literatur yang mengaitkan faktor politik dengan pengurusan alam sekitar, terutama dalam konteks negara membangun seperti Malaysia. Teori-teori yang menghubungkan tadbir urus, integriti, dan dasar alam sekitar masih kurang dibahas secara mendalam dalam konteks tempatan, menjadikan kajian ini penting untuk mengisi jurang tersebut. Kajian ini berupaya menyediakan pandangan yang lebih jelas mengenai pengaruh politik seperti ketelusan tadbir urus, amalan rasuah, dan peranan institusi politik dalam mempengaruhi perancangan dan pelaksanaan dasar alam sekitar yang mampan. Ini bukan sahaja memperkukuhkan teori sedia ada, tetapi juga membentuk model baru yang relevan bagi negara-negara yang berdepan cabaran untuk mengimbangi pembangunan ekonomi dengan pemuliharaan alam sekitar.

Kajian ini juga membina asas untuk konsep "politik alam sekitar," di mana tadbir urus alam sekitar dilihat sebagai medan politik yang terpengaruh oleh pelbagai kepentingan. Melalui kajian ini, teori politik dan ekonomi seperti "Teori Agensi" dan "Teori Kepentingan Awam" dapat diperluas dengan penambahan elemen-elemen tempatan yang berkaitan dengan dinamik politik dan ekonomi di Malaysia. Misalnya, "Teori Agensi," yang menerangkan hubungan antara pegawai kerajaan dan

masyarakat, boleh diperhalusi untuk merangkumi bagaimana amalan rasuah menghalang pihak berkepentingan daripada mencapai matlamat kolektif dalam pemuliharaan alam sekitar. Pendekatan ini turut membantu untuk memahami bagaimana teori integriti dapat diterapkan dalam konteks pengurusan alam sekitar, khususnya di Malaysia yang sedang berusaha meningkatkan Indeks Persepsi Rasuah (CPI).

Dari segi praktikal, kajian ini berperanan besar dalam menyediakan panduan relevan kepada kerajaan dan pembuat dasar. Penyelidikan ini diharapkan dapat mencadangkan dasar yang lebih berkesan, telus, dan mampan dalam pengurusan alam sekitar, yang bebas dari pengaruh negatif seperti rasuah dan penyalahgunaan kuasa. Kelemahan dalam tadbir urus dan masalah rasuah sering menjadi penghalang utama dalam pelaksanaan dasar alam sekitar yang berkesan. Selaras dengan matlamat Institut Integriti Malaysia (IIM), kajian ini dapat menyokong usaha kerajaan untuk meningkatkan skor Indeks Persepsi Rasuah (CPI) dan membina tadbir urus yang bersih dan telus. Pada tahun 2021, Malaysia mencatatkan skor CPI sebanyak 48, turun dari 53 pada 2019 dan 51 pada 2020. Oleh itu, cadangan kajian ini diharapkan dapat memperkuat usaha integriti, seiring dengan kenyataan IIM yang menekankan pentingnya budaya integriti dalam tadbir urus negara.

Kepentingan praktikal kajian ini turut merangkumi impak kepada ekonomi negara. Kegagalan mengatasi masalah rasuah dan ketelusan dalam tadbir urus boleh menyebabkan pelabur asing hilang keyakinan terhadap pasaran Malaysia. Ketidakstabilan dalam dasar alam sekitar yang disebabkan oleh pengaruh politik negatif boleh menyebabkan kejatuhan nilai saham dan melemahkan daya saing

Malaysia di pasaran antarabangsa. Dengan dasar tadbir urus yang lebih telus dan efisien, yang disokong oleh cadangan dari kajian ini, kerajaan dapat menarik lebih banyak pelaburan asing, memperkukuh ekonomi, dan menstabilkan pasaran kewangan negara. Pelabur asing biasanya mempertimbangkan aspek ketelusan, integriti, dan kestabilan politik dalam membuat keputusan pelaburan; oleh itu, kajian ini berpotensi menjadi asas bagi memperbaiki imej Malaysia di persada antarabangsa.

Dari sudut sosioekonomi, kajian ini mampu memberi manfaat besar kepada masyarakat tempatan, terutama komuniti yang terkesan dengan isu alam sekitar seperti pembalakan haram, pencemaran air, dan perlombongan yang tidak terkawal. Penyelidikan ini diharapkan dapat mengemukakan cadangan dasar yang lebih mesra alam dan melindungi hak-hak masyarakat yang bergantung pada sumber alam sekitar. Ini selaras dengan usaha kerajaan untuk menyeimbangkan kepentingan ekonomi dengan kelestarian alam sekitar demi kesejahteraan masyarakat. Dengan dasar yang lebih kukuh dan berintegriti, masyarakat dapat menikmati manfaat alam sekitar yang lebih lestari, sambil mengurangkan risiko bencana alam seperti banjir dan pencemaran. Secara keseluruhan, kajian ini membawa dua kepentingan utama: pertama, ia memperluas perspektif teori dalam bidang politik alam sekitar dan tadbir urus berintegriti, terutamanya dalam konteks Malaysia sebagai negara membangun. Kedua, kajian ini menawarkan penyelesaian praktikal yang dapat digunakan oleh pembuat dasar dan kerajaan dalam memperkuat dasar alam sekitar yang lebih efektif, telus, dan sejajar dengan matlamat integriti nasional. Kajian ini bukan sahaja berpotensi membantu Malaysia mencapai skor CPI yang lebih tinggi tetapi juga berfungsi sebagai asas bagi pembangunan dasar yang lebih mampan dan holistik untuk generasi akan datang.

1.6 Definisi Kajian

1.6.1 Politik

Dalam konteks kajian PhD ini, politik memainkan peranan penting sebagai kerangka untuk memahami dinamika kuasa dan interaksi antara individu dan kumpulan dalam mempengaruhi keputusan, pengagihan sumber, dan pentadbiran awam. Pandangan sarjana seperti John (2000) dan Raymond (2001) menganggap politik sebagai merangkumi “segala aktiviti kerjasama, perundingan, dan konflik, sama ada dalam atau antara masyarakat, di mana individu mengatur penggunaan, pengeluaran, atau pengagihan sumber semula jadi dan sumber lain dalam usaha mengekalkan kehidupan biologi dan sosial mereka.” Walaupun definisi ini menyeluruh, ia mengabaikan dua aspek kritikal: pertama, definisi ini menggabungkan semua aktiviti dalam ruang lingkup politik tanpa memberi tumpuan khusus pada komponen utama. Kedua, ia tidak menggambarkan pandangan tradisional seperti yang dinyatakan oleh Aristotle, yang melihat politik bukan sekadar koleksi aktiviti tetapi sebagai bidang penting dan mendasar dalam pembentukan dan kestabilan masyarakat.

Menurut Jubb (2017), politik berfungsi sebagai medium utama dalam penyelesaian isu-isu yang memerlukan kuasa untuk mengawal sumber dan menyelesaikan konflik. Bukan sekadar alat penyelesaian, politik juga merupakan sumber kuasa yang membolehkan kawalan terhadap pengagihan sumber, menguruskan konflik, serta melaksanakan kuasa dalam masyarakat. Open Learn (2021) mendefinisikan politik sebagai elemen asas dalam pentadbiran negara, merangkumi aktiviti sosial dan awam yang berkaitan dengan pengurusan dan pengagihan sumber. Sebagai elemen dalam pentadbiran awam, politik bertindak sebagai instrumen utama dalam menentukan bagaimana sumber yang terhad digunakan dan siapa yang menerima manfaat

daripadanya (Osieja, 2021). Kekurangan sumber ini sering kali menjadi punca konflik apabila berlaku perbezaan pandangan mengenai kaedah terbaik untuk menggunakannya bagi manfaat ekonomi dan sosial. Dalam konteks ini, kuasa politik dilihat sebagai kapasiti individu atau kumpulan untuk mempengaruhi keputusan, yang boleh mendatangkan kesan positif atau negatif bergantung pada cara ia diaplikasikan dalam pentadbiran negara.

Menurut Merriam-Webster (2022), politik didefinisikan sebagai seni atau sains pemerintahan yang berupaya mempengaruhi dasar-dasar kerajaan. Politik juga dilihat sebagai seni dalam memenangi dan menguasai kerajaan, serta sebagai persaingan antara individu atau kumpulan yang berhasrat untuk mendapatkan kuasa dan kedudukan kepimpinan. Selain itu, politik diklasifikasikan sebagai profesion atau aktiviti, yang mana ia kadangkala dianggap sebagai tidak jujur atau tidak bersih, bergantung pada jawatan dan tindakan yang diambil oleh individu dalam proses pengambilan keputusan (Merriam-Webster, 2022; Cambridge Dictionary, 2022).

Kajian ini memperluas pemahaman tentang peranan politik dalam konteks pengurusan sumber dan pengaruhnya terhadap tadbir urus. Dengan meneliti politik sebagai instrumen kuasa yang mengawal sumber terhad, kajian ini menyumbang kepada literatur yang menekankan pentingnya integriti dan ketelusan dalam politik, terutama dalam konteks negara membangun. Analisis terhadap definisi dan fungsi politik adalah penting untuk memahami bagaimana kuasa boleh disalahgunakan atau diaplikasikan dengan bijak dalam tadbir urus, khususnya dalam pengurusan sumber awam dan menangani isu alam sekitar yang kritikal.

Kajian ini bukan sahaja menawarkan penambahan kepada teori-teori sedia ada, tetapi juga menyumbang kepada pemahaman praktikal tentang pengurusan politik yang beretika dan berkesan. Dalam konteks pengurusan sumber, politik yang berlandaskan integriti dan ketelusan mampu menyediakan rangka kerja tadbir urus yang lebih bertanggungjawab, memastikan sumber awam digunakan dengan cekap dan memenuhi keperluan masyarakat secara menyeluruh.

1.6.2 Rasuah

Seperti yang dinyatakan, konsep rasuah ditafsirkan dengan pelbagai cara dalam literatur. Berdasarkan pandangan umum, subjektiviti dan kerumitan dalam menganalisis rasuah muncul kerana definisi istilah ini berbeza-beza mengikut konteks budaya dan geografi (Chandler & Graham, 2010; Budiman, Roan & Callan, 2013). Menurut Houston dan Graham (2001, dalam Chandler & Graham, 2010), variasi dalam persepsi dan toleransi terhadap amalan rasuah antara negara dan budaya yang berbeza telah menghasilkan pelbagai definisi rasuah, yang seterusnya menambah sifat subjektif dan kerumitan fenomena ini. Kajian ini menekankan bahawa definisi rasuah boleh dilihat melalui dua aspek utama: aspek eksplisit dan aspek tersirat. Pendekatan eksplisit menekankan rasuah sebagai tingkah laku yang melanggar undang-undang dan akta yang ditetapkan, manakala pendekatan tersirat merujuk kepada bentuk rasuah yang tidak nyata, namun terbukti melalui tingkah laku tertentu yang memberikan manfaat kepada pihak berkepentingan secara tidak sah.

Rasuah, sebagai bentuk amalan tidak bermoral, melibatkan penyalahgunaan kuasa oleh pihak berkuasa dalam sektor awam atau swasta untuk mendapatkan keuntungan atau faedah peribadi, baik dalam bentuk kewangan mahupun bukan kewangan (Bahoo,

Alon & Paltrinieri, 2020). Berdasarkan kajian Bahoo, Alon, dan Paltrinieri (2020), ciri-ciri rasuah boleh dirumuskan kepada tiga elemen utama: pertama, rasuah melibatkan tindakan yang diharamkan atau melanggar undang-undang; kedua, individu atau organisasi yang terlibat menggunakan kuasa atau kedudukan mereka untuk melanggar peraturan yang telah ditetapkan; dan ketiga, tujuan utama tindakan rasuah adalah untuk memberikan faedah atau keuntungan kepada pihak yang terlibat tanpa manfaat kepada negara atau pemegang saham.

Dalam kajian terdahulu, rasuah dikategorikan kepada beberapa jenis utama, antaranya rasuah awam (public corruption) (Pontell & Geis, 2007), rasuah swasta (private corruption) (Argandona, 2003), rasuah meluas (pervasive corruption), dan rasuah rawak (random corruption) (Rodriguez, Uhlenbruck & Eden, 2005). Rasuah awam merujuk kepada tindakan haram yang dilakukan oleh pegawai kerajaan, birokrat, atau ahli politik, yang biasanya melibatkan tawaran berbentuk kewangan atau bukan kewangan sebagai balasan perkhidmatan atau keistimewaan tertentu. Jenis rasuah ini sering kali melibatkan pertukaran kecil seperti hadiah atau bantuan sebagai balasan untuk mendapatkan kelebihan tertentu (Bahoo, Alon & Paltrinieri, 2020). Rasuah swasta pula merujuk kepada aktiviti haram yang dilakukan oleh pekerja atau pengurus dalam sektor swasta, di mana mereka menerima faedah atau imbuhan daripada pihak tertentu sebagai imbalan untuk melanggar peraturan atau prosedur organisasi. Amalan rasuah ini dianggap meluas apabila melibatkan jaringan pegawai awam atau kerajaan, menjadikannya sukar untuk dibanteras kerana sifatnya yang sistemik dan penyebarannya yang meluas (Cuervo-Cazurra, 2016).

Pemahaman yang lebih mendalam mengenai kategori-kategori rasuah ini adalah penting bagi kajian ini, kerana ia membantu menggariskan jenis dan skala amalan rasuah yang berlaku dalam konteks yang berbeza. Dengan memahami pelbagai dimensi rasuah—sama ada awam, swasta, meluas, atau rawak—kajian ini dapat menyumbang kepada pembangunan kerangka kerja yang lebih jelas untuk menganalisis dan merumuskan dasar-dasar yang efektif bagi membanteras amalan rasuah dalam masyarakat. Penyelidikan ini menyediakan asas untuk strategi anti-rasuah yang lebih menyeluruh, berlandaskan pemahaman yang mendalam mengenai bentuk, konteks, dan kesan rasuah dalam pelbagai sektor dan tahap pentadbiran.

1.6.3 Alam Sekitar

Persekitaran merupakan subjek yang sentiasa relevan dalam perbincangan, mencakupi elemen-elemen asas kehidupan seperti air, udara, tanah, flora, dan fauna (Tanasescu, 2016). Istilah “alam sekitar” didefinisikan secara meluas untuk merangkumi setiap komponen yang membentuk ekosistem serta keadaan hidup manusia, yang saling berhubung secara kompleks dan memberi kesan antara satu sama lain. Deklarasi Stockholm 1972, sebagai contoh, mengiktiraf “contoh ekosistem semula jadi” sebagai elemen penting dalam pemahaman alam sekitar. Menurut Wolk et al. (2016), istilah “alam sekitar” merangkumi semua elemen yang, sama ada melalui kewujudannya atau melalui interaksi yang kompleks, menyediakan asas kehidupan dan kesejahteraan bagi manusia. Akta Alam Sekitar New Zealand 1986 turut memperluas definisi ini dengan memasukkan komponen ekosistem, sumber fizikal, serta faktor sosial, ekonomi, estetika, dan budaya yang dipengaruhi oleh perubahan dalam persekitaran.

Dalam pendekatan undang-undang, peraturan alam sekitar dikategorikan kepada beberapa kumpulan untuk memudahkan pengurusan dan pemuliharaan. Bennett (2019) mencadangkan tiga kategori utama: persekitaran “semula jadi,” yang memberi fokus kepada perlindungan sumber alam seperti tanah, air, dan udara; persekitaran “buatan manusia,” yang meliputi aset budaya; dan persekitaran “manusia,” yang melibatkan aspek keselamatan makanan, produk, rekreasi, dan ekonomi (seperti perlindungan pengguna dan pelabelan eko) (Rudel, 2011). Dalam klasifikasi yang lebih khusus, Salter menganggap persekitaran dalaman dan tempat kerja sebagai bahagian daripada persekitaran “buatan manusia” (Dryzek, 1987).

Kajian ini menumpukan kepada persekitaran “semula jadi” sebagai fokus utama, dengan tujuan untuk memahami ancaman yang dihadapi serta mengenal pasti cara terbaik untuk menangani cabaran ini. Pengelasan isu alam sekitar dibahagikan kepada tiga tahap: global, serantau, dan tempatan. Pada tahap global, isu utama termasuk penebangan hutan, pengurusan, penipisan lapisan ozon, dan perubahan iklim yang berkait dengan pemanasan global (Van & Leroy, 2003). Pada tahap serantau, isu melibatkan pencemaran rentas sempadan dan pengurusan kawasan ekologi seperti tanah lembap dan spesies migrasi. Pada tahap tempatan pula, tumpuan diberikan kepada isu-isu seperti risiko perindustrian, pengurusan sisa isi rumah, dan pilihan produk (Gamson & Meyer, 1996). Meskipun pengelasan geografi ini memberikan struktur analisis yang jelas, kajian terkini menunjukkan bahawa setiap jenis pencemaran—sama ada bersifat tempatan atau global—saling berkait dan tidak mengenal sempadan politik (Clapp & Dauvergne, 2011). Sebagai contoh, pencemaran air boleh terjejas oleh pencemaran udara dan tanah, dan sebaliknya, menjadikan kesan pencemaran melampaui batasan geografi dan mencapai tahap antarabangsa.

Salah satu punca utama pencemaran dan kerosakan alam sekitar sering dikaitkan dengan pertambahan populasi global. Setiap aktiviti manusia, sama ada pada skala kecil atau besar, memberikan impak negatif terhadap alam sekitar dan berpotensi menyebabkan kerosakan yang berkekalan. Sifat masalah alam sekitar turut mengalami perubahan mengikut masa, baik dari segi bentuknya mahupun cara perbincangannya. Sebagai contoh, Deklarasi Stockholm 1972 menekankan pentingnya pemahaman dan pemeliharaan ekosistem semula jadi sebagai asas kepada kelangsungan persekitaran manusia. Alam sekitar boleh ditakrifkan sebagai semua elemen yang saling berhubung dan membentuk asas kehidupan manusia serta memberikan kesan yang signifikan terhadap kesejahteraan manusia.

Berkenaan dengan definisi kerosakan alam sekitar, pendekatan semasa menekankan pentingnya membezakan isu-isu kepada tiga tahap: global, serantau, dan tempatan. Masalah global, seperti penebangan hutan, penggurunan, penipisan lapisan ozon, dan perubahan iklim akibat pemanasan global, adalah antara isu-isu yang mendesak dan memerlukan kerjasama antarabangsa. Isu serantau melibatkan pencemaran rentas sempadan dan pengurusan kawasan ekologi yang memerlukan usaha bersama antara negara jiran. Di peringkat tempatan, isu-isu seperti risiko perindustrian, pengurusan sisa domestik, dan pilihan produk adalah tanggungjawab kerajaan tempatan dan komuniti. Namun, persoalan timbul sama ada klasifikasi geografi ini masih relevan memandangkan interaksi antara semua jenis pencemaran dan sumber alam. Peningkatan pemahaman menunjukkan bahawa semua bentuk pencemaran, sama ada domestik atau global, berinteraksi secara signifikan (Clapp & Dauvergne, 2011). Sebagai contoh, pencemaran udara di satu negara boleh memberi kesan kepada sumber

air di negara lain, menunjukkan bahawa semua pencemaran domestik akhirnya akan membawa implikasi global.

Secara keseluruhan, kajian ini bertujuan untuk menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang isu-isu alam sekitar dalam pelbagai konteks, dari peringkat global hingga tempatan. Pendekatan ini mengakui bahawa, walaupun isu-isu alam sekitar boleh diklasifikasikan mengikut lokasi geografi, penyelesaian yang efektif memerlukan kerjasama antarabangsa dan pendekatan holistik. Hal ini penting untuk menangani kesan pencemaran yang tidak mengenal batasan politik atau geografi, memastikan kelestarian alam sekitar bagi kesejahteraan masyarakat global.

1.7 Susunan Bab

Berdasarkan struktur kajian ini, tesis ini dibahagikan kepada lima bahagian utama yang merangkumi setiap aspek kajian secara terperinci.

Bab Satu adalah pengenalan kepada kajian ini, yang mengandungi elemen-elemen asas yang menjadi tunjang kepada keseluruhan kajian. Antara elemen utama yang dibincangkan dalam bab ini termasuk objektif kajian, persoalan kajian, permasalahan kajian, serta elemen lain yang relevan untuk memberikan gambaran menyeluruh tentang skop dan kepentingan kajian ini.

Bab Dua merupakan sorotan literatur yang membincangkan kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan topik kajian ini. Bab ini memberi tumpuan kepada hasil-hasil kajian lepas, mengenal pasti jurang pengetahuan, serta mengupas teori-teori yang menjadi asas kepada kajian ini. Sorotan literatur ini menyediakan latar belakang yang

kukuh dan asas teori yang menyokong permasalahan kajian serta justifikasi terhadap kajian yang dijalankan.

Bab Tiga menumpukan kepada metodologi kajian, yang memperincikan reka bentuk kajian, sampel dan populasi yang terlibat, serta kaedah analisis yang akan digunakan untuk memproses dan menganalisis data yang diperoleh. Bab ini menerangkan dengan jelas langkah-langkah pengumpulan data, instrumen kajian yang digunakan, serta teknik-teknik analisis yang dipilih untuk memastikan ketepatan dan kebolehpercayaan hasil kajian. Pendekatan ini memberikan panduan sistematik dalam pelaksanaan kajian bagi mencapai objektif kajian yang ditetapkan.

Bab Empat adalah bahagian analisis data, di mana hasil kajian akan dianalisis dan dibincangkan berdasarkan data yang diperoleh melalui kaedah yang telah dijelaskan dalam bab metodologi. Dalam bab ini, data yang dikumpulkan daripada temu bual, soal selidik, atau kaedah pengumpulan data lain akan dianalisis secara mendalam untuk menjawab persoalan kajian dan mencapai objektif yang telah digariskan. Bab ini bertujuan memberikan penjelasan yang menyeluruh mengenai hasil yang diperoleh dan interpretasinya dalam konteks kajian.

Bab Lima adalah bab terakhir yang mengandungi kesimpulan dan cadangan kajian. Bab ini merumuskan penemuan utama kajian, menghubungkannya dengan objektif yang telah ditetapkan, serta membincangkan implikasi kajian terhadap teori dan amalan. Selain itu, cadangan untuk kajian masa hadapan akan disediakan bagi memberi panduan kepada penyelidik lain dalam memperluaskan pemahaman terhadap topik ini.

Secara keseluruhan, struktur kajian ini diatur dengan sistematik bagi memastikan setiap bab menyumbang kepada keseluruhan tujuan kajian, dari peringkat pengenalan hingga ke kesimpulan dan cadangan. Rangka kerja ini bukan sahaja menyokong pencapaian objektif kajian tetapi juga memperkaya literatur dengan pandangan baru dan cadangan yang berpotensi untuk aplikasi praktikal.



BAB DUA

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pengenalan

Bab ini memberi tumpuan kepada sorotan literatur yang melibatkan elemen-elemen penting yang telah diperkenalkan dalam Bab Satu. Bahagian awal bab ini akan memperkenalkan konsep-konsep yang berkaitan, termasuk definisi dan konteks politik, rasuah, serta alam sekitar. Kajian ini juga akan memberikan penjelasan terperinci mengenai bagaimana politik dan rasuah mempengaruhi isu-isu alam sekitar berdasarkan kajian lepas yang relevan dan memberi konteks yang komprehensif tentang interaksi antara elemen-elemen tersebut.

Sorotan literatur ini merangkumi kajian-kajian terdahulu yang dibincangkan dari perspektif konseptual dan empirikal, yang mana kajian-kajian ini memberikan pandangan menyeluruh tentang bidang ini. Kajian terdahulu akan dianalisis dari segi konsep asas dan hasil empirikalnya bagi mengenal pasti jurang pengetahuan yang memerlukan penyelidikan lanjut. Bab ini juga akan memfokuskan kepada kajian kes terdahulu yang relevan serta membincangkan secara mendalam hubungan antara politik, rasuah, dan alam sekitar, dalam usaha untuk menyediakan asas teori dan bukti empirik yang kukuh untuk perbincangan dalam bab-bab seterusnya.

Sorotan ini bertujuan untuk membina konteks dan asas teori yang dapat menyokong objektif dan persoalan kajian serta membina kerangka konseptual yang akan memandu kajian ini ke arah yang sistematik dan komprehensif. Pendekatan ini akan memastikan setiap elemen disusun dengan baik untuk memberi pemahaman yang mendalam tentang pengaruh politik dan rasuah terhadap pengurusan alam sekitar, sekaligus membentuk asas yang kukuh untuk analisis lanjut dan cadangan yang lebih berkesan.

2.2 Rasuah

Rasuah merupakan fenomena yang amat kompleks dan pelbagai dimensi, yang ditakrifkan serta difahami secara berbeza bergantung kepada latar belakang budaya, perundangan, dan disiplin akademik yang mengkaji isu ini. Secara umum, rasuah ditakrifkan sebagai penyalahgunaan kuasa yang diamanahkan demi keuntungan peribadi, sama ada dalam bentuk wang, hadiah, janji jawatan, atau sebarang imbuhan yang membawa nilai kepada pelaku atau penerima (Transparency International, 2023). Ia melibatkan tindakan seperti memberi, menerima, atau meminta suapan dengan niat untuk mempengaruhi keputusan atau tindakan seseorang yang memegang kuasa, biasanya dalam konteks pentadbiran awam, sektor perniagaan, atau politik (Bussell, 2015; Rose-Ackerman & Palifka, 2016).

Dalam konteks budaya, persepsi terhadap rasuah boleh berbeza secara ketara. Sebagai contoh, dalam sesetengah masyarakat yang menjunjung nilai kolektivisme dan hubungan patron-klien, tindakan yang dilihat sebagai “ganjaran” atau “tanda penghargaan” mungkin tidak dianggap sebagai rasuah secara moral walaupun ia melanggar undang-undang. Ini menunjukkan bahawa norma sosial memainkan peranan penting dalam mentafsir sempadan antara kelakuan yang boleh diterima dan

kelakuan yang korup (Ledeneva, 2006). Dalam erti kata lain, rasuah tidak hanya perlu dilihat dari lensa legalistik semata-mata, tetapi juga dari perspektif sosiologi dan antropologi yang mempertimbangkan struktur nilai masyarakat.

Dari sudut perundangan pula, pelbagai negara mempunyai definisi yang berbeza-beza tentang rasuah dalam kerangka undang-undang mereka. Contohnya, Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Menentang Rasuah (United Nations Convention against Corruption, UNCAC) yang ditandatangani pada tahun 2003 menetapkan satu piawaian antarabangsa untuk mengenal pasti dan membanteras pelbagai bentuk rasuah, termasuk suapan, penggelapan, penyalahgunaan kuasa, dan perolehan tidak sah kekayaan oleh pegawai awam (UNODC, 2004).

Dari perspektif akademik pula, rasuah sering dikaji dalam pelbagai cabang ilmu seperti ekonomi, sains politik, sosiologi, dan etika. Dalam ekonomi pembangunan, rasuah dilihat sebagai penghalang utama kepada pertumbuhan yang mampan, pelaburan asing, dan keberkesanan sistem penyampaian awam (Mauro, 1995; Kaufmann & Kraay, 2002). Di samping itu, para sarjana seperti Klitgaard (1988) menekankan bahawa rasuah berlaku apabila terdapat peluang, insentif, dan kelemahan dalam sistem pemantauan dan akauntabiliti. Model klasik beliau merumuskan bahawa *rasuah* = *monopoli* + *budi bicara* – *akauntabiliti*, yang menekankan betapa pentingnya institusi yang kuat dan telus dalam mencegah gejala ini.

Oleh itu, memahami rasuah memerlukan pendekatan yang bersifat interdisiplinari dan kontekstual. Pendekatan ini bukan sahaja memperluas horizon analisis terhadap isu rasuah, tetapi juga membantu dalam merangka strategi pencegahan yang lebih efektif

dan lestari, dengan mengambil kira kepelbagaian struktur sosial, budaya, dan institusi dalam sesebuah negara atau komuniti.

- **Perspektif Perundangan mengenai Rasuah**

Dalam konteks perundangan, rasuah sering didefinisikan dengan merujuk kepada sebarang bentuk imbuhan yang ditawarkan, dijanjikan, diberikan, diterima atau diminta oleh mana-mana individu yang memegang kuasa atau tanggungjawab rasmi, dengan tujuan untuk mempengaruhi keputusan atau tindakan yang berkaitan dengan tugas rasmi tersebut. Definisi ini bukan sahaja mengandungi unsur niat untuk mempengaruhi keputusan, tetapi juga menekankan elemen pertukaran yang tidak sah dalam sistem pentadbiran atau institusi. Rasuah dengan demikian dianggap sebagai satu bentuk penyalahgunaan kuasa atau jawatan yang diamanahkan, dan sering digolongkan sebagai kesalahan jenayah dalam kebanyakan sistem perundangan negara.

Menurut Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Menentang Rasuah (United Nations Convention against Corruption, UNCAC), rasuah ditakrifkan secara jelas dalam Artikel 15 sebagai tindakan “menjanjikan, menawarkan atau memberi kepada seorang pegawai awam, secara langsung atau tidak langsung, sebarang kelebihan yang tidak wajar, bagi pegawai itu sendiri atau mana-mana pihak ketiga, supaya pegawai itu bertindak atau tidak bertindak berkaitan dengan pelaksanaan tugas rasminya.” (UNODC, 2004). Definisi ini memberikan garis panduan normatif yang penting bagi negara-negara anggota untuk merangka undang-undang domestik dalam membanteras rasuah secara lebih efektif dan seragam di peringkat antarabangsa.

Ciri penting dalam definisi perundangan ini adalah konsep “kelebihan yang tidak wajar” (*undue advantage*), yang merujuk kepada sebarang bentuk manfaat—sama ada berbentuk kewangan, kedudukan, kemudahan, atau bentuk imbuhan lain—yang diberikan bukan atas dasar merit atau prosedur rasmi. Elemen ini membezakan antara ganjaran yang sah dan bentuk ganjaran yang menjejaskan integriti sistem pentadbiran atau keputusan rasmi. Dalam banyak kes, perbuatan ini tidak semestinya perlu membabitkan pertukaran wang secara langsung, sebaliknya boleh melibatkan bentuk imbuhan lain yang membawa kepada konflik kepentingan dan ketidakadilan (OECD, 2018).

Selain itu, sistem perundangan juga menekankan bahawa rasuah lazimnya melibatkan sifat timbal balik, iaitu kewujudan hubungan simbiotik antara pemberi dan penerima. Dalam erti kata lain, rasuah bukan hanya kesalahan individu tetapi merupakan bentuk interaksi koruptif yang melibatkan dua atau lebih pihak dalam usaha memanipulasi sistem untuk kepentingan peribadi atau kumpulan tertentu (Johnston, 2005). Sifat ini menjadikan rasuah sebagai kesalahan yang sukar dikesan tanpa mekanisme pemantauan dan pelaporan yang telus serta sistem kehakiman yang bebas.

Namun begitu, takrifan undang-undang terhadap rasuah turut mencerminkan variasi mengikut bidang kuasa. Sebagai contoh, dalam sistem perundangan Malaysia, Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) memperuntukkan bahawa seseorang yang memberi, menjanjikan, atau menawarkan suapan kepada mana-mana ejen sebagai dorongan atau ganjaran untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu yang berkaitan dengan hal ehwal prinsipalnya, telah melakukan kesalahan rasuah (SPRM, 2009). Dalam konteks ini, istilah “suapan” merangkumi wang, derma, hadiah, pinjaman, yuran, ganjaran, diskaun dan sebarang benda bernilai.

Tambahan pula, dalam sistem undang-undang antarabangsa dan kebangsaan, peruntukan undang-undang berkaitan rasuah turut disokong oleh prinsip kebertanggungjawaban institusi dan ketelusan pentadbiran awam. Undang-undang ini bertujuan bukan sahaja untuk menghukum pesalah tetapi juga sebagai instrumen pencegahan dan reformasi pentadbiran melalui mekanisme seperti pengisytiharan harta, perlindungan pemberi maklumat (whistleblower), serta penubuhan badan penguat kuasa bebas seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Secara keseluruhannya, pendekatan perundangan terhadap rasuah menekankan keperluan sistem pemantauan, pendakwaan yang telus, serta penggubalan dasar anti-rasuah yang menyeluruh bagi menghapuskan budaya impunitas. Penekanan terhadap integriti institusi dan penguatkuasaan undang-undang yang berkesan adalah antara prasyarat utama dalam menangani gejala rasuah yang berakar umbi dalam sistem pentadbiran moden.

- **Perspektif Akademik mengenai Rasuah**

Dalam wacana akademik, rasuah secara umumnya difahami sebagai sebahagian daripada fenomena yang lebih luas dikenali sebagai korupsi, yang melibatkan penyalahgunaan kuasa yang diamanahkan demi kepentingan peribadi, dan lazimnya berlaku dalam interaksi antara sektor awam dan swasta (Rose-Ackerman & Palifka, 2016). Ia bukan sahaja mencerminkan kerosakan dalam struktur institusi, tetapi juga menandakan keruntuhan nilai etika dalam sistem sosial dan pentadbiran. Dalam konteks ini, rasuah bukan semata-mata tindakan melanggar undang-undang, tetapi juga pelanggaran prinsip moral dan norma masyarakat yang menjunjung keadilan, akauntabiliti, dan ketelusan.

Rasuah dalam sains politik dan ekonomi pembangunan sering dikaji sebagai gejala kelemahan institusi dan ketidakseimbangan kuasa. Rose-Ackerman (1999) menegaskan bahawa apabila struktur pentadbiran gagal menyediakan insentif yang betul atau gagal menguatkuasakan undang-undang secara adil, maka peluang untuk berlakunya rasuah menjadi semakin besar. Rasuah dianggap sebagai "rational choice" bagi individu yang menilai manfaat peribadi yang diperoleh melebihi risiko hukuman atau kesan sosial. Perspektif ini diguna pakai secara meluas dalam kajian ekonomi politik untuk menjelaskan tingkah laku birokrasi, perolehan kerajaan, dan kelangsungan rejim autoritarian.

Dalam pendekatan sosiologi dan antropologi pula, rasuah sering dinilai dalam konteks struktur sosial dan hubungan kuasa. Bussell (2015) mencadangkan bahawa untuk memahami rasuah dengan lebih mendalam, kita perlu melihatnya melalui satu spektrum yang kompleks, di mana elemen niat, konteks budaya, struktur institusi, serta akibat sosial dan ekonomi menjadi faktor yang saling berkait dalam menentukan sama ada sesuatu tindakan itu boleh dianggap sebagai rasuah. Ini bermakna bahawa tidak semua bentuk pertukaran yang kelihatan sebagai 'hadiah' atau 'tanda penghargaan' dianggap rasuah dalam semua konteks budaya, walaupun dari sudut undang-undang ia boleh ditafsirkan sebagai suapan.

Spektrum ini juga mengiktiraf bahawa rasuah tidak semestinya melibatkan pertukaran wang tunai atau keuntungan kewangan langsung. Ia boleh merangkumi pelbagai bentuk imbuhan bukan kewangan seperti layanan istimewa, pengaruh politik, perkhidmatan peribadi, atau akses eksklusif kepada peluang ekonomi dan sosial (Johnston, 2005). Kajian oleh Ledeneva (2006) mengenai amalan tidak formal dalam masyarakat pasca-Soviet menunjukkan bahawa konsep rasuah boleh mengambil bentuk yang halus dan tidak selalu bersifat transaksional secara langsung, tetapi

berakar dalam norma budaya, jaringan sosial, dan struktur kuasa yang tidak kelihatan. Justeru itu, penyelidikan akademik moden beralih daripada definisi statik kepada pendekatan kontekstual dan dinamik dalam memahami rasuah.

Tambahan pula, para akademik semakin menumpukan perhatian kepada impak sistemik rasuah terhadap pembangunan sosio-ekonomi dan keberkesanan dasar awam. Mauro (1995) mendapati bahawa rasuah mempunyai hubungan negatif yang signifikan terhadap pertumbuhan ekonomi dan pelaburan awam. Kajian tersebut menjadi asas kepada pelbagai kajian kuantitatif yang membuktikan bagaimana rasuah menjejaskan efisiensi pentadbiran, meningkatkan kos perniagaan, dan mengurangkan kualiti penyampaian perkhidmatan awam. Dalam konteks pendidikan dan penjagaan kesihatan, misalnya, rasuah boleh menghalang akses golongan rentan terhadap hak asas dan menjejaskan kemampanan pembangunan jangka panjang (Transparency International, 2023).

Oleh itu, perspektif akademik tentang rasuah tidak terhad kepada satu disiplin, sebaliknya mencerminkan kerumitan fenomena ini dalam pelbagai dimensi—politik, ekonomi, sosiologi, antropologi, dan etika. Pendekatan interdisiplinari ini penting untuk membolehkan pemahaman yang lebih mendalam dan menyeluruh terhadap punca, bentuk, dan kesan rasuah dalam konteks global mahupun tempatan. Ia juga menyediakan asas teori yang kukuh bagi merangka dasar pencegahan dan pembaharuan institusi yang berkesan dalam usaha membanteras rasuah secara sistemik dan berstruktur.

Definisi dan persepsi terhadap rasuah bukanlah bersifat universal, sebaliknya dipengaruhi secara mendalam oleh konteks budaya, nilai sosial, dan norma tempatan yang berbeza antara satu masyarakat dengan masyarakat lain. Perbezaan ini menjadikan rasuah sebagai konsep yang sangat kontekstual dan tidak boleh difahami hanya melalui kerangka undang-undang atau piawaian etika Barat. Dalam sesetengah budaya, misalnya, pemberian hadiah, layanan istimewa, atau 'ganjaran simbolik' kepada pegawai kerajaan atau rakan niaga dilihat sebagai amalan biasa yang mencerminkan rasa hormat, penghargaan, atau bahkan sebagai kewajipan sosial dalam mengekalkan hubungan baik. Walau bagaimanapun, dalam sistem perundangan atau budaya lain yang lebih mementingkan ketelusan dan kebertanggungjawaban, amalan ini boleh ditafsirkan sebagai percubaan untuk mempengaruhi keputusan dan diklasifikasikan sebagai rasuah (Husted, 1999).

Kajian oleh Treisman (2000) menunjukkan bahawa norma budaya yang mengawal dinamika kuasa, seperti hierarki sosial dan struktur autoriti tradisional, mempunyai pengaruh signifikan dalam menentukan tahap penerimaan sosial terhadap tindakan yang boleh dikategorikan sebagai rasuah. Di negara-negara yang menjunjung nilai kolektivisme, hubungan kekeluargaan dan jaringan sosial sering menjadi asas utama kepada struktur sosial dan ekonomi. Dalam keadaan sedemikian, pemberian hadiah atau imbuhan boleh dianggap sebagai sebahagian daripada tanggungjawab moral untuk membantu sesama anggota kumpulan, bukannya pelanggaran etika atau undang-undang.

Hofstede (2001) juga menegaskan bahawa dimensi budaya seperti *power distance* (jarak kuasa) dan *uncertainty avoidance* (pengelakan ketidakpastian) memainkan peranan penting dalam membentuk sikap terhadap rasuah. Negara-negara dengan tahap *power distance* yang tinggi cenderung menerima hubungan tidak seimbang antara rakyat dan pihak berkuasa, sekaligus mewujudkan persekitaran yang lebih permisif terhadap rasuah sebagai norma. Sebaliknya, dalam masyarakat dengan nilai *low power distance*, konsep keadilan, akauntabiliti, dan keterbukaan lebih ditekankan, sekali gus menjadikan masyarakat tersebut lebih sensitif terhadap isu rasuah.

Perkara ini menimbulkan cabaran besar dalam pelaksanaan undang-undang dan dasar anti-rasuah di peringkat antarabangsa. Usaha untuk menyeragamkan piawaian etika dan tadbir urus, seperti yang digariskan oleh *United Nations Convention Against Corruption* (UNODC, 2004), sering berhadapan dengan realiti budaya tempatan yang tidak seragam. Agensi antarabangsa dan syarikat multinasional perlu bergelut untuk menyeimbangkan antara keperluan mematuhi prinsip tadbir urus global dan menghormati adat serta norma budaya tempatan. Kegagalan untuk memahami kerumitan budaya ini boleh menyebabkan strategi anti-rasuah yang dibentuk secara universal menjadi tidak berkesan atau ditolak oleh masyarakat setempat (Getz & Volkema, 2001).

Tambahan pula, pemahaman lintas budaya terhadap rasuah sangat penting dalam konteks globalisasi, terutamanya dalam aktiviti pelaburan langsung asing, kontrak kerajaan, dan perdagangan antarabangsa. Ketiadaan kepekaan budaya boleh mengakibatkan salah tafsir yang serius dalam interaksi perniagaan antarabangsa, di mana tindakan yang dimaksudkan sebagai penghormatan boleh ditafsirkan sebagai

amalan tidak beretika. Justeru itu, pendekatan kontekstual dan berasaskan kesedaran budaya (cultural sensitivity) adalah amat penting dalam merangka dan melaksanakan dasar integriti yang berkesan (Rodriguez, Uhlenbruck & Eden, 2005).

Secara keseluruhannya, variasi budaya dalam mendefinisikan rasuah mengingatkan kita bahawa pendekatan anti-rasuah tidak boleh bersifat homogen. Sebaliknya, ia harus disesuaikan dengan latar belakang budaya, nilai tradisional, dan struktur sosial setiap komuniti, sambil mengekalkan komitmen terhadap prinsip-prinsip integriti, keadilan dan ketelusan sejagat.

- **Perspektif Ekonomi mengenai Rasuah**

Dari perspektif ekonomi, rasuah dilihat sebagai salah satu bentuk kegagalan pasaran (market failure) yang menjejaskan kecekapan pengagihan sumber dan menghalang pertumbuhan ekonomi yang mampan. Ahli ekonomi mendefinisikan rasuah sebagai situasi di mana individu atau organisasi menyalahgunakan kedudukan kuasa untuk mendapatkan kelebihan ekonomi melalui cara tidak sah, seperti bayaran tidak rasmi, suapan, atau hubungan eksklusif yang memintas prosedur perolehan dan pengawalseliaan yang telus (Mungiu-Pippidi, 2015; OECD, 2018). Dalam konteks ini, rasuah bukan sahaja merupakan isu moral dan etika, tetapi juga menimbulkan masalah struktur dalam ekonomi yang berkait rapat dengan ketidakefisienan pasaran, ketidaksamarataan, dan peningkatan kos transaksi.

Shleifer dan Vishny (1993), meskipun karya mereka lebih awal, tetap menjadi asas penting kepada pemahaman ekonomi terhadap rasuah. Mereka menyatakan bahawa rasuah adalah “penjualan kuasa kawal selia oleh penjawat awam kepada individu atau

firma untuk keuntungan peribadi,” yang mencetuskan fenomena rent-seeking, iaitu usaha untuk mendapatkan pendapatan tanpa mencipta nilai tambahan kepada ekonomi. Rasuah dalam bentuk ini menyimpang daripada prinsip asas ekonomi pasaran bebas, di mana keputusan pelaburan dan perolehan sepatutnya dibuat berdasarkan merit, kecekapan, dan penawaran terbaik.

Kajian semasa menyokong pandangan ini dengan bukti empirikal yang menunjukkan bahawa rasuah secara signifikan menghalang pertumbuhan ekonomi. Menurut penelitian oleh Dreher dan Herzfeld (2022), rasuah mengurangkan produktiviti sektor awam dan swasta melalui pengagihan sumber yang tidak cekap, menyebabkan ketirisan bajet awam, dan menjejaskan pelaburan asing langsung (FDI). Negara yang mencatat tahap rasuah yang tinggi cenderung menerima pelaburan yang lebih rendah kerana risiko politik dan ekonomi yang lebih besar, serta keperluan untuk membayar “kos tersembunyi” dalam bentuk rasuah dan sogokan (Habib & Zurawicki, 2020). Selain itu, rasuah mengurangkan insentif untuk inovasi kerana firma yang korup mungkin lebih bergantung kepada hubungan politik berbanding keupayaan mereka untuk bersaing dalam pasaran terbuka. Ini menghasilkan kesan limpahan negatif terhadap pertumbuhan jangka panjang, kerana inovasi adalah pemuat utama kepada peningkatan produktiviti dan pertumbuhan ekonomi (Olken & Pande, 2019). Dalam ekonomi membangun, terutama sekali di negara-negara Asia dan Afrika, rasuah dalam sektor infrastruktur telah dikenal pasti sebagai punca utama kepada kelewatan projek, peningkatan kos, dan hasil yang tidak menepati spesifikasi, sekali gus menjejaskan pembangunan ekonomi dan sosial (World Bank, 2020).

Dari sudut makroekonomi, rasuah juga memberi impak langsung terhadap kecekapan fiskal dan integriti institusi kerajaan. Rasuah yang berleluasa mengurangkan hasil kutipan cukai kerana sistem percukaian mudah dimanipulasi dan menyebabkan kebergantungan terhadap sumber pendapatan yang tidak stabil. Kajian oleh Saha dan Gounder (2022) menunjukkan bahawa negara yang mempunyai tahap rasuah tinggi cenderung mengalami defisit fiskal yang berpanjangan serta kekangan dalam pembiayaan perbelanjaan sosial seperti pendidikan dan kesihatan.

Bahkan, dalam ekonomi digital moden, rasuah terus berevolusi melalui saluran baharu termasuk penyalahgunaan sistem e-perolehan, manipulasi data digital, dan pengelakan cukai melalui struktur korporat lintas sempadan yang kompleks (Gans-Morse et al., 2021). Hal ini menandakan bahawa meskipun teknologi membawa peluang untuk ketelusan, ia juga membuka ruang baharu untuk bentuk rasuah yang lebih tersembunyi dan sukar dikesan tanpa mekanisme pemantauan yang canggih dan bebas.

Secara keseluruhannya, perspektif ekonomi terhadap rasuah menekankan bahawa rasuah bukan sekadar isu integriti individu, tetapi adalah simptom kepada kelemahan struktur ekonomi dan institusi. Ia menjejaskan kecekapan pasaran, melumpuhkan persaingan sihat, dan mengurangkan kebolehpercayaan terhadap dasar awam serta sektor korporat. Oleh itu, strategi pencegahan rasuah perlu bukan sahaja bersifat punitif tetapi juga memberi penekanan kepada pembaharuan institusi, pemerkasaan sistem tadbir urus ekonomi, dan penciptaan insentif untuk tingkah laku etika dalam pasaran.

- **Perspektif Psikologi terhadap Rasuah**

Dari perspektif psikologi, rasuah ditafsirkan sebagai suatu bentuk tingkah laku devian yang dipengaruhi oleh pelbagai faktor dalaman dan luaran, termasuk nilai peribadi, tekanan sosial, persepsi etika, serta penilaian risiko dan ganjaran. Pendekatan psikologi terhadap fenomena rasuah memfokuskan kepada proses kognitif dan afektif yang membentuk keputusan moral individu untuk terlibat dalam, atau menolak, perbuatan rasuah. Tidak seperti pendekatan ekonomi yang menekankan insentif luaran, perspektif ini meneliti motivasi dalaman individu, termasuk justifikasi moral dan rasionalisasi tingkah laku yang tidak beretika (Moore & Gino, 2015; Mazar & Ariely, 2016).

Kajian terkini menunjukkan bahawa individu yang terlibat dalam rasuah sering mempamerkan corak pemikiran yang membenarkan tindakan mereka melalui pelbagai mekanisme rasionalisasi, seperti 'semua orang melakukannya', 'saya tidak menyakiti sesiapa', atau 'ini hanyalah perkara kecil'. Mekanisme ini merujuk kepada apa yang disebut sebagai *ethical fading*, iaitu satu keadaan di mana pertimbangan moral dilupakan atau dikesampingkan apabila membuat keputusan (Tenbrunsel & Messick, 2004; Gino & Ariely, 2015). Dalam konteks ini, rasuah menjadi normalisasi dalam organisasi apabila pekerja merasakan perbuatan mereka tidak lagi berbeza secara moral daripada amalan kerja biasa, terutamanya jika terdapat isyarat sosial atau budaya organisasi yang membenarkannya.

Faktor tekanan sosial juga memainkan peranan penting. Menurut Zhang et al. (2018), individu lebih cenderung terlibat dalam rasuah apabila mereka berada dalam persekitaran yang sarat dengan norma sosial yang mempromosikan atau menoleransi

rasuah. Dalam keadaan ini, konformiti terhadap kumpulan dan keinginan untuk tidak menentang norma boleh mengatasi komitmen peribadi terhadap integriti. Ini turut disokong oleh kajian eksperimen oleh Köbis et al. (2015) yang mendapati bahawa keberadaan rakan sekerja yang terlibat dalam tingkah laku rasuah secara signifikan meningkatkan kecenderungan individu lain untuk meniru tingkah laku tersebut, menunjukkan kesan kuat tekanan kumpulan terhadap kelakuan tidak beretika.

Psikologi juga memberikan tumpuan kepada bagaimana persepsi risiko dan ganjaran membentuk keputusan moral. Teori prospek (Prospect Theory) yang diasaskan oleh Kahneman dan Tversky, dan dikembangkan oleh pelbagai kajian kontemporari, menyatakan bahawa individu cenderung mengambil risiko yang lebih tinggi untuk mengelakkan kerugian daripada untuk mendapatkan keuntungan (Kahneman, 2011; Vives & FeldmanHall, 2020). Dalam konteks rasuah, ini menjelaskan mengapa sesetengah individu sanggup mengambil risiko melakukan perbuatan yang salah jika mereka merasakan hukuman adalah tidak pasti atau tidak serius, dan ganjarannya dianggap besar.

Tambahan pula, personaliti individu juga berperanan dalam menentukan kecenderungan terhadap rasuah. Kajian oleh Wang et al. (2021) menunjukkan bahawa individu yang mempunyai ciri-ciri personaliti gelap (Dark Triad) seperti narsisme, Machiavellianisme, dan psikopati lebih cenderung untuk melakukan rasuah kerana mereka kurang empati, lebih manipulatif, dan lebih mementingkan keuntungan peribadi. Kajian ini menekankan pentingnya menilai sifat personaliti dalam proses pengambilan pekerja, khususnya bagi jawatan yang berisiko tinggi terhadap penyalahgunaan kuasa.

Dalam konteks intervensi dan dasar, pendekatan psikologi menyumbang secara signifikan kepada pembentukan strategi anti-rasuah berasaskan perubahan tingkah laku (behavioural interventions). Inisiatif seperti nudging—yang direka untuk mempengaruhi keputusan moral melalui perubahan kecil dalam susun atur pilihan—telah digunakan untuk meningkatkan integriti di tempat kerja (Sunstein, 2016). Sebagai contoh, penguatkuasaan pengisytiharan harta, pelaporan berkala, dan pengingatan etika yang bersifat automatik dapat membantu meningkatkan kesedaran etika dan mengurangkan kecenderungan untuk rasuah.

Secara keseluruhannya, perspektif psikologi memperkaya pemahaman terhadap rasuah dengan meneliti dimensi dalaman dan subjektif individu. Ia menekankan bahawa rasuah bukan hanya akibat kelemahan sistemik atau godaan luaran, tetapi juga hasil daripada proses mental yang kompleks yang melibatkan norma sosial, tekanan moral, dan justifikasi diri. Pemahaman ini amat penting dalam merangka intervensi yang tidak hanya menghukum pesalah, tetapi juga membentuk persekitaran kerja yang kondusif kepada kelakuan beretika dan menolak rasuah

- **Kategorisasi dan Jenis-Jenis Rasuah**

Rasuah merupakan fenomena kompleks yang tidak bersifat homogen, dan oleh itu, pengkategorian jenis-jenis rasuah amat penting dalam usaha memahami sifat, mekanisme, serta impaknya dalam konteks sosioekonomi dan politik yang berbeza. Para sarjana telah mengklasifikasikan rasuah kepada pelbagai jenis berdasarkan beberapa kriteria utama, termasuk skala, sektor, serta peranan pelaku dalam transaksi rasuah. Antara kategori yang paling lazim dibincangkan dalam literatur akademik ialah

rasuah besar (grand corruption), rasuah kecil (petty corruption), rasuah sektor awam dan sektor swasta, serta rasuah aktif dan pasif.

Rasuah besar merujuk kepada bentuk rasuah berskala besar yang lazimnya melibatkan pegawai tinggi kerajaan, politikus, atau pihak pengurusan tertinggi dalam sektor korporat. Jenis rasuah ini sering berlaku dalam konteks kontrak kerajaan yang bernilai tinggi, perolehan awam, atau projek pembangunan infrastruktur berskala mega (OECD, 2016). Dalam banyak kes, rasuah besar menyebabkan kerugian besar kepada negara dari segi kewangan dan keyakinan pelabur, serta menjejaskan struktur tadbir urus secara sistematik (UNODC, 2020). Kajian oleh Rose-Ackerman dan Palifka (2016) menunjukkan bahawa rasuah besar sering melibatkan rangkaian kuasa yang kompleks, termasuk penyalahgunaan dana awam dan pelobi politik.

Sebaliknya, rasuah kecil lebih sering berlaku dalam interaksi harian antara rakyat biasa dan penjawat awam peringkat rendah atau pertengahan. Contohnya termasuk pemberian wang kopi kepada pegawai penguat kuasa untuk mengelakkan saman atau mempercepatkan proses kelulusan dokumen rasmi (Heywood, 2017). Walaupun jumlahnya kecil, rasuah jenis ini boleh memberi kesan sistemik terhadap kepercayaan masyarakat terhadap institusi awam kerana ia menunjukkan ketidakadilan yang berterusan dalam sistem penyampaian perkhidmatan. Transparency International (2022) menekankan bahawa rasuah kecil berupaya mewujudkan beban kewangan yang besar kepada golongan miskin dan terpinggir.

Dari segi sektor, perbezaan juga dibuat antara rasuah awam dan rasuah swasta. Rasuah awam berlaku apabila pegawai kerajaan menyalahgunakan kuasa awam untuk kepentingan peribadi, manakala rasuah swasta merujuk kepada perbuatan serupa dalam sektor korporat atau antara entiti perniagaan (Argandoña, 2018). Dalam konteks globalisasi ekonomi dan liberalisasi pasaran, isu rasuah dalam sektor swasta semakin diberi perhatian kerana kesannya terhadap persaingan adil, pematuhan undang-undang, dan reputasi korporat. Kajian oleh Martin, Cullen dan Johnson (2021) menekankan bahawa rasuah dalam sektor swasta boleh mengganggu pasaran modal dan mewujudkan ketidakseimbangan dalam pengagihan peluang perniagaan.

Tambahan pula, sarjana turut mengkategorikan rasuah berdasarkan peranan pelaku, iaitu rasuah aktif dan rasuah pasif. Rasuah aktif merujuk kepada tindakan menawarkan atau memberikan rasuah oleh pemberi, manakala rasuah pasif melibatkan penerimaan atau permintaan rasuah oleh individu yang mempunyai kuasa membuat keputusan (Coen & Pegram, 2015). Distingsi ini penting dalam analisis jenayah rasuah kerana ia mempengaruhi beban pembuktian dan reka bentuk mekanisme pencegahan. Sebagai contoh, pendekatan undang-undang di bawah Konvensyen UNCAC menghendaki tindakan tegas ke atas kedua-dua pihak yang terlibat—baik pemberi mahupun penerima (UNODC, 2020).

Kategorisasi ini bukan sahaja berperanan sebagai kerangka analitik dalam penyelidikan akademik, tetapi juga membantu pembuat dasar dan pihak penguat kuasa untuk memahami konteks, tahap keterukan, serta pendekatan berbeza yang perlu digunakan dalam membanteras rasuah. Sebagai contoh, strategi yang efektif untuk mengurangkan rasuah besar mungkin berbeza daripada pendekatan terhadap rasuah

kecil. Rasuah besar memerlukan reformasi institusi, ketelusan dalam perolehan awam, dan ketegasan kehakiman; manakala rasuah kecil lebih memerlukan penambahbaikan sistem penyampaian, pendidikan etika, serta pengurangan birokrasi (Johnston, 2018; Kukutschka & Dykes, 2023).

Secara keseluruhannya, pengkategorian rasuah adalah penting untuk memastikan intervensi anti-rasuah dapat direka bentuk secara tepat, bersesuaian dengan jenis rasuah yang berlaku, serta mengambil kira konteks budaya, institusi, dan ekonomi yang melingkari fenomena tersebut.

- **Implikasi Etika dalam Konteks Rasuah**

Rasuah secara intrinsik dikaitkan dengan salah laku etika kerana ia bertentangan dengan prinsip asas dalam etika normatif, termasuk keadilan, integriti, ketelusan, dan akauntabiliti. Dalam wacana etika, rasuah ditafsirkan bukan sekadar sebagai pelanggaran undang-undang, tetapi sebagai kegagalan moral yang menjejaskan struktur nilai dalam sesebuah masyarakat dan institusi (Lambsdorff, 2015). Ketika seorang individu menggunakan kedudukan kuasa untuk mendapatkan keuntungan peribadi melalui suapan atau imbuhan lain, ia mencabuli tanggungjawab moral untuk bertindak demi kepentingan awam. Rose-Ackerman dan Palifka (2016) menegaskan bahawa rasuah merosakkan prinsip keadilan distributif kerana keputusan yang sepatutnya dibuat berdasarkan merit dan keperluan telah diputarbelitkan oleh pengaruh kepentingan peribadi.

Dari sudut falsafah moral, pendekatan deontologi—yang menekankan kewajipan moral dan tanggungjawab universal—mengutuk semua bentuk rasuah kerana ia

melibatkan penipuan, eksploitasi, dan ketidakadilan yang mencabuli hak dan maruah individu lain (Ciulla, 2018). Begitu juga dengan pendekatan utilitarianisme yang menilai tindakan berdasarkan akibatnya; rasuah dinilai negatif kerana ia menghasilkan keburukan kolektif seperti ketidaksamarataan, kehilangan kepercayaan terhadap institusi, serta kemerosotan perkhidmatan awam dan pembangunan sosial (Ariely & Mazar, 2016). Apabila sistem keputusan digerakkan oleh kepentingan peribadi dan bukan kebaikan bersama, struktur etika dalam organisasi menjadi lemah dan rentan kepada penyalahgunaan kuasa.

Perbincangan etika juga menggariskan bahawa budaya rasuah boleh terbentuk apabila norma sosial dalam organisasi atau masyarakat tidak lagi menyokong nilai etika yang tinggi. Ketika hubungan peribadi atau kronisme diutamakan berbanding prinsip keadilan dan meritokrasi, maka terbentuklah persekitaran yang mempromosikan ketaksuban terhadap keuntungan jangka pendek dan pengabaian terhadap tanggungjawab sosial (Kukutschka & Dykes, 2023). Kajian menunjukkan bahawa organisasi yang mempunyai budaya dalaman yang longgar terhadap pematuhan etika lebih cenderung melibatkan diri dalam perbuatan rasuah, terutamanya apabila tekanan untuk mencapai sasaran kewangan atau prestasi tinggi dikenakan tanpa sokongan terhadap integriti (Treviño et al., 2021).

Oleh yang demikian, perspektif etika menekankan pentingnya pembangunan rangka kerja anti-rasuah yang bukan hanya berasaskan penguatkuasaan undang-undang semata-mata, tetapi juga pemeraksanaan nilai-nilai moral dalam organisasi dan masyarakat. Usaha seperti latihan etika korporat, program pendidikan integriti, dan kempen kesedaran awam bertujuan membina ketahanan dalaman terhadap amalan

tidak beretika (Transparency International, 2022). Pendidikan etika juga memainkan peranan penting dalam membentuk pemikiran generasi akan datang, dengan penekanan terhadap nilai kejujuran, akauntabiliti, dan tanggungjawab sosial sebagai asas kepada warganegara yang berintegriti (Ferrell & Fraedrich, 2019).

Secara keseluruhannya, memahami rasuah secara komprehensif memerlukan pendekatan multidisiplin yang melibatkan perspektif perundangan, akademik, budaya, ekonomi, psikologi, dan etika. Perspektif perundangan menekankan definisi formal serta unsur timbal balik dalam perbuatan rasuah, seperti yang dirumuskan dalam Konvensyen PBB Menentang Rasuah (UNODC, 2020). Ini memberi asas kepada mekanisme penguatkuasaan dan pendakwaan yang kukuh, termasuk pengklasifikasian antara rasuah aktif dan pasif, serta rasuah sektor awam dan swasta.

Pandangan akademik pula memperluaskan perbincangan kepada dimensi konseptual dan teori, termasuk spektrum amalan rasuah, faktor institusi, dan hubungan kuasa (Johnston, 2018). Pendekatan budaya memperlihatkan bagaimana norma tempatan dan persepsi masyarakat membentuk apa yang dianggap sebagai rasuah, yang mungkin berbeza secara signifikan daripada piawaian antarabangsa (Treisman, 2020). Sementara itu, analisis ekonomi menekankan bahawa rasuah mewujudkan ketidakefisienan dalam pasaran, meningkatkan kos transaksi, dan menghalang pelaburan dan inovasi (Dreher & Herzfeld, 2022).

Dari sudut psikologi, tingkah laku rasuah dipengaruhi oleh motivasi individu, tekanan sosial, dan rasionalisasi moral. Ini melibatkan penilaian risiko, persepsi terhadap norma dalam organisasi, serta sifat keperibadian seperti narsisme atau kecenderungan

manipulatif (Gino & Ariely, 2015; Wang et al., 2021). Dalam hal ini, pemahaman yang mendalam terhadap rasuah perlu mengambil kira interaksi kompleks antara faktor struktur dan psikologi.

Dengan menggabungkan pelbagai perspektif ini, para penyelidik dan pembuat dasar dapat membangunkan strategi yang lebih tepat sasaran, relevan secara kontekstual, dan berkesan dalam membanteras rasuah. Rasuah tidak dapat dihapuskan dengan pendekatan tunggal; sebaliknya ia memerlukan usaha holistik yang menggabungkan pembaharuan institusi, pendidikan nilai, pencegahan berasaskan risiko, serta perubahan budaya yang mendalam.

2.2.1 Rasuah Politik

Rasuah politik, menurut kebanyakan pengkaji, merujuk kepada transaksi antara pelaku sektor swasta dan awam di mana barangan atau sumber awam yang bersifat kolektif secara haram ditukar menjadi faedah peribadi (Heidenheimer, Johnston & Le Vine, 1989). Namun, huraian ini tidak membezakan dengan jelas antara rasuah politik dan rasuah birokrasi. Definisi ini menetapkan keperluan bagi agen negeri atau negara yang terlibat dalam rasuah tanpa memperinci tahap kuasa atau kedudukan di mana rasuah tersebut berlaku (Amundsen, 1999). Secara umumnya, rasuah politik melibatkan pembuat keputusan politik dan sering dikenal sebagai "rasuah besar" yang berlaku di peringkat tertinggi sistem politik. Ia berlaku apabila ahli politik dan pegawai yang diamanahkan untuk membuat dan menguatkuasakan undang-undang melakukan penyalahgunaan kuasa untuk kepentingan peribadi tanpa sebarang rasa bersalah.

Penyelidikan terdahulu menunjukkan bahawa rasuah politik boleh memberikan kesan negatif jika ia berfungsi seperti cukai yang merugikan tanpa sebarang manfaat balas (Shleifer & Vishny, 1993). Rasuah jenis ini boleh mempengaruhi penilaian firma, prestasi, dan keputusan strategik secara negatif (Buchanan & Tullock, 1962; Rose-Ackerman, 1975, 1999; Shleifer & Vishny, 1993, 1997, 1998; Durnev & Fauver, 2011; Dass, Nanda & Xiao, 2016, 2020; Smith, White & Smith, 2016; Brown, Smith, White & Zutter, 2019).

Rasuah politik berlaku apabila pegawai yang dipilih menggunakan kuasa politik mereka untuk mengekalkan pengaruh, status, dan kekayaan mereka sendiri. Rasuah politik dapat dibezakan daripada rasuah birokrasi atau rasuah kecil, yang berlaku dalam pentadbiran awam dan melibatkan pegawai awam pada tahap lebih rendah. Walaupun perbezaan antara rasuah politik dan birokrasi mungkin kabur kerana bergantung pada pemisahan antara politik dan pentadbiran, ia tetap penting dari segi intelektual dan praktikal.

Walaupun majoriti kajian lepas mengaitkan rasuah politik dengan hubungan politik, banyak kajian terdahulu tidak meneroka rasuah politik dari sudut pandang hubungan ini secara mendalam. Sebaliknya, para pengkaji terdahulu menggunakan pelbagai ukuran ex-ante dan ex-post dalam konteks rasuah politik, termasuk penguatkuasaan undang-undang (cubaan atau sabitan), kod etika politik, dan pendapat awam melalui media (Dass et al., 2016; Smith, 2016; Parsons, Sulaeman & Titman, 2018). Smith (2016) mencadangkan empat strategi untuk melindungi firma daripada pengaruh politik, iaitu tahap pegangan tunai, baki hutang, penempatan semula, serta penggabungan dan pengambilalihan.

Konsep rasuah politik dan hubungan politik sering disalahertikan, mengakibatkan salah faham dalam mengukur kesannya. Shleifer dan Vishny (1993) menganggap rasuah sebagai penjualan harta awam untuk kepentingan peribadi oleh pemegang jawatan awam. Lambert-Mogiliansky, Majumdar, dan Radner (2008) memberikan definisi yang lebih umum tentang rasuah sebagai “sebarang tindakan yang bercanggah dengan sistem perundangan yang ditetapkan atau boleh dianggap sebagai aktiviti ekonomi yang tidak wajar.” Bentuk-bentuk rasuah seperti nepotisme, penyelewengan dana awam, dan penjualan harta kerajaan yang tidak sesuai memberi kesan negatif kepada sosial dan ekonomi (Kaufmann, Kraay & Mastruzzi, 2008; Di Guardo, Marrocu & Paci, 2016).

Secara ringkas, rasuah politik berlaku di peringkat tertinggi kerajaan dan memberi kesan besar kepada pembuatan dasar dan pengagihan sumber. Rasuah politik bukan sahaja menyebabkan salah guna sumber awam tetapi juga memberi kesan terhadap kualiti keputusan politik. Ia melibatkan manipulasi institusi politik dan prosedur pentadbiran, yang akhirnya membawa kepada kemerosotan institusi dan penurunan kepercayaan awam terhadap kerajaan. Oleh itu, rasuah politik melibatkan lebih daripada sekadar pelanggaran norma undang-undang dan kod etika; ia berlaku apabila pihak berkuasa secara sistematik melanggar peraturan, sama ada dengan mengelak, mengabaikan, atau menyesuaikannya demi kepentingan mereka sendiri.

2.3 Alam Sekitar

Istilah "alam sekitar" adalah konsep yang luas, kompleks, dan sering sukar untuk ditakrifkan secara tepat kerana ia merangkumi pelbagai aspek fizikal, biologi, sosial, ekonomi, dan budaya yang saling berinteraksi. Dalam konteks kontemporari, alam

sekitar tidak lagi hanya merujuk kepada unsur-unsur semula jadi, tetapi juga melibatkan interaksi manusia dengan persekitarannya, termasuk kesan aktiviti ekonomi, pembangunan teknologi, dan sistem sosial terhadap keseimbangan ekologi (Kumar, 2018; Dinda, 2021). Oleh itu, definisi alam sekitar sentiasa bersifat dinamik dan multidisiplin, bergantung kepada bidang kajian dan tujuan analisis.

Secara etimologi dan konseptual, istilah “alam sekitar” berasal daripada konsep Latin *ambien*, yang bermaksud "mengelilingi." Dalam erti kata saintifik, ia merujuk kepada segala faktor luaran—baik fizikal mahupun biologi—yang mempengaruhi pertumbuhan, perkembangan, dan kelangsungan hidup organisma (Rinkesh, 2019). Ia termasuk udara, air, tanah, suhu, sinaran matahari, mikroorganisma, dan juga aktiviti manusia yang memberi impak kepada keseimbangan ekosistem. Menurut United Nations Environment Programme (UNEP, 2022), alam sekitar merangkumi semua sistem semula jadi dan buatan manusia yang menyokong kehidupan di bumi dan menjadi asas kepada pembangunan mampan.

Kepelbagaian aspek yang terkandung dalam konsep alam sekitar menjadikannya subjek multidimensi dan polisentrik, iaitu dipengaruhi oleh pelbagai pusat kuasa dan disiplin. Alam sekitar bukan sahaja dikaji dalam konteks sains semula jadi seperti ekologi, geografi, dan oseanografi, tetapi juga melalui lensa antropologi, sosiologi, ekonomi, undang-undang, dan etika (Sharma, 2020). Rao (2006) menyatakan bahawa persekitaran adalah ruang hidup dan fungsi untuk semua bentuk kehidupan, dan oleh itu, isu alam sekitar tidak boleh dipisahkan daripada pembangunan manusia secara keseluruhan.

Seiring dengan pertumbuhan penduduk dunia, peningkatan perindustrian, dan urbanisasi pesat, isu alam sekitar telah menjadi satu krisis global. Menurut laporan *Global Environment Outlook 6* oleh UNEP (2019), tekanan terhadap ekosistem bumi telah mencapai tahap yang membimbangkan, dengan kadar kepupusan biodiversiti yang tinggi, pencemaran udara dan air yang meruncing, serta peningkatan pelepasan gas rumah hijau yang menyumbang kepada perubahan iklim. Masalah-masalah ini tidak terbatas kepada negara membangun semata-mata, malah turut memberi kesan kepada negara maju, menjadikannya isu tanpa sempadan.

Kajian oleh Zhang et al. (2021) menunjukkan bahawa kemerosotan alam sekitar kini berkait rapat dengan isu ketidakadilan sosial, kesihatan awam, dan konflik geopolitik, menjadikan perlindungan alam sekitar sebagai agenda antarabangsa yang memerlukan kerjasama pelbagai negara dan sektor. Pandemik COVID-19 juga memperlihatkan hubungan yang rapat antara kerosakan alam sekitar dan risiko kesihatan global, memperkukuh hujah bahawa alam sekitar adalah asas kepada keselamatan manusia secara menyeluruh (Dasgupta et al., 2021).

Untuk memahami dinamika alam sekitar, adalah penting untuk mengklasifikasikan komponennya kepada dua kategori utama, iaitu abiotik dan biotik. Komponen **abiotik** merangkumi semua unsur bukan hidup seperti iklim, tanah, air, bentuk muka bumi, dan mineral bawah tanah, yang menjadi asas kepada kestabilan ekosistem (Kumar, 2018). Komponen **biotik** pula terdiri daripada semua organisma hidup termasuk tumbuh-tumbuhan, haiwan, manusia, dan mikroorganisma yang berinteraksi dengan persekitaran fizikal dan antara satu sama lain (Ramesh & Manasi, 2020).

Interaksi antara komponen-komponen ini membentuk **ekosistem**, iaitu satu unit fungsional ekologi di mana unsur-unsur hidup dan bukan hidup saling mempengaruhi dalam kitaran tenaga dan bahan. Ekosistem seterusnya wujud dalam skala yang lebih besar dalam bentuk **biosfera**, iaitu seluruh ruang kehidupan di bumi yang menghubungkan atmosfera, hidrosfera, dan litosfera (MEA, 2005).

Dalam era perubahan iklim dan kemerosotan biodiversiti, pemeliharaan alam sekitar bukan sahaja menjadi satu keperluan saintifik, tetapi juga keperluan moral dan strategik. Menurut Sachs et al. (2022), matlamat pembangunan mampan (SDGs) yang digariskan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bergantung kepada keseimbangan antara pertumbuhan ekonomi, keadilan sosial, dan perlindungan alam sekitar. Matlamat SDG 13 (Tindakan terhadap Perubahan Iklim), SDG 14 (Kehidupan di Laut), dan SDG 15 (Kehidupan di Darat) secara khusus menyeru tindakan segera untuk melindungi ekosistem semula jadi.

Dalam konteks tempatan dan serantau, dasar alam sekitar perlu dirangka dengan mengambil kira sensitiviti ekologi dan budaya tempatan. Kajian oleh Ahmed et al. (2020) menunjukkan bahawa dasar perancangan guna tanah dan pembangunan lestari yang berasaskan pendekatan ekosistem mampu mengurangkan konflik antara pembangunan ekonomi dan kelestarian alam sekitar.

2.4 Pencemaran Alam Sekitar

Pencemaran udara berlaku apabila bahan berbahaya seperti sulfur dioksida (SO₂), nitrogen oksida (NO_x), karbon monoksida (CO), zarah terampai (PM_{2.5} dan PM₁₀), serta bahan kimia organik meruap (VOCs) dilepaskan ke atmosfera. Sumber utama

termasuk pembakaran bahan api fosil dalam industri dan pengangkutan, serta aktiviti pembalakan dan pertanian (WHO, 2016; Lelieveld et al., 2020). Menurut Global Burden of Disease Report (IHME, 2020), pencemaran udara telah menyumbang kepada lebih tujuh juta kematian pramatang setiap tahun secara global, menjadikannya salah satu punca utama morbiditi dan mortaliti global.

Pencemaran air berlaku apabila bahan pencemar seperti sisa industri, baja kimia, racun perosak, logam berat dan mikroplastik memasuki sistem perairan semula jadi. Kajian oleh Ahmed et al. (2019) menunjukkan bahawa pencemaran air telah menjejaskan lebih daripada dua bilion orang secara langsung, menyebabkan krisis kesihatan, keselamatan makanan, dan kehilangan biodiversiti akuatik. Di banyak negara membangun, kekurangan infrastruktur rawatan sisa menjadikan sungai dan tasik sebagai tempat pembuangan sisa utama.

Tanah tercemar apabila terdedah kepada sisa industri, pertanian, dan domestik yang mengandungi bahan toksik seperti logam berat (plumbum, arsenik, kadmium), bahan radioaktif, serta hidrokarbon. Ini menjejaskan kesuburan tanah, kualiti hasil pertanian, dan kesihatan manusia melalui pendedahan tidak langsung melalui rantai makanan (Zhang et al., 2022).

Walaupun sering diabaikan, pencemaran bunyi dan pencemaran bau merupakan pencemar yang boleh menjejaskan kesejahteraan psikologi dan fisiologi manusia. Pencemaran bunyi yang kronik boleh menyebabkan tekanan, gangguan tidur, serta masalah kardiovaskular (Basner et al., 2019), manakala pencemaran bau dari tapak pelupusan atau loji rawatan kumbahan boleh mencetuskan kesan psikososial seperti keresahan dan rasa jijik.

Pencemaran memberi impak yang mendalam dan berpanjangan terhadap kedua-dua kesihatan awam dan kestabilan ekosistem. Dalam konteks kesihatan, pendedahan kronik kepada bahan pencemar dikaitkan dengan peningkatan risiko penyakit respiratori, kardiovaskular, neurologi, dan juga kanser (Landrigan et al., 2018). Kanak-kanak dan warga emas adalah kumpulan paling berisiko kerana sistem imun mereka yang lebih lemah.

Rousseau melihat pemilikan peribadi yang muncul pada masa itu sebagai permulaan kepada ciri-ciri negatif seperti persaingan, ketamakan, dan ketidakadilan. Berbeza dengan pandangan Hobbes dan Locke mengenai *State of Nature*, Rousseau berpendapat bahawa dalam keadaan tersebut, manusia menyerahkan hak mereka bukan kepada individu tertentu tetapi kepada komuniti sebagai satu entiti, yang disebut sebagai "kehendak umum" (*general will*). Bagi Rousseau, *State of Nature* ini dicirikan oleh kebebasan, kegembiraan, dan kesamarataan, yang beliau percaya hanya wujud pada zaman purba. Namun, nilai-nilai ini telah hilang seiring dengan kemajuan zaman moden.

Dalam kerangka kontrak sosial Rousseau, bentuk organisasi sosial yang terhasil menjamin hak, kebebasan, dan kesamarataan kepada setiap anggotanya. Bagi Rousseau, negara dan undang-undang adalah manifestasi kehendak umum yang membawa kepada kestabilan dalam masyarakat. Sekiranya negara dan undang-undang gagal untuk mencerminkan kehendak umum, maka masyarakat berhak untuk menolak mereka. Setiap individu mendapat manfaat daripada hak-hak kebebasan yang diperoleh, termasuk kebebasan bersuara, hak berkumpul, dan kesamarataan.

Rousseau juga menekankan bahawa kehendak umum harus mengutamakan pandangan majoriti dan bahawa setiap individu tertakluk kepada keputusan yang diambil oleh majoriti tersebut. Dengan itu, kedaulatan yang diketengahkan oleh Rousseau adalah kedaulatan yang berlandaskan kebebasan individu dan mengutamakan kehendak umum yang memastikan kesejahteraan bersama. Negara, undang-undang, kedaulatan, dan kehendak umum bagi Rousseau boleh saling bertukar dan disesuaikan mengikut keperluan masyarakat bagi menjamin hak dan kebebasan mereka.

Kesimpulannya, teori kontrak sosial Rousseau menawarkan pandangan mengenai bagaimana masyarakat boleh diorganisasi secara kolektif untuk mencapai keadilan dan kestabilan melalui kehendak umum

2.11.4 Perbandingan Pendapat Di Antara Thomas Hobbes, John Locke dan Jean Jacques Rousseau.

Berdasarkan analisis yang dibincangkan, Thomas Hobbes menekankan bahawa tanpa kuasa yang kukuh untuk mengawal hak dan kebebasan, manusia cenderung untuk terjebak dalam konflik dan peperangan yang merosakkan. Pandangan Hobbes ini

berbeza dengan pandangan dua ahli falsafah lain, John Locke dan Jean-Jacques Rousseau, yang percaya bahawa peranan utama sesebuah negara adalah untuk memelihara dan melindungi hak semula jadi rakyat. Locke dan Rousseau berpendapat bahawa apabila kerajaan gagal menjalankan tanggungjawab ini, rakyat berhak untuk menarik balik sokongan mereka dan, jika perlu, memberontak kerana kerajaan tersebut telah kehilangan legitimasi.

Hobbes menganggap kerajaan sebagai refleksi mutlak dari kekuasaan, di mana segala institusi dan organisasi wujud kerana adanya negara dan pemerintah yang berdaulat. Locke, sebaliknya, melihat bahawa tujuan utama negara adalah untuk menjamin keadilan dan melindungi hak-hak rakyatnya dengan adil. Rousseau pula menekankan bahawa negara harus berfungsi dalam rangka untuk menjamin kebebasan dan keamanan rakyatnya, mengutamakan kehendak umum sebagai panduan.

Kesimpulannya, teori Kontrak Sosial yang dikemukakan oleh Hobbes menyokong konsep kedaulatan mutlak yang mengutamakan negara dan kuasa pemerintah, tanpa memberikan nilai yang besar kepada hak individu. Sebaliknya, Locke dan Rousseau lebih menitikberatkan kepentingan individu berbanding negara atau pemerintah. Bagi Hobbes, kedaulatan dan kerajaan adalah satu entiti yang sama, sementara Rousseau berpendapat bahawa terdapat perbezaan antara keduanya. Rousseau memperkenalkan idea bahawa kerajaan merupakan wakil rakyat yang berfungsi atas dasar kehendak umum, berbeza dengan Locke yang tidak membuat perbezaan besar antara konsep kedaulatan dan kerajaan.

Pandangan Rousseau mengenai kedaulatan menunjukkan persetujuan dengan beberapa prinsip yang disarankan oleh Locke dan Hobbes, tetapi dengan pendekatan yang lebih menekankan kebebasan dan kesamarataan, serta konsep kehendak umum sebagai dasar utama bagi perlembagaan dan kedaulatan negara.

2.11.5 Kajian Kes Teori Kontrak Sosial

a) Social Contract Theory: A Mirage or Reality in the Nigerian State

Kajian ini menganalisis aplikasi teori kontrak sosial dalam pembentukan negara, khususnya berhubung dengan kedudukan sosiopolitik dan ekonomi di Nigeria. Berdasarkan kajian ini, matlamat utama sesebuah negara adalah melindungi nyawa dan harta benda rakyatnya. Pada awalnya, manusia mendapati kehidupan di luar negara amat mencabar, penuh ketakutan, dan dipenuhi ancaman. Bagi mengatasi keadaan ini, manusia membentuk negara dengan membuat perjanjian sosial sesama mereka. Negara berfungsi untuk menyediakan perlindungan dan kemudahan yang mereka tidak mampu wujudkan sendiri. Namun, hasil kajian ini menunjukkan bahawa kerajaan Nigeria gagal memenuhi perjanjian sosial tersebut, mengakibatkan ketidakstabilan dan kemerosotan infrastruktur di negara tersebut. Kekurangan keselamatan serta kemerosotan infrastruktur di Nigeria adalah akibat tadbir urus yang lemah, budaya penyelenggaraan yang tidak efisien, pengumpulan modal secara primitif, kemiskinan, dan faktor-faktor lain. Justeru, kajian ini menyeru kerajaan untuk memperkuat keselamatan negara dan menangani rasuah dalam pengurusan tanpa membezakan parti politik, etnik, atau agama.

Tujuan utama negara adalah untuk memenuhi tanggungjawab terhadap rakyat dalam hal-hal yang tidak dapat mereka laksanakan sendiri. Oleh itu, kerajaan berfungsi sebagai alat untuk memenuhi kehendak dan kepentingan rakyatnya. Kerajaan mempunyai beberapa institusi yang melaksanakan aktiviti khusus bagi menjayakan tanggungjawab ini. Walau bagaimanapun, ketidakamanan dalam sesebuah negara menimbulkan keraguan terhadap asal usul dan struktur negara serta keadaan yang membawa kepada pembentukannya.

Berdasarkan kajian terdahulu, prinsip "pemerintahan rakyat, oleh rakyat, dan untuk rakyat" sering kali menjadi asas bagi kerajaan demokrasi. Prinsip ini berasaskan kepada persetujuan bersama antara rakyat dan kerajaan, seperti yang digariskan oleh Thomas Hobbes, John Locke, dan Jean-Jacques Rousseau melalui teori kontrak sosial mereka. Walaupun politik adalah fenomena global, terdapat perbezaan yang ketara antara politik di Afrika dan di negara kapitalis industri seperti Eropah dan Amerika. Bentuk serta pelaksanaan politik di pelbagai negara adalah faktor utama yang menyumbang kepada variasi ini. Hakikatnya, struktur masyarakat, kaedah pengeluaran, persekitaran luaran, pengalaman sejarah, dan tindakan politik semuanya mempengaruhi kelakuan serta hasil politik. Negara kapitalis maju di Eropah dan Amerika berjaya mengekalkan kestabilan politik domestik, tetapi hampir semua negara Afrika di selatan Sahara mengalami krisis serius yang mengancam kestabilan politik domestik serta keseluruhan struktur politik serantau (Nweke, 2017). Kajian ini mendapati kelemahan dalam tadbir urus di Nigeria telah mengkhianati perjanjian antara rakyat Nigeria dan pentadbiran. Kerajaan juga gagal memenuhi tanggungjawab perlembagaan dan tidak mencapai jangkaan rakyat.

Kajian ini mendapati kemusnahan infrastruktur di Nigeria berkait rapat dengan tahap kemiskinan yang tinggi, kadar pengangguran yang meningkat, dan bekalan elektrik yang tidak stabil. Keadaan sosioekonomi negara terjejas teruk akibat ketidakamanan yang meluas, yang menyebabkan rakyat hidup dalam ketakutan berterusan akibat serangan berulang. Oleh itu, pengkaji menggesa kerajaan untuk merancang semula keselamatan negara serta memperkenalkan prosedur yang berkesan untuk pemantauan, pelaksanaan, dan penyelenggaraan projek pembangunan. Penglibatan aktif rakyat juga diperlukan untuk menghapuskan sindiket rasuah dalam sistem dan melaksanakan mekanisme pencegahan yang kukuh dan berkesan.

Kesimpulannya, Nigeria memerlukan pemimpin yang berwawasan dan berintegriti, yang akan tegas dalam menentang rasuah tanpa mengira siapa pelakunya. Pemimpin yang beretika, ikhlas, dan telus amat diperlukan untuk mengatasi krisis pembangunan di Nigeria. Hanya dengan memilih pemimpin yang tidak mementingkan diri dan berkomitmen terhadap reformasi, dasar-dasar yang kukuh dapat dilaksanakan untuk mengawal, mengekalkan, dan memelihara keselamatan serta infrastruktur penting negara.

b) The Social Contract as A Tool of Analysis: Introduction to The Special Issue On “Framing the Evolution Of New Social Contracts In Middle Eastern And North African Countries

Kajian oleh Loewe, Zintl, dan Houdret (2021) menyelidik pergolakan awam yang berlaku di banyak negara di Timur Tengah dan Afrika Utara (MENA) pada 2010 dan 2011. Walaupun kadar pertumbuhan ekonomi di rantau ini kekal kukuh, dengan pengurangan kemiskinan pendapatan dan ketidaksamaan yang mengecil di sesetengah

negara, protes besar-besaran ini mengejutkan pemerhati. Pandangan teori kontrak sosial yang dikemukakan oleh pemikir liberal seperti Grotius (1625), Hobbes (1651), Locke (1689), dan Rousseau (1762) memberikan latar belakang kepada konsep ini, yang sejak itu diterokai secara mendalam dalam pelbagai bidang kesusasteraan.

Menurut kajian terdahulu, majoriti kajian kontrak sosial lebih bersifat teori dan normatif, dengan fokus kepada aspek positif dalam kontrak sosial seperti hak milik, keselamatan, dan keadilan dalam pengagihan sumber. Dalam konteks ini, negara-bangsa sering dianggap sebagai skop utama bagi kontrak sosial, namun terdapat pandangan yang mencadangkan perjanjian subnasional sebagai asas kepada kontrak nasional baharu (Kaplan, 2015) atau perjanjian supranasional seperti Kesatuan Eropah (Rhodes & Meny, 2016) dan bahkan kontrak sosial global (Rhodes & Meny, 2016; Birdsall, 2008; Stone, 2014).

Sebilangan sarjana pula mendekati istilah "kontrak sosial" secara analisis, bukan normatif, melihatnya sebagai keseimbangan timbal balik antara kuasa dan masyarakat. Mereka tidak menganggap kontrak sosial sebagai baik atau buruk secara mutlak, tetapi lebih sebagai refleksi pengagihan kuasa dalam masyarakat. Dalam konteks ini, istilah ini juga semakin digunakan oleh agensi penderma antarabangsa sebagai alat analisis dan dasar.

Namun, tiada penerbitan yang menggabungkan pelbagai dimensi ini dalam satu kerangka analisis sistematik. Selepas kemerdekaan, negara-negara MENA mengamalkan kontrak sosial autoritarian yang menawarkan perlindungan dan faedah sosial tanpa peluang penyertaan politik kepada rakyatnya. Namun, kontrak ini

beransur-ansur merosot, akhirnya mencetuskan protes pada 2010-2011. Negara-negara MENA kini berada pada titik persimpangan, dengan kontrak sosial yang sedang berkembang untuk menyesuaikan diri dengan perubahan zaman.

Menurut kajian kes ini, majoriti negara-negara MENA mencapai kemerdekaan selepas Perang Dunia Kedua. Walaupun terdapat perbezaan antara negara republik dan monarki, kontrak sosial mereka mirip, dengan kerajaan menyediakan perlindungan sosial tanpa jaminan undang-undang yang memadai. Di republik MENA seperti Mesir, Syria, Iraq, Algeria, dan Tunisia, legitimasi pemerintah didasarkan pada prestasi, dengan kerajaan menyediakan subsidi tenaga, makanan, air, dan perkhidmatan awam lain yang memberi manfaat kepada rakyat (Schlumberger, 2010). Namun, pengagihan faedah sosial cenderung lebih mengutamakan kelas pertengahan bandar dan ahli perniagaan yang mempunyai hubungan baik, menyebabkan ketidakseimbangan dalam manfaat yang diterima oleh masyarakat (Abdellatif et al., 2019; Loewe, 2010).

Kajian kes ini juga mendapati bahawa kontrak sosial di negara-negara MENA masih belum mencapai keseimbangan dalam hubungan negara-masyarakat, yang mencerminkan ketidakpastian dalam kemampuan kerajaan untuk memenuhi fungsi penting kontrak sosial. Pada masa kini, banyak negara MENA hanya mampu menyediakan kestabilan dan keselamatan jangka pendek, yang diterima oleh rakyat sebagai lebih penting daripada penyertaan politik yang lebih besar.

Dari perspektif penggubalan dasar, penting untuk memikirkan bagaimana kontrak sosial baharu yang inklusif dan sah dapat diwujudkan di negara-negara MENA bagi meningkatkan kestabilan serantau. Pembaharuan yang dirancang perlu membawa

kepada situasi "menang-menang" atau sekurang-kurangnya "menang-tidak-kalah" bagi semua pihak berkepentingan. Namun, pendekatan beransur-ansur ini juga membawa risiko, kerana pelaku berkuasa mungkin mengabaikan kepentingan kumpulan yang lebih lemah, sebagaimana yang dibuktikan dalam kajian terdahulu tentang pengaruh kuasa terhadap struktur kontrak sosial dan proses perubahan sosial (Kaplan, 2017; Khan, 2017; McCandless, 2018).

Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa negara-negara MENA membangunkan kontrak sosial yang serupa selepas kemerdekaan, yang memberikan faedah sosial tetapi tidak membenarkan penyertaan politik. Namun, kontrak sosial ini mula mengalami kemerosotan pada 1985 sebelum beralih arah selepas pemberontakan 2010-2011. Sejak 2011, beberapa negara di MENA bergerak ke arah kontrak sosial yang lebih ketat, sementara konflik di Syria dan Iraq memperlihatkan kemampuan kumpulan seperti IS untuk mencipta kontrak sosial sendiri. Di kawasan seperti Iraq dan Libya, di mana konflik awam dan campur tangan antarabangsa telah merosakkan negara, kajian ini menekankan perlunya mewujudkan kontrak sosial baharu untuk memulihkan kestabilan..

c) Social Contract Theory and Civil Disobedience in Nigeria: A Study of Boko Haram Insurgency

Teori Kontrak Sosial dalam kajian ini merujuk kepada matlamat ideal sesebuah negara yang berfungsi untuk menjaga hak asasi dan kebajikan rakyatnya. Tesis ini menyoroti bagaimana falsafah kontrak sosial mula mendapat tempat dalam perbincangan politik moden melalui pemikiran ahli falsafah seperti Thomas Hobbes, yang membentuk asas teori ini dalam karyanya **Leviathan**. Kontrak sosial, pada dasarnya, dianggap sebagai satu perjanjian antara rakyat dan pemerintah, di mana pemerintah memperoleh

kuasa melalui persetujuan rakyat dengan matlamat melindungi keselamatan dan hak mereka.

Artikel ini turut membincangkan bagaimana teori kontrak sosial dapat menyediakan kerangka logik bagi keseimbangan antara kuasa pemerintah dan hak rakyat yang ditadbir, khususnya dalam konteks ketidakpatuhan sivil di Nigeria. Menurut teori ini, perlembagaan negara perlu mencerminkan kehendak rakyat, dan jika pemerintah gagal melindungi hak dan kesejahteraan rakyat, mereka mempunyai hak untuk menarik balik sokongan dan menyuarakan ketidakpuasan.

Ketidakpatuhan sivil menjadi tema penting dalam falsafah sosial dan politik, di mana ia melibatkan tindakan tidak mematuhi undang-undang yang dianggap menindas atau tidak adil oleh rakyat (Lefkowitz, 2007). Di Nigeria, sebagai contoh, konflik antara kelompok dan kegagalan pentadbiran untuk memenuhi hak asasi masyarakat, seperti yang terlihat dalam isu dengan kumpulan Boko Haram, menunjukkan ketegangan antara pemerintah dan rakyat yang berpunca dari ketidakadilan dan pengabaian tuntutan masyarakat setempat.

Kajian ini juga menyoroti bahawa penggunaan kuasa mutlak atau monarki di Nigeria tidak menjamin keamanan; malah, ia menimbulkan perpecahan dan persengketaan di kalangan kumpulan politik, etnik, dan sosioekonomi. Kebangkitan Boko Haram pula dikaitkan dengan kegagalan kerajaan mendengar keluhan rakyat, sekali gus menggalakkan kumpulan ini dan lain-lain untuk meluahkan ketidakpuasan melalui cara kekerasan. Kajian ini menyarankan penerapan Teori Kontrak Sosial Locke sebagai pendekatan yang lebih sesuai dalam pentadbiran negara Nigeria untuk mengurangkan ketegangan dan memulihkan kestabilan.

Beberapa cadangan kajian ini adalah:

- a) Perlembagaan Nigeria harus diubah untuk mencerminkan kehendak rakyat dan bukan hanya kehendak pemerintah.
- b) Rakyat harus dibenarkan menyuarakan pendapat mereka secara aman sebagai hak asas dalam kebebasan sivil.
- c) Sistem pemantauan perlu diwujudkan untuk memastikan keseimbangan kuasa dan mengelakkan penyalahgunaan kuasa oleh pemerintah.

Kesimpulannya, Nigeria menghadapi cabaran besar dalam pentadbiran yang adil kepada rakyat. Kegagalan kerajaan untuk menangani masalah ini membawa kepada keganasan yang berpanjangan dan menjejaskan pembangunan negara. Melalui penerapan prinsip Kontrak Sosial, kajian ini berharap dapat menawarkan panduan dalam membina negara yang lebih aman dan stabil di mana hak rakyat dihormati, serta mengatasi masalah ketidakpuasan yang boleh mengakibatkan ketidakstabilan.

2.12 Teori Institusi (Institutional Theory)

2.12.1 Intipati Teori Institusi dan Kajian

Perbincangan mengenai intipati Teori Institusi dan aplikasinya dalam kajian kemerosotan alam sekitar, khususnya dalam konteks Malaysia, adalah penting dalam memahami kegagalan dasar yang dirangka tetapi tidak diterjemahkan secara berkesan di peringkat pelaksanaan. Teori Institusi (Institutional Theory), seperti yang diperkenalkan oleh Scott (2014), menekankan bahawa kelangsungan dan keberkesanan organisasi bergantung bukan sahaja kepada kecekapan teknikal tetapi juga kepada pematuhan terhadap norma, nilai, dan tekanan institusi dalam persekitaran sosial mereka. Dalam konteks pengurusan alam sekitar, pendekatan ini memberikan

lensa kritikal untuk menilai sejauh mana struktur institusi, budaya organisasi, dan tekanan politik mempengaruhi pelaksanaan dasar secara praktikal.

Di Malaysia, meskipun pelbagai kerangka dasar telah diwujudkan seperti Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan (2022-2030), Pelan Induk Teknologi Hijau, dan Komitmen kepada Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs), pelaksanaan di peringkat akar umbi kerap terganggu oleh kelemahan struktur institusi dan campur tangan politik (Zabidi & Hassan, 2022). Contohnya, di negeri Perak, yang kaya dengan kawasan hutan tropika, data dari Global Forest Watch (2023) menunjukkan kehilangan kawasan hutan primer akibat kegiatan pembalakan yang tidak terkawal serta pembangunan yang tidak mampan. Ini menimbulkan persoalan mengenai keberkesanan agensi pelaksana serta pengaruh pihak berkepentingan dalam menentukan arah pelaksanaan dasar.

Dalam kerangka Teori Institusi, terdapat tiga tiang utama yang mempengaruhi tingkah laku institusi: unsur kawal selia (regulative), unsur normatif, dan unsur kognitif (Scott, 2014). Unsur kawal selia merujuk kepada undang-undang, peraturan dan mekanisme penguatkuasaan; unsur normatif pula berkait rapat dengan nilai dan tanggungjawab moral organisasi; manakala unsur kognitif melibatkan persepsi dan kepercayaan sosial yang dikongsi. Apabila unsur-unsur ini terganggu atau tidak sejajar, pelaksanaan dasar akan terjejas. Sebagai contoh, kelemahan dalam penguatkuasaan undang-undang hutan sering kali berpunca daripada rasuah politik, amalan nepotisme, atau tekanan dari pihak industri (Ahmad et al., 2021).

Tambahan pula, konsep isomorfisme dalam Teori Institusi menerangkan bagaimana organisasi meniru struktur dan amalan organisasi lain untuk mendapatkan legitimasi. Namun, dalam banyak kes, organisasi kerajaan meniru hanya secara kosmetik, tanpa perubahan sebenar dalam budaya kerja dan etika (DiMaggio & Powell, 1983; Aziz et al., 2020). Ini mengakibatkan situasi di mana dasar kelihatan wujud di atas kertas, tetapi tidak dipatuhi dalam realiti – satu fenomena yang dikenali sebagai “decoupling” (Bromley & Powell, 2012). Kesan dari decoupling ini termasuk kehilangan kepercayaan masyarakat terhadap institusi kerajaan, serta ketidakmampuan agensi untuk mengekang kemerosotan alam sekitar secara berkesan.

Kajian oleh Abdul Rahman et al. (2020) mengenai tadbir urus hutan di Sabah dan Sarawak turut menunjukkan bahawa pengaruh politik tempatan dan kelemahan akauntabiliti telah mengakibatkan eksploitasi sumber yang tidak mampan. Mereka berhujah bahawa reformasi institusi perlu melibatkan bukan sahaja perubahan struktur organisasi, tetapi juga perubahan budaya kerja dan komitmen etika di kalangan penggubal dasar dan pelaksana.

Akhirnya, dengan menggunakan Teori Institusi sebagai kerangka analisis, kajian ini tidak hanya melihat kepada kelemahan dasar atau kekurangan sumber, tetapi meneliti bagaimana institusi itu sendiri – dari segi struktur, norma, dan tekanan politik – menjadi penyebab kepada kegagalan pelaksanaan dasar alam sekitar. Oleh itu, sebarang penyelesaian perlu mempertimbangkan pembaharuan institusi secara menyeluruh yang merangkumi reformasi undang-undang, ketelusan pentadbiran, dan pembinaan integriti dalam kalangan pelaksana dasar.

2.12.2 Tadbir Urus Alam Sekitar dan Rasuah Politik

Perhubungan antara rasuah politik dan kerosakan alam sekitar merupakan satu dimensi penting dalam kajian tadbir urus alam sekitar yang semakin mendapat perhatian dalam wacana akademik, terutamanya dalam konteks negara membangun. Hubungan ini bukan sahaja bersifat korelatif tetapi juga kausal, di mana rasuah politik berperanan secara langsung dalam melemahkan pelaksanaan dasar-dasar perlindungan alam sekitar. Sejumlah besar kajian empirikal telah mendokumentasikan bagaimana rasuah politik menyumbang kepada kelonggaran kawal selia, kelulusan projek berimpak tinggi tanpa penilaian alam sekitar yang telus, serta penyalahgunaan kuasa oleh elit politik dan ekonomi untuk kepentingan peribadi (Lisciandra & Migliardo, 2017; Gholipour & Farzanegan, 2018; Hu et al., 2021).

Dalam konteks Malaysia, hubungan ini dapat diperhatikan dalam pelbagai insiden pencerobohan hutan, perlombongan haram, dan pelanggaran piawaian alam sekitar yang berlaku walaupun terdapat dasar dan garis panduan yang sedia ada. Sebagai contoh, penganugerahan konsesi pembalakan di kawasan hutan simpan kekal di Perak dan Pahang sering mendapat kritikan daripada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan aktivis alam sekitar kerana melibatkan kawasan tadahan air dan biodiversiti yang tinggi (Sahabat Alam Malaysia, 2021). Insiden seperti ini mencerminkan ketidaksesuaian antara prinsip dasar yang bertujuan melindungi alam sekitar dan realiti pelaksanaan yang terjejas oleh pengaruh politik serta kepentingan ekonomi.

Kajian oleh Gholipour dan Farzanegan (2018) menyokong hujah ini dengan membuktikan secara kuantitatif bahawa peningkatan skor rasuah politik dalam indeks persepsi rasuah berkait rapat dengan peningkatan kadar kehilangan hutan di negara-

negara membangun. Ini menunjukkan bahawa apabila pembuat dasar dan penguat kuasa terlibat dalam jaringan rasuah atau konflik kepentingan, mereka lebih cenderung meluluskan projek eksploitasi sumber secara berlebihan tanpa mengambil kira kesan jangka panjang terhadap alam sekitar dan komuniti tempatan.

Hu et al. (2021) pula menekankan bahawa dalam negara yang institusinya lemah, keberkesanan dasar alam sekitar bukan bergantung kepada kekuatan undang-undang semata-mata, tetapi lebih kepada kekuatan institusi pelaksana dan integriti mereka. Kewujudan undang-undang tanpa mekanisme penguatkuasaan yang bebas, telus dan bertanggungjawab hanya akan menjadikan dasar sebagai alat kosmetik yang gagal menangani isu sebenar di lapangan. Ini amat relevan dengan situasi di Malaysia, khususnya di Perak, di mana laporan media seperti oleh Malaysiakini (2022) menunjukkan bahawa arahan kerajaan negeri untuk menghentikan aktiviti perlombongan di kawasan tertentu tidak diikuti sepenuhnya, menunjukkan kelemahan serius dalam struktur penguatkuasaan.

Lebih membimbangkan, proses pembuatan dasar dan pelaksanaan projek pembangunan sering kali mengabaikan suara masyarakat sivil dan komuniti tempatan yang paling terkesan dengan kemusnahan alam sekitar. Ketika komuniti Orang Asli atau petani desa cuba menentang projek pembalakan atau perlombongan yang merosakkan kawasan sumber air mereka, pandangan mereka jarang dimasukkan dalam keputusan dasar secara substansial. Hal ini menandakan wujudnya satu sistem tadbir urus yang elitis dan tertutup, yang bertentangan dengan prinsip keadilan sosial dan kelestarian.

Dalam konteks ini, kerangka Teori Institusi menjadi sangat penting sebagai alat analisis untuk memahami struktur dan norma yang mengakar dalam sistem tadbir urus. Teori ini, seperti yang diuraikan oleh Scott (2014), menyorot bagaimana elemen kawal selia, normatif dan kognitif membentuk tingkah laku institusi serta legitimasi mereka. Dalam sistem yang telah dinormalisasi dengan unsur rasuah atau toleransi terhadap penyalahgunaan kuasa, norma dan nilai institusi akan turut membenarkan kegagalan pelaksanaan dasar. Kajian oleh Abdul Rahman et al. (2021) turut menegaskan bahawa bentuk rasuah institusional boleh menjadi sebahagian daripada sistem, di mana proses rundingan projek dilakukan melalui saluran tidak rasmi seperti hubungan politik dan jaringan peribadi, yang akhirnya menggagalkan prinsip kelestarian dan ketelusan.

Tambahan pula, konsep “institutional capture” atau penguasaan institusi oleh kepentingan swasta dan politik menunjukkan bahawa badan penguatkuasa atau agensi pelaksana tidak bebas, tetapi dikawal oleh elit politik yang mempunyai kepentingan langsung dalam hasil ekonomi daripada projek eksploitasi alam sekitar. Dalam situasi ini, pelaksanaan dasar hanya berfungsi sebagai formaliti untuk mendapatkan legitimasi awam, sedangkan realiti di lapangan terus dikuasai oleh kepentingan tersembunyi (Zabidi & Hassan, 2022).

Maka, perbincangan ini memperkukuh rasional kajian yang mendalam terhadap dinamika institusi dalam konteks tadbir urus alam sekitar, khususnya bagi negeri-negeri yang kaya dengan sumber tetapi berisiko tinggi dari segi rasuah politik dan eksploitasi berlebihan. Dengan menggunakan Teori Institusi sebagai asas teoritikal, penyelidikan ini bertujuan untuk membongkar bukan sahaja kelemahan teknikal dalam

pelaksanaan dasar, tetapi juga norma tidak formal, struktur kuasa, dan tekanan politik yang membentuk corak kegagalan tadbir urus secara sistemik.

2.12.3 Teori Institusi: Pengenalan dan Relevansi

Perbincangan mengenai Teori Institusi (Institutional Theory) dalam konteks tadbir urus alam sekitar memberikan kerangka yang kukuh dan kritikal untuk memahami bukan sahaja struktur formal dalam sesebuah organisasi atau agensi kerajaan, tetapi juga proses-proses informal, nilai dominan, dan norma-norma sosial yang menyelubungi tindakan institusi tersebut. Teori ini telah berkembang sejak beberapa dekad lalu dan terus digunakan secara meluas dalam bidang pengurusan awam, pembangunan dasar, dan kajian sosiopolitik berkaitan kelestarian dan alam sekitar (Greenwood et al., 2017; Wijen & Ansari, 2016).

Pada asasnya, Teori Institusi berpandangan bahawa organisasi tidak bertindak semata-mata atas dasar rasional ekonomi atau teknikal, tetapi terikat oleh struktur institusi yang terbentuk daripada tekanan regulatif (undang-undang dan dasar), tekanan normatif (ekspektasi sosial dan profesional), serta tekanan kognitif (kepercayaan yang dipegang secara meluas) (Scott, 2014). Dalam konteks ini, institusi dilihat bukan sahaja sebagai entiti formal, tetapi sebagai satu sistem nilai dan makna yang mempengaruhi cara individu dan organisasi bertindak dan membuat keputusan.

Dalam konteks tadbir urus alam sekitar, Teori Institusi menjadi semakin penting kerana kegagalan penguatkuasaan dasar sering kali berpunca daripada faktor dalaman institusi itu sendiri. Contohnya, seperti yang dinyatakan oleh Andrews et al. (2017), agensi penguatkuasaan alam sekitar di banyak negara membangun sering bergelut

dengan tekanan politik, kekangan sumber, dan amalan birokrasi yang kaku. Dalam kes ini, organisasi cenderung untuk mengamalkan bentuk pematuhan 'ritualistik' atau 'kosmetik', iaitu melaksanakan aktiviti yang sekadar mematuhi bentuk luaran peraturan tanpa menghasilkan kesan substantif kepada alam sekitar (Meyer & Rowan, 1977; Christensen et al., 2019).

Situasi ini diperkuat apabila sistem pentadbiran dan budaya organisasi lebih menekankan kesetiaan politik berbanding kebertanggungjawaban kepada prinsip kelestarian. Sebagai contoh, dalam beberapa kes di Asia Tenggara termasuk Malaysia, agensi berkaitan sumber asli cenderung untuk tunduk kepada arahan politik demi kelangsungan dana, jawatan, atau kelulusan projek, sekali gus menjadikan dasar-dasar alam sekitar bersifat lemah dalam pelaksanaannya (Rahman & Yusoff, 2022). Justeru, pelaksanaan dasar bukanlah proses neutral, tetapi sangat dipengaruhi oleh struktur kuasa dan norma dominan dalam institusi.

Tambahan lagi, proses isomorfisme dalam teori ini turut menjelaskan mengapa organisasi yang berlainan tetapi berada dalam sistem institusi yang sama, akan menunjukkan pola tingkah laku yang serupa. Isomorfisme boleh berlaku dalam bentuk:

- Koersif, apabila organisasi ditekan oleh undang-undang atau pihak berkuasa;
- Mimetik, apabila organisasi meniru organisasi lain yang dianggap berjaya;
- Normatif, apabila tekanan datang daripada nilai profesional atau budaya kerja tertentu (DiMaggio & Powell, 1983).

Dalam konteks ini, agensi-agensi penguat kuasa sering melakukan tindakan yang selaras dengan amalan organisasi lain dalam sistem yang sama, walaupun amalan tersebut tidak semestinya berkesan atau beretika. Fenomena ini menjelaskan mengapa kegagalan pelaksanaan dasar bukanlah disebabkan kelemahan individu, tetapi hasil daripada tekanan institusi yang menggalakkan kelakuan yang tidak proaktif atau pasif terhadap isu alam sekitar.

Teori Institusi juga membuka ruang untuk menganalisis bagaimana struktur formal boleh bertembung dengan norma tidak rasmi, dan bagaimana tafsiran dasar boleh berubah mengikut konteks sosial dan politik. Dalam banyak kes, walaupun perundangan dan dasar telah dirangka dengan baik, hasil yang diperoleh masih mengecewakan kerana amalan di peringkat pelaksanaan tidak selaras dengan niat asal dasar. Sebagai contoh, kajian oleh Christensen et al. (2019) menunjukkan bahawa dalam banyak organisasi sektor awam, pematuhan terhadap piawaian hanya bersifat simbolik, dengan laporan dan dokumen yang direka bentuk bagi menampakkan kepatuhan tanpa tindakan substantif.

Lebih penting, Teori Institusi menekankan legitimasi sebagai matlamat utama organisasi. Organisasi akan sentiasa menyesuaikan diri dengan ekspektasi masyarakat, kerajaan pusat, atau penderma luar untuk mengekalkan kelangsungan mereka. Dalam keadaan di mana rasuah politik telah menjadi norma, usaha mendapatkan legitimasi sering kali dilakukan melalui pelaporan palsu, program CSR yang bersifat “greenwashing”, atau tindakan simbolik yang tidak menyentuh akar permasalahan (Schoeneborn et al., 2020). Hal ini dapat dilihat dalam konteks pemeliharaan alam sekitar di Malaysia, di mana program perhutanan semula dan perlindungan biodiversiti

sering dijadikan bahan promosi politik, tetapi tidak diterjemahkan secara konkrit di lapangan (Zabidi & Hassan, 2022).

Oleh itu, penerapan Teori Institusi dalam kajian ini membolehkan penyelidik menyelami aspek yang lebih mendalam dan tersembunyi dalam tadbir urus alam sekitar, seperti:

- Dinamika antara struktur formal dan amalan sebenar (decoupling);
- Hubungan antara tekanan politik dan budaya kerja dalam institusi;
- Peranan norma tidak formal dan nilai sosial dalam membentuk keputusan institusi;
- Ketahanan sistem birokrasi terhadap pembaharuan dan pembedahan dasar.

Dengan memberi tumpuan kepada dimensi institusi yang lebih luas, kajian ini dapat menghasilkan cadangan penambahbaikan dasar yang bukan sahaja bersifat teknikal, tetapi juga menyentuh keperluan reformasi budaya organisasi, struktur insentif, dan integriti institusi. Ini menjadikan Teori Institusi bukan sahaja alat analisis, tetapi juga kompas untuk perubahan dalam tadbir urus alam sekitar yang lebih lestari dan inklusif.

2.12.4 Rasuah sebagai Proses yang Diinstitusikan

Perbincangan mengenai rasuah sebagai proses yang diinstitusikan membuka dimensi kritikal dalam memahami mengapa usaha membanteras rasuah sering menemui jalan buntu meskipun pelbagai dasar dan perundangan telah diwujudkan. Pendekatan ini sejajar dengan kerangka Teori Institusi, yang menekankan bahawa institusi terdiri daripada struktur formal (undang-undang dan dasar) dan tidak formal (norma sosial,

nilai budaya, dan amalan rutin) yang membentuk cara tindakan organisasi dan individu dijustifikasi serta dilakukan (Scott, 2014).

Seperti yang dikemukakan oleh Douglas North (1990), institusi bukan sekadar undang-undang bertulis, tetapi merangkumi peraturan tidak rasmi yang tertanam dalam struktur sosial. Dalam konteks rasuah, ini bermakna perbuatan yang pada zahirnya salah dari sudut perundangan boleh diterima secara meluas dalam kalangan anggota organisasi sebagai sebahagian daripada budaya kerja atau strategi kelangsungan hidup politik. Apabila rasuah berulang, diremehkan, atau tidak dihukum, ia bertransformasi menjadi norma institusi, menjadikannya sukar dikesan apatah lagi diperangi (Mungiu-Pippidi, 2015).

Kajian-kajian kontemporari menyokong hujah ini. Persson, Rothstein dan Teorell (2013) memperkenalkan konsep “sistem integrasi rasuah” di mana rasuah menjadi bahagian daripada struktur ganjaran dan hukuman dalam institusi awam. Ini berlaku apabila pegawai atau pemimpin politik memperoleh manfaat peribadi melalui rangkaian yang kompleks, termasuk pelesenan projek, kontrak perolehan, atau pemberian tanah, yang mana semua tindakan ini dikaburkan melalui justifikasi pentadbiran dan legalistik.

Dalam konteks Malaysia, terutamanya di negeri-negeri yang kaya sumber seperti Perak, amalan kelulusan projek tanpa proses penilaian impak alam sekitar (EIA) yang telus, manipulasi peraturan tanah, serta keengganan untuk bertindak ke atas pelanggaran oleh syarikat yang berkepentingan politik, menjadi bukti nyata kepada proses institusionalisasi rasuah ini (Zabidi & Hassan, 2022). Sebagai contoh,

pendedahan oleh media tempatan dan badan bukan kerajaan terhadap aktiviti pembalakan di kawasan Hutan Simpan Kenderong dan kegiatan perlombongan di Sungai Siput mendedahkan ketidaktelusan dalam proses kelulusan dan kekaburan akauntabiliti, yang akhirnya menjejaskan integriti institusi penguatkuasaan dan keselamatan alam sekitar.

Lebih membimbangkan, apabila institusi bukan sahaja toleran terhadap rasuah, tetapi turut membangunkan mekanisme untuk melindunginya, iaitu melalui pelaporan yang dimanipulasi, kelewatan siasatan, ketidakjelasan prosedur pentadbiran, dan pelabelan aduan awam sebagai tidak relevan atau bermotif politik (Transparency International Malaysia, 2021). Dalam erti kata lain, institusi tersebut bukan sekadar gagal mencegah rasuah, malah berperanan secara aktif dalam menyuburkannya.

Fenomena ini mencerminkan apa yang digambarkan oleh March dan Olsen (2006) melalui konsep “logik kesesuaian” (logic of appropriateness), iaitu individu bertindak bukan berdasarkan keberkesanan dasar atau etika undang-undang, tetapi berdasarkan apa yang biasa dan sesuai dalam konteks sosial organisasi mereka. Oleh itu, seorang pegawai mungkin tidak berasa bersalah meluluskan projek tanpa mematuhi prosedur kerana ia adalah "cara biasa" beroperasi dalam jabatan tersebut, malah ia mungkin dianggap sebagai penyesuaian strategik untuk menjaga hubungan dengan pihak atasan atau pemimpin politik.

Penemuan ini bertepatan dengan kajian oleh Bauhr dan Grimes (2014) yang membezakan antara rasuah “berasaskan kelangsungan hidup” (survival corruption) dan “berasaskan kuasa” (power corruption), di mana rasuah bukan sekadar soal

ekonomi, tetapi juga mekanisme kawalan sosial dan kelangsungan institusi. Dalam banyak kes, amalan rasuah dilihat sebagai cara untuk memastikan sistem birokrasi terus berfungsi dalam keadaan sumber yang tidak mencukupi atau tekanan politik yang tinggi.

Maka, reformasi undang-undang semata-mata tidak mencukupi untuk menghapuskan rasuah yang telah menjadi sebahagian daripada norma institusi. Sebaliknya, perlu ada usaha menyeluruh yang menyentuh aspek budaya organisasi, struktur insentif, dan tekanan sosial dalam institusi, seperti yang disarankan oleh De Graaf (2018), termasuk:

- Mewujudkan sistem ganjaran dan hukuman yang telus dan konsisten,
- Mengukuhkan kapasiti dan autonomi institusi penguatkuasaan,
- Meningkatkan penglibatan masyarakat sivil dalam pemantauan dasar,
- Merombak struktur hierarki yang menyekat akauntabiliti dalaman.

Pendekatan ini turut menuntut penggunaan metodologi kajian kualitatif yang mendalam, seperti temubual separa berstruktur dengan pegawai awam, analisis dokumen dasar, serta kajian kes untuk memahami dinamika norma tidak formal dalam agensi yang terlibat. Kajian seperti ini bukan sahaja membongkar akar kepada ketidakberkesanan dasar, malah berupaya menghasilkan cadangan reformasi yang lebih realistik dan kontekstual, khususnya dalam situasi di mana rasuah telah menjadi sebahagian daripada logik operasi institusi itu sendiri.

2.12.5 Isomorfisme Institusi dan Peniruan Tingkah Laku

Perbincangan mengenai konsep isomorfisme institusi dalam konteks tadbir urus alam sekitar, khususnya di negeri Perak, amat signifikan dalam menjelaskan bagaimana organisasi kerajaan membentuk dan menyesuaikan tingkah laku mereka dalam persekitaran institusi yang kompleks dan terdedah kepada pengaruh politik. Teori isomorfisme yang diperkenalkan oleh DiMaggio dan Powell (1983) telah menjadi asas penting dalam memahami bagaimana organisasi berusaha mendapatkan legitimasi melalui penyesuaian struktur dan tingkah laku mereka terhadap harapan persekitaran. Isomorfisme ini terbahagi kepada tiga bentuk utama: mimetik, koersif, dan normatif—kesemuanya berperanan dalam membentuk kelangsungan amalan birokrasi, termasuk amalan rasuah yang diinstitusikan.

Pertama, isomorfisme mimetik berlaku apabila agensi kerajaan atau jabatan meniru strategi atau struktur organisasi lain yang dianggap berjaya atau berkuasa, terutamanya dalam situasi ketidakpastian. Di Perak, sebagai contoh, jika satu jabatan negeri meluluskan projek pembangunan atau pembalakan dalam kawasan sensitif tanpa menerima tentangan atau hukuman, agensi lain mungkin terdorong untuk mengikut langkah tersebut. Kajian oleh Maroun dan van Zijl (2016) menyatakan bahawa dalam persekitaran yang tidak stabil, organisasi cenderung mencari model yang kelihatan stabil walaupun tidak semestinya berkesan atau beretika. Dalam konteks ini, tingkah laku tiruan boleh memperkukuh amalan yang bertentangan dengan tadbir urus lestari. Kedua, isomorfisme koersif melibatkan tekanan yang dikenakan ke atas institusi oleh pihak berkuasa atau sumber kawal selia seperti kerajaan pusat atau pemimpin politik. Dalam situasi di mana wujud ketidakseimbangan kuasa antara institusi pelaksana dan pihak berkepentingan politik, tekanan ini cenderung menjadi satu hala – dari atas ke

bawah. Contohnya, agensi penguatkuasaan mungkin dipaksa untuk meluluskan projek atas arahan politik walaupun bertentangan dengan penilaian impak alam sekitar (EIA). Kajian oleh Zhao et al. (2020) di China menunjukkan bahawa tekanan politik boleh melemahkan autonomi institusi pelaksana dan menjejaskan integriti proses kelulusan. Ini selaras dengan dapatan di Perak di mana pengaruh politik menjadi penghalang utama kepada penguatkuasaan dasar.

Ketiga, isomorfisme normatif merujuk kepada tekanan yang timbul daripada profesionalisme dan sosialisasi dalam kalangan pekerja institusi. Lazimnya, ini berkait dengan pengaruh pendidikan profesional, latihan, dan norma sosial dalam kalangan pegawai. Namun, dalam persekitaran yang sarat dengan amalan tidak telus dan kepentingan terselindung, norma-norma ini boleh terpesong. Sebagai contoh, jika menerima "sumbangan" dianggap sebagai prosedur biasa dalam memproses kelulusan projek, maka ia boleh menjadi norma institusi yang diterima secara tidak formal walaupun bercanggah dengan nilai etika dan integriti (Roitman, 2018).

Implikasi daripada ketiga-tiga bentuk isomorfisme ini ialah wujudnya proses peniruan, penyesuaian, dan penormalan tingkah laku yang boleh menjadikan rasuah dan salah guna kuasa sebagai sebahagian daripada struktur institusi. Ini turut memperlihatkan bagaimana perubahan dasar yang hanya bersifat kosmetik atau simbolik—seperti pelancaran polisi baharu tanpa penstrukturan budaya organisasi—tidak mencukupi untuk menyelesaikan masalah tadbir urus yang sistemik. Sebaliknya, perubahan perlu bermula dengan penilaian semula norma, struktur insentif, dan hubungan kuasa dalam organisasi itu sendiri (Alvesson & Spicer, 2019).

Melalui lensa isomorfisme institusi, kajian ini bertujuan menganalisis secara mendalam bagaimana proses normalisasi tingkah laku yang tidak beretika berlaku dalam agensi-agensi kerajaan di Perak. Penemuan ini dapat menyumbang kepada penyusunan strategi reformasi institusi yang lebih bersifat substantif, bukan sekadar adaptasi bentuk untuk mengekalkan legitimasi luaran. Oleh itu, pemahaman terhadap proses isomorfisme dapat membantu dalam merangka bentuk intervensi yang bukan sahaja berasaskan dasar, tetapi juga bersifat budaya dan sistemik.

2.12.6 Kelembapan Institusi (Institutional Inertia)

Perbincangan mengenai *kelembapan institusi* atau *institutional inertia* merupakan aspek kritikal dalam memahami kegagalan pelaksanaan dasar alam sekitar, terutamanya dalam konteks negara membangun seperti Malaysia. Konsep ini merujuk kepada ketahanan institusi terhadap perubahan walaupun berhadapan dengan tekanan dalaman atau luaran yang besar, sama ada dari masyarakat sivil, media, atau krisis alam sekitar yang semakin ketara (Peters, 2019). Dalam konteks teori institusi, kelembapan ini timbul daripada kekangan struktur birokrasi, budaya organisasi yang konservatif, serta insentif dalaman yang tidak menyokong perubahan (Mahmood et al., 2020).

Secara teoritikal, kelembapan institusi boleh dijelaskan melalui tiga dimensi utama: ketidakseimbangan struktur kuasa, kebergantungan kepada prosedur formalistik, dan ketakutan terhadap ketidakpastian hasil reformasi. Dalam konteks tadbir urus alam sekitar, ini bermaksud bahawa walaupun wujud dasar, pelan tindakan, atau garis panduan yang jelas, pelaksanaan sebenar sering kali terhalang oleh struktur organisasi

yang berhierarki, budaya kerja yang mengelak risiko, dan insentif yang tidak selaras dengan matlamat pemuliharaan (Biermann & Kim, 2020).

Contoh nyata dapat dilihat di negeri Perak, Malaysia, di mana insiden pembalakan dan perlombongan haram terus berlaku meskipun telah dilaporkan oleh penduduk tempatan, media, dan NGO. Walau laporan telah dihantar kepada pihak berkuasa seperti Jabatan Perhutanan, Jabatan Alam Sekitar atau Pejabat Tanah, reaksi rasmi sering kali lambat atau tidak berlaku langsung. Hal ini disebabkan oleh gabungan faktor seperti birokrasi berlapis, ketakutan terhadap tindak balas politik, serta kekurangan autonomi agensi pelaksana dalam membuat keputusan tanpa campur tangan dari pihak atasan (Sahabat Alam Malaysia, 2023; Kuok et al., 2022).

Selain itu, kelembapan institusi juga berkait rapat dengan sikap pekerja awam yang cenderung mengelakkan tanggungjawab yang melibatkan risiko. Dalam sistem yang tidak memberikan perlindungan menyeluruh kepada pemberi maklumat atau *whistleblower*, pegawai mungkin lebih suka berdiam diri daripada menentang amalan salah laku yang berakar. Tambahan pula, budaya kerja yang terlalu fokus kepada pematuhan prosedur tanpa mengambil kira hasil atau impak sebenar juga menyumbang kepada *organizational passivity* (Weber & Khademian, 2020). Situasi ini menyebabkan agensi menjadi lebih reaktif berbanding proaktif dalam menangani isu pencemaran dan pencerobohan alam.

Kajian oleh Andrews, Pritchett dan Woolcock (2017) turut menyatakan bahawa kelembapan institusi bukan sahaja berpunca daripada kelemahan kapasiti, tetapi juga kerana wujudnya insentif untuk “mengekalakan kelihatan aktif” melalui laporan,

mesyuarat, dan pelan tindakan yang tidak diterjemahkan dalam bentuk impak. Ini dipanggil *capability traps*, iaitu apabila organisasi kelihatan berfungsi tetapi sebenarnya gagal menangani masalah struktur sebenar.

Dalam konteks penyelidikan ini, memahami *institutional inertia* amat penting untuk mengenal pasti strategi transformasi dalaman yang lebih praktikal. Reformasi tidak harus hanya tertumpu pada aspek undang-undang atau peraturan, tetapi perlu memberi tumpuan kepada pemerkasaan budaya organisasi, membina kepimpinan dalaman yang berani, serta memperkukuh insentif kepada pegawai yang bertindak atas dasar integriti dan keberanian moral (Hashim et al., 2021).

Oleh itu, kajian ini menyarankan pendekatan reformasi yang lebih bersifat struktur dan budaya, termasuklah:

1. Latihan integriti dan keberanian moral dalam sektor awam;
2. Perlindungan menyeluruh kepada pemberi maklumat (whistleblowers);
3. Pemansuhan lapisan birokrasi yang memperlahankan tindakan penguatkuasaan;
4. Penilaian impak pelaksanaan dasar secara bebas oleh entiti bukan kerajaan.

Kesimpulannya, jika kelembapan institusi tidak ditangani secara sistemik, segala dasar alam sekitar yang dilaksanakan hanya akan berakhir sebagai dokumen di atas kertas tanpa sebarang perubahan substantif kepada kualiti persekitaran mahupun keadilan terhadap komuniti yang terkesan.

2.12.7 Implikasi terhadap Kajian Kualitatif

Perbincangan tentang keperluan untuk memahami struktur dan dinamika institusi secara mendalam menekankan kepentingan pendekatan penyelidikan yang mampu menangkap kerumitan hubungan sosial, makna simbolik, dan realiti institusi yang tidak sentiasa terzhahir dalam bentuk kuantitatif. Pendekatan kualitatif dalam kajian institusi, khususnya dalam konteks alam sekitar dan tadbir urus di Malaysia, menawarkan kekuatan untuk menyelami lapisan-lapisan tersembunyi dalam struktur birokrasi dan jaringan kuasa yang mempengaruhi keberkesanan dasar (Yin, 2018; Creswell & Poth, 2018).

Dalam kajian ini, pendekatan kualitatif dipilih sebagai strategi utama kerana ia membolehkan pemahaman yang lebih mendalam terhadap pengalaman subjektif aktor seperti pegawai agensi kerajaan, aktivis alam sekitar, komuniti Orang Asli dan penduduk kampung terkesan. Kaedah yang digunakan merangkumi *temu bual separa berstruktur*, *analisis dokumen* dasar dan media, serta *pemerhatian tidak turut serta* di lokasi kritikal. Kaedah ini selaras dengan cadangan Merriam dan Tisdell (2016) yang menegaskan bahawa dalam konteks sains sosial, pendekatan kualitatif sesuai untuk menjawab persoalan berkaitan ‘bagaimana’ dan ‘mengapa’ sesuatu fenomena berlaku dalam konteks semula jadi.

Kajian ini menggunakan *Teori Institusi* sebagai kerangka analisis bagi membongkar dinamika institusi yang bersifat tersirat, seperti amalan tidak rasmi, pengaruh budaya organisasi, dan rasionalisasi tindakan yang menyimpang daripada dasar rasmi. Ini amat relevan dalam kes-kes seperti pencerobohan hutan di Perak, di mana tindakan tidak selari dengan peraturan persekutuan atau negeri tetapi masih diterima dalam

sistem pelaksanaan disebabkan justifikasi yang dibentuk dalam struktur kuasa sedia ada (Scott, 2014; Mahmud et al., 2021). Kajian kualitatif membolehkan pengkaji mengenal pasti naratif dominan, wacana yang dikongsi, serta isyarat budaya yang membentuk tingkah laku dan keputusan institusi.

Sebagai contoh, melalui temu bual dengan pegawai penguat kuasa yang masih bertugas atau sudah bersara, pengkaji boleh mengenal pasti logik tindakan yang berasaskan kepada tekanan politik, ketakutan terhadap tindakan disiplin, atau kesetiaan kepada hierarki kuasa. Ini selari dengan pendekatan *interpretivisme*, di mana makna dikaji berdasarkan bagaimana aktor menafsir realiti mereka (Gioia, Corley, & Hamilton, 2013). Dengan pendekatan ini, kajian ini juga dapat membina *first-order constructs* (pandangan asli informan) dan *second-order themes* (analisis konseptual pengkaji) untuk menggambarkan bagaimana struktur institusi menghalang atau membolehkan tindakan.

Tambahan pula, pendekatan kualitatif memberi ruang kepada kajian untuk membina pemahaman kontekstual yang kaya tentang bagaimana sejarah tempatan, struktur pentadbiran negeri, dan hubungan antara kerajaan negeri dan persekutuan mempengaruhi pelaksanaan dasar. Perak, sebagai sebuah negeri dengan sejarah politik yang kompleks dan kepelbagaian etnik serta geografi, menuntut pendekatan yang mampu menangkap nuansa lokaliti yang unik. Sebagai contoh, persepsi masyarakat Orang Asli terhadap dasar pembalakan tidak dapat difahami sepenuhnya tanpa mempertimbangkan sejarah pencerobohan tanah adat dan marginalisasi sistematik dalam proses perundingan dasar (Nicholas, 2019).

Dengan memberi fokus kepada pengalaman sebenar aktor yang berinteraksi dengan dasar alam sekitar – bukan sahaja pembuat dasar tetapi juga pelaksana dan komuniti yang terkesan – kajian ini dapat menyumbang kepada reformasi dasar yang lebih kontekstual dan berakar umbi. Ini juga menepati prinsip *research for transformation*, iaitu pendekatan penyelidikan yang bukan sahaja bertujuan untuk menjelaskan fenomena tetapi juga menyokong perubahan sosial (Reason & Bradbury, 2015).

Akhirnya, kajian ini menegaskan bahawa reformasi institusi tidak boleh direka secara eksogen atau berdasarkan andaian teknokratik semata-mata. Sebaliknya, ia perlu dibentuk melalui pemahaman mendalam terhadap nilai, norma, logik tindakan dan suara-suara yang sering diketepikan dalam proses dasar. Pendekatan kualitatif membolehkan suara-suara ini diangkat dan dijadikan asas untuk mencadangkan perubahan institusi yang bukan hanya bersifat prosedural, tetapi juga transformatif dan responsif terhadap keperluan masyarakat dan kelestarian alam sekitar.

2.13 Kesesuaian Teori Institusi dan Teori Kontrak Sosial dalam Kajian

2.13.1 Teori Institusi: Fokus pada Struktur dan Amalan Organisasi

Teori Institusi telah berkembang sebagai satu pendekatan yang signifikan dalam bidang sains sosial, terutamanya dalam memahami struktur organisasi dan interaksi antara institusi dan persekitaran sosio-politik mereka. Dalam konteks tadbir urus dan pengurusan alam sekitar, teori ini memberikan kerangka analisis yang membolehkan kita menilai bukan sahaja struktur formal seperti peraturan dan undang-undang, tetapi juga amalan tidak rasmi yang sering kali lebih dominan dalam membentuk keputusan organisasi (Scott, 2014; Greenwood et al., 2017).

Pada asasnya, Teori Institusi menekankan bahawa organisasi tidak semata-mata bertindak secara rasional berdasarkan objektif ekonomi atau teknikal, sebaliknya mereka membentuk tingkah laku berdasarkan tekanan institusi yang terdiri daripada tiga elemen utama: regulatif (undang-undang dan peraturan), normatif (nilai dan standard sosial), dan kognitif (kepercayaan budaya dan cara berfikir yang diterima umum) (Scott, 2014). Dalam konteks Malaysia, ketiga-tiga elemen ini dapat dilihat dengan jelas dalam operasi agensi berkaitan alam sekitar. Walaupun struktur regulatif wujud, misalnya melalui Akta Alam Sekitar 1974 dan Garis Panduan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA), pelaksanaannya sering terhad oleh norma sosial seperti kepatuhan kepada autoriti politik dan budaya birokrasi yang menekankan kelangsungan struktur hierarki (Mahmud et al., 2021).

Konsep “institutional isomorphism” yang diperkenalkan oleh DiMaggio dan Powell (1983) menjelaskan bagaimana organisasi cenderung meniru satu sama lain dalam usaha mendapatkan legitimasi sosial atau politik, bukan semata-mata untuk meningkatkan keberkesanan. Dalam konteks pengurusan alam sekitar, ini bermakna satu jabatan mungkin meniru amalan dari jabatan lain yang berjaya mendapatkan kelulusan projek secara pantas, walaupun kaedah yang digunakan adalah tidak telus atau menyalahi prinsip tadbir urus baik (Turanli & Vartiainen, 2020). Isomorfisme ini membentuk satu ekosistem institusi yang homogen tetapi tidak semestinya efektif, sekali gus memperkuat budaya organisasi yang lemah dari segi integriti dan akauntabiliti.

Selain itu, konsep “institutional logic” membolehkan kita memahami bahawa pelbagai logik boleh wujud secara serentak dalam satu institusi, contohnya logik profesionalisme bertembung dengan logik kepatuhan politik. Dalam kes agensi penguatkuasaan alam sekitar, pegawai mungkin menyedari pentingnya perlindungan kawasan hutan atau sumber air, tetapi pada masa yang sama terikat dengan tekanan politik untuk meluluskan projek pembangunan (Thornton et al., 2015). Ini menunjukkan konflik dalaman dalam organisasi yang sering menghasilkan kompromi institusi yang merugikan alam sekitar.

Sementara itu, “institutional inertia” pula merujuk kepada kecenderungan institusi untuk mengekalkan status quo walaupun perubahan diperlukan. Dalam pengurusan alam sekitar di Perak, kelembapan tindakan terhadap pencerobohan hutan atau aktiviti perlombongan haram bukan sahaja disebabkan kekurangan kapasiti teknikal, tetapi juga hasil daripada budaya organisasi yang menghindari risiko, tiada perlindungan untuk pemberi maklumat, dan hubungan saling bergantung antara institusi dan aktor politik (Peters, 2019; Hassan et al., 2022). Fenomena ini menggambarkan bagaimana institusi menjadi statik walaupun berdepan dengan krisis alam sekitar yang mendesak. Lebih penting lagi, Teori Institusi menawarkan penjelasan terhadap bagaimana rasuah boleh diinstitusikan. Rasuah tidak lagi dilihat sebagai penyimpangan individu semata-mata, sebaliknya sebagai sebahagian daripada amalan yang dibenarkan secara budaya dan struktur dalam sesebuah institusi (Zafarullah & Huque, 2018).

Dalam sistem di mana kelulusan projek besar sering bergantung kepada "pemain dalam" yang mempunyai hubungan politik, maka amalan tidak rasmi seperti pemberian imbuhan atau pengaruh patron-klien menjadi sebahagian daripada

mekanisme institusi itu sendiri. Dalam konteks ini, reformasi institusi tidak boleh dilakukan hanya melalui pindaan undang-undang atau polisi, tetapi perlu disertakan dengan perubahan budaya organisasi dan penyusunan semula insentif dalam sistem. Dalam kajian ini, Teori Institusi memberikan asas konseptual yang mantap untuk meneroka bagaimana pelaksanaan dasar alam sekitar dipengaruhi oleh interaksi kompleks antara struktur rasmi dan tidak rasmi. Dengan mengaplikasikan teori ini dalam pendekatan kualitatif, penyelidikan dapat menggali naratif dan pengalaman dari pelbagai aktor seperti pegawai kerajaan, pemimpin masyarakat, dan aktivis alam sekitar. Ia membolehkan kajian menjelaskan bukan sahaja 'apa' yang berlaku, tetapi 'mengapa' dan 'bagaimana' ia berlaku dalam konteks institusi tertentu. Ini menjadikan teori ini amat sesuai sebagai kerangka utama bagi memahami dan menilai keberkesanan tadbir urus alam sekitar di Malaysia secara kritikal dan berasaskan konteks lapangan.

2.13.2 Teori Kontrak Sosial: Fokus pada Hak dan Tanggungjawab antara Rakyat dan Negara

Perbincangan mengenai Teori Kontrak Sosial dalam konteks kajian alam sekitar membawa makna yang lebih mendalam apabila digabungkan dengan perdebatan semasa mengenai hak persekitaran, keadilan ekologi, dan kebertanggungjawaban institusi dalam negara moden. Teori ini, yang berakar daripada pemikiran falsafah klasik seperti Hobbes, Locke, dan Rousseau, menegaskan bahawa kewujudan kerajaan adalah berlandaskan kesepakatan moral dan politik dengan rakyat, di mana rakyat menyerahkan sebahagian kebebasan semula jadi mereka dengan jaminan bahawa kerajaan akan melindungi hak, nyawa dan kesejahteraan kolektif (Rousseau, 1762/2011). Dalam era kontemporari, prinsip ini diperluas kepada hak untuk hidup

dalam persekitaran yang bersih, selamat, dan lestari, yang telah diiktiraf sebagai hak asasi manusia sejagat (UN Human Rights Council, 2021).

Dalam konteks Malaysia, dan secara lebih khusus di negeri Perak, Teori Kontrak Sosial menjadi sangat penting apabila berlaku ketidakseimbangan antara keperluan pembangunan ekonomi dan kelestarian alam sekitar. Keputusan kerajaan yang membenarkan aktiviti pembalakan, perlombongan atau pembangunan di kawasan yang telah diwartakan sebagai hutan simpan atau kawasan tadahan air sering mencetuskan konflik moral dan undang-undang. Ia menimbulkan persoalan asas tentang legitimasi kuasa kerajaan, iaitu sama ada tindakan tersebut sejajar dengan janji asas kerajaan untuk bertindak demi kepentingan rakyat dan alam sekitar, seperti yang tersirat dalam kontrak sosial (Bullard, 2018).

Lebih jauh lagi, pelanggaran terhadap kontrak ini boleh dilihat sebagai satu bentuk pengkhianatan terhadap amanah rakyat. Apabila komuniti terpinggir seperti Orang Asli kehilangan hak tanah adat atau sumber air tercemar akibat aktiviti perlombongan, maka bukan sahaja undang-undang alam sekitar telah dilanggar, tetapi juga kepercayaan rakyat terhadap institusi telah dikhianati. Hak ini tidak hanya bersifat legalistik, tetapi bersifat etika dan moral, sejajar dengan hujah oleh Hayward (2012) yang menyatakan bahawa kualiti persekitaran fizikal adalah sebahagian daripada jaminan asas kepada martabat manusia dalam negara demokratik.

Namun, seperti yang dijelaskan, kelemahan utama Teori Kontrak Sosial dalam penyelidikan empirikal ialah sifatnya yang terlalu abstrak dan sukar dioperasikan dalam konteks organisasi atau kajian mikro. Ia tidak menjelaskan secara langsung

bagaimana kuasa politik, hubungan patron-klien, atau budaya institusi beroperasi dalam konteks pentadbiran. Oleh itu, ia memerlukan gabungan dengan teori lain seperti Teori Institusi, yang lebih fokus kepada struktur organisasi dan proses institusional yang memperkukuh atau melemahkan pelaksanaan dasar.

Walau bagaimanapun, relevansi normatif Teori Kontrak Sosial tidak harus diketepikan. Ia boleh digunakan sebagai bingkai moral untuk menilai legitimasi tindakan kerajaan, dan menjustifikasi kenapa rakyat berhak menuntut ketelusan, akauntabiliti, dan keadilan alam sekitar. Dalam konteks Malaysia, kegagalan kerajaan untuk menangani isu pencemaran sungai, pencerobohan hutan, atau pembangunan tidak lestari bukan sahaja mencerminkan kelemahan penguatkuasaan, tetapi juga pengabaian terhadap hak awam terhadap persekitaran yang sihat, satu hak yang semakin diiktiraf dalam wacana hak asasi manusia global (UNEP, 2021; Knox, 2018). Kajian ini menganggap Teori Kontrak Sosial sebagai asas nilai yang memberikan konteks etika terhadap mengapa pelanggaran terhadap alam sekitar bukan hanya soal undang-undang atau ekonomi, tetapi pelanggaran terhadap tanggungjawab moral negara terhadap rakyatnya. Dengan itu, ia memberi dimensi tambahan dalam menilai tindakan kerajaan bukan sekadar dari segi keberkesanan pentadbiran, tetapi juga dari segi keabsahan moral dan sosial.

2.13.3 Kekuatan Perbandingan dalam Konteks Kajian

Perpaduan antara Teori Institusi dan Teori Kontrak Sosial dalam kerangka penyelidikan memberikan satu asas analitikal yang menyeluruh serta mantap dari segi teori, kerana kedua-duanya membawa kekuatan berbeza tetapi saling melengkapi. Dalam konteks kajian mengenai rasuah, tadbir urus alam sekitar, dan kepercayaan

rakyat terhadap institusi, sinergi antara kedua-dua teori ini memperkuat kemampuan penyelidik untuk bukan sahaja memahami *apa* yang berlaku di dalam sistem institusi, tetapi juga *mengapa* kesan dan reaksi awam terhadapnya wujud dari sudut moral dan sosial.

Teori Kontrak Sosial, yang asalnya berkembang daripada karya klasik Rousseau, Hobbes dan Locke, telah digunakan secara meluas dalam kajian kontemporari untuk membincangi hubungan antara kerajaan dan rakyat dalam konteks hak asasi, keadilan sosial, dan tanggungjawab moral negara (Hayward, 2012; UNHRC, 2021). Dalam kerangka ini, kerajaan bukan sekadar entiti pelaksana undang-undang, tetapi pelindung kepada kepentingan awam, termasuk hak terhadap alam sekitar yang selamat dan lestari. Apabila kerajaan membenarkan eksploitasi sumber semula jadi secara tidak lestari, atau gagal bertindak ke atas pencerobohan dan pencemaran, ia bukan sahaja mencabuli undang-undang, tetapi turut mengkhianati kepercayaan rakyat satu pengkhianatan terhadap perjanjian moral yang menjadi asas kepada legitimasi kuasa kerajaan (Bullard, 2018; Knox, 2018).

Walau bagaimanapun, Teori Kontrak Sosial bersifat normatif dan sering kali tidak mencukupi dalam memberikan penjelasan mikro terhadap bagaimana proses institusi yang korup atau tidak berfungsi berlaku dalam amalan. Di sinilah Teori Institusi berperanan penting. Teori ini memberikan pandangan yang lebih struktur dan sistematik terhadap bagaimana organisasi membentuk tingkah laku pelakunya melalui tekanan dalaman dan luaran seperti norma budaya, struktur birokratik, serta pengaruh politik dan ekonomi (Scott, 2014; Greenwood et al., 2017). Dalam banyak kajian empirikal, Teori Institusi telah terbukti berguna dalam menjelaskan bagaimana rasuah

boleh menjadi rutin, dan bagaimana amalan tidak beretika dikekalkan oleh norma institusi dan tekanan kuasa (Zhou, 2019; Aguilera et al., 2021).

Sebagai contoh, isomorfisme institusi (DiMaggio & Powell, 1983) membantu menjelaskan bagaimana organisasi dalam persekitaran yang sama meniru satu sama lain, bukan kerana keberkesanan dasar, tetapi kerana tekanan untuk menyesuaikan diri dengan ‘normal’ yang telah ditetapkan walaupun normal itu adalah rasuah, manipulasi kuasa, atau ketidakcekapan. Sementara itu, kelembapan institusi (institutional inertia) menerangkan ketidakmampuan organisasi berubah meskipun terdapat bukti kegagalan atau desakan perubahan (Peters, 2019). Kedua-dua konsep ini memberikan kejelasan kepada *bagaimana dan mengapa* institusi seperti agensi penguatkuasaan alam sekitar sering gagal bertindak dengan tegas dalam konteks pencerobohan dan penyalahgunaan sumber.

Dalam kajian empirik kualitatif, kebergantungan kepada Teori Institusi adalah wajar kerana ia membantu membentuk reka bentuk soalan temu bual, pemilihan unit analisis, dan penyusunan tema dalam analisis naratif. Penyelidik dapat menelusuri bagaimana pelaku institusi seperti pegawai kerajaan atau pemimpin politik memahami tindakan mereka sendiri, dan bagaimana mereka memberikan justifikasi berdasarkan tekanan struktur, peranan formal, dan budaya organisasi (Lawrence et al., 2009; Mutch, 2018). Sebaliknya, Teori Kontrak Sosial lebih berfungsi sebagai kompas nilai yang memberikan penanda aras moral terhadap apa yang seharusnya berlaku dalam sesebuah sistem yang adil dan berintegriti.

Walaupun Teori Kontrak Sosial tidak sesuai sebagai alat analisis mikro, penggunaannya sebagai rangka nilai adalah penting dalam menggariskan *implikasi etika dan hak rakyat* dalam sistem yang rosak. Dalam hal ini, ia menjadi penting bagi menyatakan bahawa tindakan institusi yang gagal bukan hanya membawa kesan pentadbiran atau alam sekitar, tetapi juga menjejaskan kepercayaan sosial, hak asasi, dan prinsip keadilan antara generasi (UNEP, 2021; Hayward, 2012).

Oleh itu, kajian ini menyarankan penggunaan Teori Institusi sebagai kerangka teori utama, memandangkan ia memberikan keupayaan analitikal yang kuat untuk memahami struktur dalaman organisasi dan tingkah laku pelakunya. Teori Kontrak Sosial pula digunakan sebagai sokongan nilai untuk memastikan analisis kekal berakar kepada prinsip keadilan sosial dan etika awam. Pendekatan ini membolehkan kajian bergerak melampaui penilaian teknokratik semata-mata, kepada penilaian yang lebih menyeluruh tentang bagaimana keadilan, kepercayaan, dan tanggungjawab institusi dapat dipulihkan secara berkesan dan lestari.

2.13.4 Rumusan dan Teori yang Lebih Sesuai

Secara keseluruhannya, perbandingan antara Teori Institusi dan Teori Kontrak Sosial menunjukkan bahawa kedua-dua teori memainkan peranan signifikan dalam memperkayakan pemahaman terhadap isu kompleks yang melibatkan rasuah politik, tadbir urus alam sekitar, dan kepercayaan awam terhadap institusi. Namun begitu, Teori Institusi muncul sebagai kerangka teori yang lebih sesuai dan aplikatif untuk menjadi asas utama bagi penyelidikan ini, khususnya dalam konteks kajian empirikal kualitatif yang memberi penekanan kepada struktur, budaya organisasi, dan tingkah laku institusi.

Teori Institusi memberi tumpuan kepada cara institusi dibentuk dan beroperasi melalui struktur formal dan tidak formal, termasuk peraturan, norma, dan nilai budaya yang mempengaruhi tingkah laku organisasi (Scott, 2014). Dalam konteks kajian ini yang meneliti mengapa dasar perlindungan alam sekitar di Malaysia khususnya di negeri Perak gagal dilaksanakan secara efektif, pendekatan teori ini membolehkan penyelidik menganalisis secara mendalam proses dalaman dalam institusi, termasuk keputusan-keputusan yang dipengaruhi oleh rasuah terselindung, amalan birokrasi yang tidak telus, serta hubungan kuasa antara agensi pelaksana dan aktor politik (Zhou, 2019; Aguilera et al., 2021).

Sebagai contoh, konsep institutional isomorphism yang diperkenalkan oleh DiMaggio dan Powell (1983) membantu memahami mengapa agensi kerajaan sering meniru struktur dan amalan organisasi lain tanpa mengambil kira keberkesanan, manakala institutional inertia (Peters, 2019) menjelaskan rintangan terhadap perubahan walaupun wujud desakan dari luar atau bukti kegagalan sistemik. Kedua-dua konsep ini amat berguna untuk mengupas kegagalan responsif institusi penguatkuasaan terhadap pencerobohan hutan atau pencemaran alam sekitar walaupun terdapat laporan, aduan atau bukti yang kukuh.

Sebaliknya, Teori Kontrak Sosial, yang berasal daripada pemikiran falsafah politik oleh Rousseau, Locke dan Hobbes, memberikan penekanan terhadap kepercayaan dan tanggungjawab moral antara rakyat dan kerajaan. Ia menyediakan rangka nilai yang penting untuk menilai legitimasi politik dan etika dasar awam, terutama berkaitan dengan hak rakyat terhadap alam sekitar yang bersih dan selamat (Hayward, 2012; Knox, 2018). Walaupun teori ini tidak memberikan alat analisis mikro terhadap

struktur dan tingkah laku organisasi, ia tetap relevan sebagai kerangka nilai normatif yang menjelaskan mengapa tindakan kerajaan yang membenarkan eksploitasi sumber alam boleh dianggap sebagai pengkhianatan terhadap kontrak moral dengan rakyat (UNHRC, 2021; UNEP, 2021).

Dalam konteks penyelidikan lapangan yang menggunakan pendekatan kualitatif, Teori Institusi lebih sesuai sebagai asas metodologi kerana ia membolehkan reka bentuk temu bual dan analisis data difokuskan kepada logik institusi, struktur kuasa, dan naratif dalaman pegawai kerajaan, aktivis alam sekitar, serta komuniti tempatan. Kajian oleh Lawrence et al. (2009) dan Mutch (2018) telah menunjukkan bagaimana penggunaan Teori Institusi dapat membongkar logik kesesuaian (logic of appropriateness) dan justifikasi tindakan dalam organisasi yang beroperasi di bawah tekanan struktur.

Tambahan pula, pemilihan Teori Institusi sebagai kerangka utama juga membolehkan penyelidik merumuskan cadangan dasar yang lebih realistik, kontekstual dan berakar kepada realiti institusi tempatan. Ini penting dalam konteks Malaysia, di mana reformasi dasar sering kali gagal kerana tidak mengambil kira budaya organisasi, hubungan kuasa, dan jaringan pengaruh dalaman institusi awam (Nordin et al., 2020; Mahadi & Jamil, 2023).

Sebaliknya, Teori Kontrak Sosial boleh memainkan peranan pelengkap dalam menjelaskan implikasi etika dan hak rakyat terhadap pelanggaran dasar alam sekitar. Dengan menggabungkan kedua-dua teori, kajian ini dapat menilai bukan sahaja bagaimana sistem pentadbiran gagal, tetapi juga mengapa kegagalan tersebut

membawa kesan besar terhadap kepercayaan sosial dan prinsip keadilan antara generasi (Bullard, 2018; UNEP, 2021).

Kesimpulannya, pemilihan Teori Institusi sebagai kerangka teori utama adalah tepat dan strategik bagi kajian kualitatif ini. Ia menyediakan pendekatan sistematik untuk menyiasat bagaimana amalan rasuah dan kelemahan institusi terbina dan dikekalkan dalam sistem pentadbiran. Teori Kontrak Sosial pula berperanan sebagai kerangka nilai yang memperkukuh dimensi etika kajian, meletakkan isu tadbir urus dan alam sekitar dalam konteks moral dan kepercayaan awam. Sinergi antara kedua-dua teori ini memperkaya perbincangan akademik dan meningkatkan kebolehlaksanaan cadangan reformasi berdasarkan realiti lapangan.

2.14 Ringkasan Bab

Kajian ini membincangkan hubungan antara kelemahan institusi, rasuah politik, dan kemerosotan alam sekitar di Malaysia, dengan fokus khusus terhadap negeri Perak. Dalam usaha memahami kegagalan pelaksanaan dasar perlindungan alam sekitar, kajian ini menggunakan dua kerangka teori utama iaitu Teori Institusi dan Teori Kontrak Sosial. Pemilihan kedua-dua teori ini membolehkan pemahaman yang lebih menyeluruh terhadap aspek struktur organisasi dan kepercayaan moral rakyat terhadap kerajaan. Teori Institusi telah dikenal pasti sebagai kerangka teori utama kerana ia menyediakan kerangka analitis yang sistematik untuk meneliti bagaimana struktur organisasi, norma tidak formal, tekanan institusi, dan budaya dalaman agensi kerajaan membentuk corak tingkah laku dalam pelaksanaan dasar. Konsep-konsep seperti isomorfisme institusi, kelembapan institusi (*institutional inertia*), dan rasuah sebagai norma institusi membolehkan penyelidik memahami bagaimana organisasi cenderung

meniru amalan tidak efektif, mengelak perubahan walaupun ditekan dari luar, dan menjadikan rasuah sebahagian daripada rutin institusi. Teori ini juga membolehkan penjelasan mengapa penguatkuasaan dasar sering lemah, bersifat selektif, atau tunduk kepada kehendak politik.

Sebaliknya, Teori Kontrak Sosial digunakan sebagai kerangka nilai sokongan yang menekankan tanggungjawab moral kerajaan terhadap rakyat. Ia membingkai isu pencemaran alam sekitar, rasuah dan pencerobohan hutan sebagai pelanggaran terhadap kontrak moral antara kerajaan dan rakyat. Dalam konteks ini, apabila kerajaan gagal melindungi alam sekitar dan bertindak adil terhadap komuniti terpinggir seperti Orang Asli, ia telah mengkhianati prinsip keadilan sosial dan hak rakyat terhadap persekitaran yang bersih dan selamat. Walaupun Teori Kontrak Sosial tidak memberikan alat analisis empirikal yang konkrit untuk kajian lapangan, ia penting dalam menjelaskan mengapa isu-isu ini perlu dinilai bukan hanya sebagai pelanggaran teknikal, tetapi sebagai persoalan etika dan hak asasi manusia.

Kekuatan gabungan kedua-dua teori ini terletak pada kemampuannya untuk saling melengkapi. Teori Institusi menjawab persoalan "bagaimana dan mengapa rasuah berlaku dalam organisasi", manakala Teori Kontrak Sosial menjawab persoalan "mengapa ia salah" dari sudut nilai dan kepercayaan awam. Oleh itu, dalam konteks penyelidikan lapangan secara kualitatif, Teori Institusi lebih sesuai dijadikan asas utama kerana ia menyokong reka bentuk metodologi, pemilihan peserta, reka bentuk temu bual dan analisis tematik berdasarkan pengalaman dan naratif pelaku institusi. Pemahaman mendalam terhadap struktur dan dinamika institusi ini juga memerlukan pendekatan metodologi yang bersesuaian. Justeru, kajian ini menggunakan pendekatan

kualitatif dengan kaedah seperti temu bual mendalam, analisis dokumen dan pemerhatian lapangan bagi memahami persepsi, pengalaman dan logik tindakan pelaku dalam institusi penguatkuasaan serta komuniti yang terkesan. Ini membolehkan kajian menyelami isu rasuah dan kelemahan tadbir urus bukan sekadar pada permukaan dasar atau undang-undang, tetapi pada struktur nilai, budaya organisasi dan hubungan kuasa yang lebih mendalam.

Secara keseluruhan, gabungan Teori Institusi dan Teori Kontrak Sosial dalam kajian ini membolehkan pemahaman yang lebih menyeluruh terhadap isu rasuah dan kerosakan alam sekitar. Teori Institusi menyediakan alat analisis untuk memahami bagaimana amalan menyimpang diinstitusikan dalam agensi kerajaan, manakala Teori Kontrak Sosial memberikan dimensi moral dan etika terhadap pelanggaran tanggungjawab kerajaan. Oleh itu, penggunaan kedua-dua teori ini bukan sahaja meningkatkan kejelasan analisis, malah menyokong cadangan reformasi dasar yang lebih realistik, berasaskan konteks dan berakar pada pengalaman sebenar para pelaku institusi serta komuniti terjejas.

BAB TIGA

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bab ini menjelaskan metodologi yang digunakan dalam kajian ini secara terperinci. Perbincangan merangkumi setiap langkah dalam proses kajian, termasuk aspek populasi kajian, kerangka populasi, dan strategi pensampelan bagi temu bual. Selain itu, bab ini juga menerangkan secara mendalam kaedah analisis data dan kaedah pengumpulan data yang dipilih, untuk memastikan kesesuaian dan ketepatan dalam mencapai objektif kajian.

3.2 Reka Bentuk dan Struktur Penyelidikan

Secara umum, reka bentuk penyelidikan merujuk kepada rangka kerja untuk merancang dan menjalankan kajian (Creswell & Tashakkori, 2007). Reka bentuk ini meliputi strategi, rangka kerja konseptual, pengenaltian subjek dan aspek kajian, serta alat dan kaedah yang digunakan untuk mengumpul dan menilai data bagi menjawab persoalan kajian (Wilkerson, Iantaffi, Gray & Rosser, 2014).

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, yang dalam konteks sains sosial, dirangka untuk membolehkan pengkaji meneroka fenomena sosial dan budaya dengan memerhatikan perasaan, pemikiran, tingkah laku, dan kepercayaan individu (Blumberg, Cooper & Schindler, 2005). Contoh pendekatan kualitatif termasuk kajian tindakan, kajian kes, dan teori asas. Sumber data kualitatif meliputi pemerhatian lapangan, temu bual, tinjauan, analisis dokumen dan teks, serta tanggapan penyelidik (Creswell, 2003).

Kaedah temu bual dipilih untuk kajian ini sebagai kaedah utama untuk menilai kesedaran dan pengamatan jabatan hutan terhadap campur tangan politik dalam isu alam sekitar. Menemu bual sekumpulan kecil individu adalah strategi biasa yang digunakan oleh penyelidik kualitatif, dengan tujuan memahami perspektif, pemikiran, dan perasaan responden mengenai subjek kajian (Aliaga & Gunderson, 2000).

Kajian ini berusaha untuk mengumpul maklumat daripada beberapa jabatan perhutanan bagi menilai kesedaran mereka tentang cabaran alam sekitar di Malaysia yang timbul akibat campur tangan politik, khususnya dalam konteks rasuah. Pengkaji juga menilai kesan faktor politik terhadap alam sekitar di Malaysia, dengan fokus pada elemen campur tangan politik yang berkaitan dengan isu alam sekitar. Hasil daripada temu bual ini akan memberi gambaran tentang tahap cabaran alam sekitar yang disebabkan oleh pengaruh politik. Namun, pengkaji juga mempertimbangkan penggunaan pelbagai kaedah pengumpulan data bagi menambah ketepatan hasil kajian.

Tempoh kajian ini telah dilaksanakan dalam jangka masa 40 bulan, bermula dari September 2021 hingga Disember 2024. Tempoh ini telah dirancang secara teliti bagi memastikan setiap peringkat kajian dijalankan secara sistematik, menyeluruh, dan berkualiti, sesuai dengan keperluan penyelidikan bertaraf doktor falsafah yang melibatkan isu kompleks seperti politik rasuah, tadbir urus, dan pengurusan alam sekitar dalam industri pembalakan di Negeri Perak.

Fasa 1 (September 2021 – Februari 2022 | 6 bulan) memberi tumpuan kepada pembangunan Bab 1 (Pengenalan) dan Bab 2 (Sorotan Literatur). Dalam tempoh ini, penyelidik meneliti latar belakang isu, mengenal pasti jurang literatur secara sistematik, serta membina kerangka konseptual berdasarkan Teori Institusi dan kajian terdahulu berkaitan rasuah politik dan tadbir urus alam sekitar. Rangka penyelidikan juga dirancang dan disemak bersama penyelia serta permohonan etika dikemukakan.

Fasa 2 (Mac – Ogos 2022 | 6 bulan) memberi fokus kepada Bab 3 (Metodologi) dan pembangunan instrumen kajian seperti protokol temu bual serta pemilihan sampel. Validasi awal instrumen dijalankan melalui kajian rintis, dan penyelidik juga menjalankan simulasi temubual untuk menilai kefahaman dan keberkesanan soalan berdasarkan matlamat kajian.

Fasa 3 (September 2022 – Ogos 2023 | 12 bulan) merupakan fasa utama pengumpulan data. Temu bual separa berstruktur telah dilaksanakan bersama pelbagai informan utama, termasuk pegawai pencegah rasuah, wakil agensi kerajaan, aktivis pertubuhan masyarakat sivil, dan komuniti yang terkesan dengan isu pembalakan. Proses ini melibatkan pelbagai lokasi dalam negeri Perak dan memerlukan masa serta koordinasi logistik yang mencabar kerana sensitiviti topik.

Fasa 4 (September 2023 – Jun 2024 | 10 bulan) memberi tumpuan kepada analisis data dan pembangunan Bab 4 (Dapatan Kajian). Data dianalisis menggunakan pendekatan tematik dengan bantuan perisian ATLAS.ti. Pengekoden, pemetaan tema, dan pemahaman berasaskan teori telah membolehkan dapatan dikaitkan secara mendalam dengan dinamika institusi formal dan informal yang mempengaruhi pembalakan haram serta kelestarian alam sekitar.

Fasa 5 (Julai – Disember 2024 | 6 bulan) adalah fasa akhir yang menumpukan kepada penulisan Bab 5 (Perbincangan dan Kesimpulan) serta penyemakan semula keseluruhan tesis. Dapatan dibandingkan secara kritikal dengan kajian-kajian terdahulu, dan implikasi terhadap dasar awam serta cadangan penambahbaikan tadbir urus dibentuk secara realistik dan kontekstual. Kajian ditutup secara rasmi pada Disember 2024 setelah draf akhir dihantar untuk semakan penyelia dan persediaan viva dilakukan.

Secara keseluruhannya, tempoh 40 bulan ini memberikan ruang yang optimum untuk menjalankan penyelidikan yang bersifat kompleks dan mendalam. Tempoh ini juga membolehkan penyelidik memastikan kesahan dan kebolehpercayaan data, serta menghubungkan dapatan dengan teori dan kerangka dasar yang kukuh, sejajar dengan objektif kajian dan harapan komuniti akademik. Memandangkan kajian ini berfokus pada interaksi manusia dan pandangan peribadi, kaedah kualitatif sangat disyorkan. Kaedah ini membolehkan respons dan pandangan yang lebih jujur kerana interaksi peribadi dengan penemuduga. Rajah 3.1 menunjukkan kerangka kajian yang menjadi panduan utama dalam kajian ini, merangkumi pemboleh ubah utama iaitu politik dan rasuah yang berpotensi memberi kesan signifikan terhadap alam sekitar.



Rajah 3 Kerangka Kajian

3.3 Populasi, Sampel Penyelidikan dan Kaedah Persampelan

Menurut Hair et al. (2010), populasi yang terlibat dalam kajian boleh ditakrifkan sebagai sekumpulan individu dengan ciri-ciri serupa yang menjadi fokus kajian. Bagi kajian ini, populasi merujuk kepada pegawai-pegawai hutan di Malaysia, khususnya mereka yang memiliki pengalaman dan pengetahuan dalam isu-isu berkaitan alam sekitar. Sekaran dan Bougie (2010) turut menyatakan bahawa populasi ialah satu kumpulan besar individu, peristiwa, atau subjek yang dikaji oleh penyelidik untuk mendapatkan maklumat yang relevan. Oleh itu, dalam kajian ini, populasi yang dirujuk akan memberikan gambaran keseluruhan terhadap respon dan persepsi dalam isu alam sekitar berkaitan campur tangan politik.

Seterusnya, sampel difahami sebagai subset atau sebahagian kecil daripada populasi yang dipilih untuk kajian, bertujuan untuk membuat generalisasi kepada keseluruhan populasi tersebut (Elnihewi, 2015). Sampel ini berfungsi sebagai wakil kepada populasi yang lebih besar, dan pemilihan sampel yang tepat adalah penting untuk mendapatkan hasil kajian yang sahih dan boleh dipercayai. Dalam kajian ini, sampel akan terdiri daripada pegawai-pegawai yang bekerja dalam sektor yang berkaitan dengan pengurusan dan pemantauan alam sekitar, termasuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah di negeri Perak, yang dipilih untuk memastikan mereka mempunyai pengetahuan mendalam berkaitan isu rasuah dan impaknya terhadap alam sekitar.

Bagi teknik persampelan, kajian ini menggunakan strategi persampelan bertujuan (purposive sampling), di mana peserta dipilih berdasarkan kesesuaian mereka dengan kehendak kajian dan kemampuan mereka untuk memberikan maklumat yang relevan. Persampelan bertujuan merupakan teknik yang digunakan untuk memastikan bahawa sampel yang dipilih mampu memberikan pandangan yang bermakna dan bernilai dalam menjawab persoalan kajian. Teknik ini membolehkan pengkaji memilih individu yang mempunyai pengetahuan atau pengalaman khusus mengenai topik kajian. Dengan memilih peserta yang memenuhi kriteria khusus ini, pengkaji dapat memastikan data yang dikumpulkan bersesuaian dengan objektif kajian dan memberi maklumat yang signifikan terhadap isu-isu yang dikaji.

Untuk mengumpul data, kajian ini akan menjalankan temu bual secara bersemuka sebagai kaedah utama. Namun, bagi responden yang tidak dapat hadir secara fizikal, temu bual akan dilakukan melalui e-mel atau panggilan telefon untuk memastikan pengumpulan data tetap komprehensif dan mencukupi. Temu bual yang dijalankan akan disesuaikan untuk mengumpul pandangan dan pengalaman para pegawai berkenaan yang berkaitan dengan alam sekitar di negeri Perak, terutamanya yang berkaitan dengan campur tangan politik dan isu rasuah dalam pengurusan alam sekitar. Teknik ini juga membantu mengumpul pandangan yang pelbagai dalam kalangan pegawai yang mungkin menghadapi cabaran unik di lapangan dan memberikan perspektif yang berbeza mengenai permasalahan ini.

Oleh kerana kajian ini bersifat kualitatif, proses temu bual yang mendalam dengan responden adalah penting untuk mendapatkan data yang mendalam dan berwawasan. Kajian ini memfokuskan kepada pegawai yang bekerja dalam sektor perhutanan dan

pencegahan rasuah, terutama yang berpusat di negeri Perak. Pemilihan responden yang tepat adalah amat penting, kerana responden yang dipilih merupakan unit analisis utama bagi kajian ini. Pemilihan pegawai yang terlibat secara langsung dalam bidang ini akan memberikan maklum balas yang berkualiti dan tepat, seterusnya menyumbang kepada ketepatan dan kesahihan keputusan kajian. Hasil maklum balas ini dijangka memberikan pandangan yang mendalam tentang isu-isu alam sekitar yang berkaitan dengan campur tangan politik serta faktor-faktor yang menyumbang kepada permasalahan tersebut, sekali gus menyokong pencapaian objektif kajian yang ingin memahami kesan campur tangan politik terhadap kelestarian alam sekitar.

3.4 Metodologi Penyelidikan

Metodologi penyelidikan merujuk kepada proses sistematik yang digunakan oleh pengkaji dalam menjalankan penyelidikan untuk mengumpul dan menganalisis maklumat yang berkaitan dengan soalan kajian. Menurut Walliman (2011), kaedah penyelidikan merujuk kepada rangkaian alat dan teknik yang digunakan dalam pelbagai jenis penyelidikan untuk menjalankan analisis yang berstruktur dan menyeluruh. Pemilihan metodologi yang tepat amat penting, kerana ia menentukan kesesuaian kaedah yang akan digunakan bagi mencapai matlamat kajian secara menyeluruh. Dalam kajian ini, komponen metodologi akan dipecahkan kepada dua kategori utama, iaitu pengumpulan data dan analisis data, bagi memastikan setiap langkah kajian dilaksanakan secara terperinci dan sesuai dengan objektif penyelidikan yang telah ditetapkan.

Dari sudut pemilihan sampel, kajian ini akan menggunakan kaedah persampelan bertujuan (purposive sampling), yang dipilih khusus untuk memastikan individu yang mempunyai kaitan langsung dengan isu yang dikaji dapat disertakan dalam kajian ini. Persampelan bertujuan adalah kaedah yang memilih responden berdasarkan kriteria yang sesuai dengan keperluan kajian, membolehkan pengkaji untuk fokus kepada kumpulan yang diyakini dapat memberikan pandangan yang bermakna dan relevan. Dalam konteks kajian ini, sampel akan terdiri daripada individu-individu yang bekerja di Suruhanjaya Pencegah Rasuah negeri Perak, yang dianggap paling berkecukupan untuk memberikan maklum balas yang mendalam mengenai isu-isu yang berkaitan dengan campur tangan politik dan rasuah dalam pengurusan alam sekitar. Pemilihan subjek yang memiliki pengetahuan dan pengalaman dalam isu ini akan memastikan data yang diperoleh lebih tepat dan relevan dengan persoalan kajian yang dikemukakan.

Tambahan pula, dalam usaha memastikan kajian ini dapat mengumpulkan maklumat yang lengkap dan komprehensif, pengkaji juga akan mengumpulkan dokumen dan laporan berkaitan permasalahan tanah. Dokumen ini termasuk laporan rasmi dan kes-kes yang melibatkan isu-isu tanah serta permasalahan yang timbul akibat campur tangan politik atau tindakan rasuah yang telah dilaporkan. Dokumen sokongan ini akan memainkan peranan penting dalam proses analisis data, kerana ia dapat memberikan maklumat tambahan yang akan memperkuat dan menyokong hasil dapatan daripada temu bual. Dengan meneliti laporan-laporan ini, pengkaji dapat mengesahkan kesahihan data yang diperoleh dan mengenal pasti trend atau pola dalam isu alam sekitar yang berkaitan dengan rasuah dan politik di kawasan kajian.

Kaedah pengumpulan data dalam kajian ini akan melibatkan kaedah kualitatif, di mana temu bual mendalam akan dijalankan untuk mendapatkan pemahaman yang lebih jelas tentang perspektif dan pengalaman individu yang terlibat secara langsung dalam isu yang dikaji. Temu bual akan dirancang secara sistematik, dengan soalan yang disusun untuk memperoleh maklum balas yang mendalam dan reflektif daripada peserta. Bagi responden yang tidak dapat hadir secara fizikal, pengkaji akan mempertimbangkan untuk menjalankan temu bual melalui telefon atau e-mel bagi memastikan semua responden yang berpotensi dapat memberikan pandangan mereka.

Secara keseluruhan, pendekatan metodologi yang dirancang dalam kajian ini bertujuan untuk memastikan bahawa data yang diperoleh adalah lengkap, tepat, dan relevan untuk menjawab persoalan kajian. Dengan penggunaan purposive sampling yang terfokus dan analisis yang terperinci, kajian ini akan dapat memberikan pandangan yang bernilai dan menyeluruh mengenai kesan campur tangan politik dan rasuah dalam pengurusan alam sekitar di negeri Perak, sekaligus menyumbang kepada literatur sedia ada dalam bidang ini.

3.4.1 Kaedah Pengumpulan Data

Dalam kajian ini, pengumpulan data dijalankan menggunakan kaedah temu bual yang dianggap sebagai salah satu kaedah paling efektif untuk mendapatkan maklumat mendalam yang relevan dengan objektif kajian. Temu bual membolehkan pengkaji mengumpulkan data yang bersifat deskriptif dan reflektif, yang penting dalam memahami pandangan dan pengalaman subjektif responden. Dengan berinteraksi secara langsung, pengkaji dapat menggali maklumat yang tidak mungkin diperoleh melalui kaedah lain, seperti soal selidik atau pemerhatian semata-mata. Kaedah ini

memberikan peluang untuk menyelidiki pemikiran dan perasaan responden yang berkaitan dengan isu utama kajian, termasuk bagaimana faktor-faktor seperti campur tangan politik dan isu rasuah mempengaruhi alam sekitar.

Pendekatan kajian kualitatif ini dipilih kerana ia sesuai untuk tujuan kajian yang menekankan pemahaman mendalam tentang fenomena yang dikaji, terutamanya dalam konteks sosial dan politik. Dalam konteks kajian alam sekitar dan rasuah, pendekatan kualitatif adalah lebih sesuai kerana ia membolehkan pengkaji menganalisis isu secara holistik, mengambil kira persepsi, nilai, dan kepercayaan responden terhadap faktor yang mempengaruhi keputusan dan tindakan mereka. Kajian kualitatif juga menyediakan ruang yang lebih fleksibel, di mana pengkaji boleh menyesuaikan soalan dan pendekatan temu bual berdasarkan respons yang diberikan oleh responden, sekali gus menghasilkan data yang lebih kaya dan berwibawa.

Selain itu, kaedah temu bual ini membolehkan pengkaji mendapatkan data secara langsung daripada individu-individu yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan khusus dalam isu yang dikaji, contohnya, pegawai di Suruhanjaya Pencegah Rasuah atau jabatan-jabatan berkaitan di negeri Perak. Data yang diperoleh daripada sumber ini dapat membantu pengkaji memahami cabaran dan kekangan sebenar yang dihadapi oleh pihak yang terlibat dalam pengurusan alam sekitar, terutamanya apabila berhadapan dengan campur tangan politik dan amalan rasuah. Melalui sesi temu bual ini, pengkaji bukan sahaja memperoleh data deskriptif tetapi juga maklumat kontekstual yang membolehkan analisis isu dari pelbagai sudut pandangan.

Walaupun temu bual merupakan kaedah yang utama, pengkaji juga akan melengkapkan analisis dengan menggunakan dokumen sokongan seperti laporan rasmi dan kes-kes yang melibatkan isu alam sekitar. Ini termasuk dokumen yang mendokumentasikan isu permasalahan tanah, rekod campur tangan politik dalam kelulusan projek pembangunan, serta rekod kesalahan rasuah berkaitan alam sekitar. Penggunaan dokumen ini akan memberikan konteks tambahan dan meningkatkan ketepatan serta kebolehpercayaan data yang diperolehi daripada temu bual.

Secara keseluruhannya, pendekatan kajian kualitatif melalui temu bual ini memberikan kaedah yang menyeluruh dan komprehensif dalam pengumpulan data. Ia bukan sahaja membolehkan pengkaji memahami isu yang dikaji dengan lebih mendalam tetapi juga membolehkan pengkaji untuk mengenal pasti aspek-aspek tersirat yang mungkin tidak dapat dilihat melalui kaedah kuantitatif atau pengumpulan data sekunder semata-mata. Dengan menggabungkan data dari temu bual dan dokumen sokongan, kajian ini diharapkan dapat menyumbang secara signifikan kepada literatur dan memberikan penemuan yang bermakna dalam memahami kesan politik dan rasuah terhadap pengurusan alam sekitar.

3.4.2 Temuduga

Kajian lapangan menggunakan kaedah kajian kes, temu bual, dan pemerhatian merupakan pendekatan yang berkesan dalam mendapatkan data yang relevan bagi menjawab persoalan penyelidikan yang ada (Walliman, 2011). Dalam kajian ini, kaedah temu bual dipilih sebagai pendekatan utama untuk mengumpul data langsung dari responden yang memiliki pengalaman dan maklumat penting berkaitan dengan

isu yang dikaji. Peserta untuk temu bual ini dipilih secara teliti oleh pengkaji bagi memastikan kesesuaian mereka dengan objektif kajian. Dalam konteks ini, Hackett (2003) menegaskan bahawa pemilihan responden secara berstruktur dan sistematik dapat menghasilkan maklumat yang lebih tepat dan relevan, membantu penyelidik mengarahkan fokus temu bual ke arah prosedur dan pendekatan yang relevan dengan isu kajian.

Temu bual merupakan salah satu kaedah yang efektif untuk memperoleh data primer, iaitu maklumat asli yang dikumpul secara langsung sepanjang proses penyelidikan. Data primer ini memberikan pandangan yang segar dan terkini, diperoleh melalui pengalaman langsung responden. Dalam kajian ini, pengumpulan data primer dijalankan melalui temu bual berstruktur, di mana soalan-soalan disediakan secara khusus mengikut objektif kajian. Temu bual berstruktur memastikan bahawa setiap responden menjawab soalan yang sama dalam susunan yang konsisten, membolehkan pengkaji membuat perbandingan dan analisis yang lebih terperinci berdasarkan jawapan yang diterima. Kaedah berstruktur ini juga memastikan bahawa data yang diperoleh bersifat objektif dan langsung merujuk kepada matlamat kajian, membantu dalam memperoleh penemuan yang tepat dan relevan.

Soalan temu bual telah dirancang dengan teliti dan ditulis dengan bahasa yang mudah difahami, iaitu dalam Bahasa Inggeris, untuk kemudahan dokumentasi dan keselarasan. Namun, dalam pelaksanaannya, sesi temu bual akan dikendalikan dalam bahasa ibunda peserta, iaitu Bahasa Melayu, bagi memastikan pemahaman yang jelas dan memberikan keselesaan kepada peserta. Mengendalikan temu bual dalam bahasa ibunda peserta juga meningkatkan ketepatan respons, membolehkan responden memberi jawapan yang lebih mendalam dan menyeluruh. Pendekatan ini adalah

penting dalam kajian kualitatif kerana ia bukan sahaja membolehkan pengkaji mendapatkan data yang kaya dengan maklumat kontekstual tetapi juga membantu dalam meningkatkan ketepatan dan kebolehpercayaan data yang dikumpul.

Dengan kaedah ini, kajian ini diharapkan dapat menghasilkan penemuan yang lebih mendalam dan komprehensif mengenai isu kajian. Data yang diperoleh melalui kaedah temu bual berstruktur dan dalam bahasa yang difahami oleh responden dapat dianalisis secara terperinci, membolehkan pengkaji mencapai kesimpulan yang lebih tepat dan sesuai dengan objektif kajian yang ditetapkan.

3.5 Analisis Data

Dalam menjalankan analisis data kualitatif menggunakan Atlas.ti, terdapat beberapa langkah sistematik yang penting untuk mengatur, mengekod, dan mentafsir data secara efektif. Proses ini memudahkan pengenalanpastian tema utama dan pola berkaitan dengan soalan kajian.

Langkah awal melibatkan pengimportan data ke dalam Atlas.ti. Semua dokumen relevan, seperti transkrip temu bual atau nota pemerhatian, dimuat naik sebagai dokumen primer. Setiap dokumen diberi label dengan jelas untuk membezakan sumber, yang membantu penyelidik mengenal pasti dan menjejak respons dengan mudah.

Seterusnya, penyelidik memulakan proses pengekodan, yang merupakan tahap penting dalam analisis kualitatif. Pengekodan melibatkan pemberian label atau "kod" kepada bahagian teks tertentu yang berkaitan dengan konsep atau tema yang muncul daripada

data. Kod mungkin telah ditentukan berdasarkan objektif kajian atau dicipta secara induktif apabila pola atau idea baharu muncul dalam data. Proses ini membolehkan penyelidik mengelompokkan idea serupa, memudahkan pengenalan tema menyeluruh. Apabila pengkodan awal selesai, kod-kod ini dikategorikan lagi kepada tema-tema yang lebih luas bagi memudahkan pemahaman data dalam kaitannya dengan objektif kajian. Pengelompokan ini membantu menyederhanakan data kepada tema utama yang relevan dengan soalan kajian.

Atlas.ti juga menyediakan ciri analisis rangkaian, di mana penyelidik boleh memvisualisasikan hubungan antara pelbagai kod dan tema. Ini membantu untuk memahami bagaimana konsep tertentu saling berkaitan. Diagram rangkaian memberikan peta visual yang menunjukkan bagaimana tema-tema tersebut memberi kesan antara satu sama lain.

Satu lagi bahagian penting dalam proses analisis ialah penulisan memo. Memo membolehkan penyelidik mencatatkan pandangan, refleksi, atau pemikiran tambahan mengenai tema-tema yang muncul sepanjang analisis. Ini berguna untuk merakam interpretasi atau nota konteks yang mungkin tidak serta-merta kelihatan dalam data tetapi penting untuk pemahaman yang mendalam.

Akhirnya, penjanaan laporan dalam Atlas.ti menggabungkan semua data yang telah dikodkan, memo, dan diagram rangkaian ke dalam satu dokumen komprehensif. Laporan ini memudahkan komunikasi hasil analisis dengan jelas, membolehkan penyelidik membentangkan penemuan berdasarkan bukti yang diperolehi.

Secara keseluruhan, Atlas.ti menyediakan kerangka kerja yang terstruktur untuk menganalisis data kualitatif melalui pengkodan sistematik, pengkategorian, dan analisis rangkaian. Pendekatan ini membantu penyelidik mengembangkan pemahaman yang mendalam tentang data yang kompleks dan mengekstrak wawasan yang bermakna selaras dengan objektif kajian.

3.6 Carta Aliran Kajian

Bagi memastikan proses penyelidikan berjalan secara sistematik dan telus, satu rajah aliran (flowchart) metodologi telah dibangunkan untuk menggambarkan keseluruhan perjalanan kajian kualitatif ini. Flowchart ini menyusun langkah-langkah utama secara kronologi, bermula dari peringkat reka bentuk kajian sehinggalah ke penulisan dapatan dan perbincangan. Langkah-langkah tersebut disusun berdasarkan pendekatan penyelidikan kualitatif yang mengutamakan pemahaman mendalam terhadap fenomena, khususnya berkenaan isu rasuah politik dan tadbir urus alam sekitar di Negeri Perak.

Flowchart ini tidak hanya bertindak sebagai panduan pelaksanaan, tetapi juga membantu memastikan integriti metodologi melalui kejelasan peranan setiap fasa. Ia menunjukkan bagaimana pengumpulan data dilakukan melalui temu bual separuh berstruktur dan sokongan dokumen, diikuti dengan proses transkripsi, penskodan, dan pembinaan tema melalui perisian ATLAS.ti. Setiap langkah dalam rajah ini dikaitkan secara langsung dengan objektif kajian dan kerangka teori yang digunakan, iaitu Teori Institusi.



Rajah 3.1 Carta Aliran Kajian

a) Reka Bentuk Kajian Kualitatif

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif kerana ia bertujuan meneroka fenomena kompleks yang melibatkan rasuah politik dan tadbir urus institusi dalam pengurusan alam sekitar, khususnya di Negeri Perak. Pendekatan ini membolehkan penyelidik memahami secara mendalam pengalaman, pandangan dan makna yang dikonstruksi oleh aktor-aktor institusi serta komuniti yang terlibat secara langsung. Reka bentuk yang digunakan ialah kajian kes intrinsik, di mana kajian difokuskan kepada konteks tertentu yang mempunyai nilai signifikan dalam memahami isu sistemik dan budaya organisasi berkaitan alam sekitar. Kajian kes ini memberi ruang kepada penyelidik

untuk mengkaji pelbagai sumber data dan menggali proses institusi secara berlapis dan reflektif.

Kajian ini dipandu oleh Teori Institusi yang menjelaskan bagaimana struktur formal dan tidak formal dalam sesebuah organisasi membentuk dan mengawal tingkah laku. Melalui kerangka teori ini, kajian dapat menganalisis elemen seperti kelembapan institusi (institutional inertia), isomorfisme, dan norma tidak rasmi yang mendasari amalan rasuah dalam pengurusan sumber asli. Teori ini sangat sesuai digunakan dalam kajian ini kerana ia mengiktiraf bahawa fenomena sosial tidak berlaku dalam vakum, sebaliknya dipengaruhi oleh struktur dan tekanan sistemik yang sukar dilihat melalui pendekatan kuantitatif.

b) Pemilihan Lokasi dan Peserta (Purposive Sampling)

Pemilihan lokasi dan peserta dilakukan secara purposif berdasarkan kriteria yang telah ditentukan lebih awal dan sejajar dengan objektif kajian. Lokasi seperti Hutan Simpan Kenderong dan Sungai Siput di Perak dikenal pasti sebagai tapak kajian utama kerana kedua-duanya merupakan kawasan yang terlibat dengan kontroversi alam sekitar termasuk pembalakan haram, perlombongan tidak terkawal, dan konflik dengan komuniti tempatan seperti masyarakat Orang Asli. Lokasi ini dipilih kerana mempunyai nilai kes yang tinggi untuk meneroka dinamik kuasa dan kelemahan penguatkuasaan dalam institusi berkaitan.

Peserta pula terdiri daripada pelbagai pihak berkepentingan termasuk pegawai agensi kerajaan (contohnya Jabatan Perhutanan, Jabatan Alam Sekitar, JAKOA), aktivis alam sekitar, wakil pertubuhan masyarakat sivil (NGO), dan wakil komuniti tempatan yang terkesan. Purposive sampling digunakan kerana kajian ini memerlukan input daripada individu yang benar-benar mempunyai pengetahuan, pengalaman atau penglibatan langsung dalam isu yang dikaji. Pengkaji juga akan mengambil kira aspek kepelbagaian latar belakang peserta untuk memperoleh pandangan yang menyeluruh dan seimbang.

c) Pembangunan Instrumen (Temu Bual Separuh Berstruktur)

Instrumen utama dalam kajian ini ialah panduan temu bual separuh berstruktur yang dibina berdasarkan objektif kajian dan kerangka teori. Soalan dalam temu bual dirancang untuk merangkumi aspek-aspek penting seperti pengalaman peserta dalam proses pentadbiran dan penguatkuasaan, bentuk tekanan politik atau gangguan luaran yang mereka alami, serta perspektif mereka terhadap isu rasuah dan integriti dalam institusi berkaitan alam sekitar. Soalan berbentuk terbuka bagi memberi ruang kepada peserta untuk meluahkan pandangan mereka secara bebas dan menyeluruh.

Reka bentuk soalan dalam temu bual ini tidak terlalu kaku, sebaliknya bersifat fleksibel untuk membolehkan pengkaji meneroka isu baharu yang mungkin timbul sepanjang sesi temu bual. Pendekatan ini membolehkan pengkaji bukan sahaja mendapatkan data deskriptif, tetapi juga data reflektif yang merangkumi justifikasi tindakan, dilema etika, dan strategi yang digunakan oleh pelaku dalam menghadapi tekanan institusi. Panduan temu bual juga diuji melalui perbincangan awal dengan pakar dan diperhalusi sebelum pelaksanaan di lapangan.

d) Pengumpulan Data (Temu Bual dan Dokumen Sokongan)

Data dikumpulkan melalui dua kaedah utama: temu bual separuh berstruktur dan analisis dokumen. Temu bual dilaksanakan sama ada secara bersemuka atau dalam talian bergantung kepada lokasi dan ketersediaan peserta. Semua sesi temu bual dirakam dengan izin peserta dan disertakan dengan nota lapangan untuk merekod pemerhatian bukan verbal dan konteks perbualan. Tempoh setiap temu bual dianggarkan antara 45 minit hingga satu jam, bergantung kepada tahap keterbukaan dan kedalaman maklumat yang diberikan.

Selain temu bual, pengkaji turut mengumpulkan dokumen-dokumen sokongan seperti laporan rasmi kerajaan, kenyataan media, audit dalaman, laporan NGO dan kertas dasar berkaitan alam sekitar dan pembangunan tanah. Dokumen ini digunakan untuk tujuan triangulasi serta memberikan kerangka dasar dan bukti perundangan yang menyokong analisis dapatan lapangan. Pemilihan dokumen dibuat secara selektif berdasarkan kesesuaian dan kaitannya dengan lokasi serta isu yang dibincangkan oleh peserta.

e) Transkripsi Temu Bual dan Pengurusan Data

Selepas proses pengumpulan data, semua rakaman temu bual ditranskripsikan secara verbatim bagi memastikan ketepatan dan kesahihan data. Transkripsi dilakukan sebaik sahaja sesi temu bual selesai, bagi mengekalkan ingatan terhadap konteks dan nada perbualan peserta. Transkrip disediakan dalam format Microsoft Word (.docx) dan dinamakan secara sistematik berdasarkan kod peserta dan lokasi bagi memudahkan rujukan serta pemantauan data. Selain transkrip, nota lapangan dan memo analitik turut

direkodkan bagi menangkap refleksi awal, konteks sosial dan dinamika kuasa yang berlaku semasa sesi berlangsung.

Pengurusan data dilakukan dengan mematuhi etika penyelidikan dan keselamatan maklumat. Setiap dokumen transkripsi, memo dan dokumen sokongan disimpan dalam folder tersusun dan dilindungi dengan kata laluan bagi menjamin kerahsiaan peserta. Metadata seperti tarikh, lokasi, dan maklumat demografi asas juga dikodkan untuk tujuan pengelompokan semasa proses analisis tematik. Pengurusan data yang sistematik ini amat penting dalam kajian kualitatif untuk menjamin jejak audit yang jelas dan membolehkan proses analisis dilakukan secara konsisten dan telus.

f) Import Data ke ATLAS.ti

Langkah seterusnya ialah pemindahan semua transkrip dan dokumen sokongan ke dalam perisian ATLAS.ti bagi memulakan proses analisis data kualitatif. ATLAS.ti merupakan perisian analisis kualitatif yang membolehkan penyelidik menguruskan, menganalisis dan memvisualkan data teks dengan lebih sistematik. Data diimport dalam format .docx atau .txt dan dikategorikan dalam 'Document Manager' dengan label berdasarkan lokasi, kumpulan peserta dan jenis dokumen. Ini membolehkan pengkaji mengakses dan mengaitkan dokumen dengan lebih mudah sepanjang proses penskodan.

Kelebihan penggunaan ATLAS.ti dalam kajian ini ialah keupayaannya untuk mengintegrasikan pelbagai jenis data (temu bual, dokumen, memo) dan menjejaki hubungan antara kod dan tema yang muncul. Fungsi seperti 'Quotation Manager' dan 'Memo Explorer' membolehkan pengkaji menanda petikan penting, merekod refleksi,

dan mencipta rangkaian logik yang menggambarkan struktur institusi, tekanan politik dan konflik dalaman yang dikenalpasti melalui data lapangan.

g) Penskodan Awal (Open Coding)

Fasa ini merupakan langkah awal dalam proses analisis tematik di mana pengkaji meneliti transkrip dan mengekstrak unit makna berdasarkan isi kandungan yang timbul daripada data. Proses ini dikenali sebagai open coding, di mana pengkaji mengenalpasti konsep dan isu utama secara terbuka tanpa membatasi diri kepada teori atau struktur pra-tentukan. Kod awal yang muncul termasuk frasa seperti “tekanan politik”, “kelulusan tanpa semakan”, “penguatkuasaan tidak konsisten”, dan “toleransi terhadap salah guna kuasa”. Kod ini ditandakan pada bahagian petikan data yang relevan menggunakan fungsi ‘Coding’ dalam ATLAS.ti.

Penskodan awal ini bersifat induktif dan dijalankan secara menyeluruh merentasi semua transkrip bagi membina keseragaman dalam tafsiran. Pengkaji turut merekodkan definisi setiap kod dalam ‘Codebook’ untuk memastikan konsistensi makna semasa proses analisis dijalankan. Proses ini penting bagi membina asas kepada pembentukan tema yang lebih tinggi dan memperlihatkan sejauh mana isu rasuah dan kelemahan institusi membentuk pola tindakan dalam pengurusan alam sekitar.

h) Pembangunan Tema (Axial dan Selective Coding)

Selepas open coding selesai, kod-kod yang berkait rapat dikelompokkan untuk membentuk kategori yang lebih tinggi melalui axial coding. Contohnya, kod “pengaruh politik luar”, “campur tangan ahli politik”, dan “keputusan berpaksikan patron” digabungkan di bawah kategori besar seperti “tekanan politik sistemik”.

Kaedah ini membolehkan pengkaji mengenalpasti struktur hubungan antara kod dan bagaimana ia membentuk sistem kuasa dalam institusi alam sekitar.

Seterusnya, selective coding digunakan untuk mengenalpasti tema-tema utama yang secara langsung berkait dengan objektif kajian dan kerangka teori. Antara tema utama yang dikenal pasti ialah “struktur institusi yang membolehkan rasuah”, “mekanisme formal dan tidak formal kelulusan projek”, dan “penormalan kelemahan tadbir urus”. Hubungan antara tema ini divisualkan menggunakan fungsi ‘Network View’ dalam ATLAS.ti untuk membantu pengkaji membina naratif analitik yang lebih mantap dan tersusun.

i) Analisis dan Interpretasi (Berdasarkan Teori Institusi)

Analisis akhir melibatkan pembacaan semula tema-tema utama dalam konteks kerangka Teori Institusi yang telah dipilih. Teori ini menyediakan lensa untuk menilai bagaimana tekanan institusi, norma tidak rasmi, dan logik kesesuaian mempengaruhi keputusan dan tingkah laku pelaku institusi. Misalnya, tema seperti “logik kepatuhan kepada kuasa politik” atau “penguatkuasaan selektif” dijelaskan melalui konsep seperti isomorfisme koersif dan kelembapan institusi (institutional inertia). Interpretasi data tidak hanya tertumpu kepada penerangan literal, tetapi juga meneliti simbolisme, naratif, dan justifikasi tindakan yang diberikan oleh peserta. Dengan menggunakan ATLAS.ti, pengkaji boleh menelusuri semula petikan data yang menyokong interpretasi tersebut dan mengaitkannya dengan literatur terdahulu. Ini membolehkan pembinaan hujah yang kukuh berasaskan data dan teori, serta menyumbang kepada penemuan baru dalam bidang tadbir urus alam sekitar dan kajian rasuah politik.

j) Semakan Kesahan (Member Checking dan Triangulasi)

Bagi meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan kajian, dua teknik utama digunakan: member checking dan triangulasi. Member checking dilakukan dengan mengemukakan ringkasan awal dapatan kepada beberapa peserta untuk mendapatkan maklum balas terhadap ketepatan tafsiran dan kesesuaian konteks. Ini penting bagi memastikan suara peserta tidak disalah tafsir dan kekal autentik.

Triangulasi pula dijalankan dengan membandingkan maklumat yang diperoleh daripada temu bual dengan dokumen rasmi, laporan NGO, dan pemerhatian lapangan. Sebarang ketidakkonsistenan diteliti semula dengan berhati-hati untuk membina naratif yang seimbang dan mencerminkan realiti sebenar. Proses ini meningkatkan kesahan dalaman kajian dan mengurangkan bias penyelidik dalam menafsir maklumat.

k) Penulisan Dapatan dan Perbincangan

Fasa akhir kajian ini melibatkan penulisan dapatan berdasarkan tema utama yang telah dikenalpasti dan dianalisis. Setiap tema disokong oleh petikan temu bual sebenar dan dibandingkan dengan kajian lepas serta teori yang digunakan. Penulisan dapatan diolah secara naratif bagi memudahkan pembaca memahami hubungan antara pengalaman peserta, struktur institusi, dan kesan terhadap alam sekitar. Perbincangan memfokuskan kepada implikasi dapatan terhadap dasar, amalan institusi dan reformasi pentadbiran. Kajian ini mencadangkan pembaharuan dari aspek struktur organisasi, proses pemantauan, dan penglibatan masyarakat dalam membuat keputusan berkaitan kelulusan projek alam sekitar. Penekanan diberikan kepada pendekatan berasaskan bukti dan pengalaman lapangan yang boleh membantu membentuk sistem pentadbiran yang lebih telus, adil dan lestari.

3.7 Kesimpulan

Bab ini dimulakan dengan pengenalan yang menyediakan gambaran umum tentang objektif kajian dan kaedah yang akan digunakan. Seterusnya, ia menerangkan reka bentuk penyelidikan yang menjadi asas kepada pendekatan kajian ini, merangkumi strategi-strategi yang dipilih untuk mendapatkan data yang relevan.

Selepas itu, populasi dan sampel kajian dijelaskan dengan lebih mendalam. Kajian ini memberi tumpuan kepada sekumpulan individu yang telah dipilih secara teliti bagi memastikan data yang diperoleh tepat dan relevan dengan tujuan kajian. Kaedah penyelidikan lapangan digunakan bagi mendapatkan data yang diperlukan, di mana kaedah kualitatif dipilih untuk membolehkan pengumpulan data yang mendalam dan komprehensif melalui sesi temu bual dengan peserta yang terlibat.

Setelah data dikumpul, proses analisis data dijalankan dengan teliti. Data yang diperoleh disusun, dianalisis, dan dibahaskan untuk memahami corak dan tema utama yang muncul dalam konteks kajian. Hasil analisis ini kemudian dipaparkan dalam bentuk yang jelas untuk menjawab persoalan kajian serta mencapai objektif yang telah ditetapkan. Bab ini bertujuan memberikan pemahaman lengkap tentang pendekatan penyelidikan yang digunakan, dari pemilihan populasi hingga kepada analisis dan interpretasi data, serta menyediakan asas untuk memahami penemuan kajian dalam bab-bab seterusnya.

BAB EMPAT

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bahagian ini membentangkan hasil dapatan kajian kualitatif yang diperoleh melalui analisis data temu bual mendalam melibatkan sepuluh orang responden, kesemuanya merupakan pegawai daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) cawangan Perak. Pemilihan responden dibuat secara bertujuan (purposive sampling) berdasarkan pengalaman kerja, penglibatan langsung dalam isu tadbir urus, serta keterdedahan mereka terhadap kes-kes berkaitan integriti, rasuah, dan pelaksanaan dasar berkaitan alam sekitar di peringkat negeri. Pendekatan ini membolehkan kajian memperoleh pandangan yang kaya dan autentik daripada individu yang berperanan langsung dalam struktur institusi yang dikaji.

Setiap sesi temu bual dilaksanakan secara berasingan bagi memastikan kerahsiaan dan kebebasan responden untuk berkongsi pengalaman serta pandangan mereka. Sesi temu bual direkodkan dalam bentuk audio, dengan durasi antara 21 minit hingga 29 minit, seperti ditunjukkan dalam Jadual 4.1. Perbezaan durasi ini menunjukkan variasi dalam dinamika perbualan, tahap keterbukaan responden, serta sejauh mana mereka menghuraikan pengalaman mereka terhadap topik yang dibincangkan. Selepas sesi selesai, rakaman audio ditranskripsikan secara verbatim ke dalam bentuk teks fonetik, bagi memudahkan proses pengekodan dan analisis kandungan secara sistematik.

Data temu bual yang telah ditranskripsikan dianalisis menggunakan perisian *Atlas.ti*, iaitu salah satu alat perisian analisis data kualitatif yang digunakan secara meluas dalam penyelidikan sosial (Frieze, 2019). Perisian ini memudahkan proses pengekodan, pemetaan hubungan antara kod, dan pembinaan rangka tema berdasarkan corak dalam data. Melalui pendekatan analisis bertemakan (*thematic analysis*), penyelidik mengenal pasti dan mengorganisasikan tema dan sub-tema yang muncul, berdasarkan kesesuaian dengan objektif kajian. Analisis ini dijalankan secara iteratif, melibatkan pembacaan berulang terhadap transkrip, pengekodan terbuka, pengelompokan kod, dan akhirnya pembentukan tema yang mencerminkan makna yang signifikan dalam data.

Jadual 4.1 Maklumat Responden

Responden	Jawatan	Durasi audio
Responden 1	Pegawai SPRM	23:45
Responden 2	Pegawai SPRM	25:56
Responden 3	Pegawai SPRM	22:34
Responden 4	Pegawai SPRM	27:30
Responden 5	Pegawai SPRM	24:43
Responden 6	Pegawai SPRM	25:23
Responden 7	Pegawai SPRM	21:35
Responden 8	Pegawai SPRM	28:44
Responden 9	Pegawai SPRM	25:16
Responden 10	Pegawai SPRM	23:25

Pemilihan *Atlas.ti* dalam kajian ini juga memberi kelebihan dari segi ketelusan dan kebolehesanan jejak analitik (audit trail), yang penting dalam menjamin kebolehpercayaan (credibility) dan kebolehulangan (dependability) dapatan kajian kualitatif (Nowell et al., 2017). Dalam konteks kajian ini, penggunaan *Atlas.ti* bukan sekadar untuk menyusun data, tetapi untuk membina kefahaman yang mendalam terhadap proses, struktur kuasa, dan justifikasi tindakan dalam institusi berkaitan.

Analisis ini membolehkan penyelidik melihat bagaimana naratif yang dikemukakan oleh pegawai SPRM berkait dengan isu-isu seperti tekanan politik, norma institusi, kelembapan birokrasi, dan cabaran dalam penguatkuasaan undang-undang alam sekitar. Lebih penting lagi, analisis ini membantu membongkar bagaimana unsur-unsur tidak formal seperti hubungan patron-klien, budaya diam, dan peminggiran

Gambarajah 4.1 yang memaparkan Awan Perkataan (Word Cloud) merupakan representasi visual terhadap tema-tema utama yang muncul daripada transkrip temu bual bersama 10 orang pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Cawangan Perak. Awan perkataan ini bukan sahaja berfungsi sebagai alat sokongan visual, tetapi juga berperanan penting dalam mengemukakan pola linguistik yang kerap diulang dalam perbincangan, khususnya berkaitan isu rasuah dan pembalakan haram. Dalam konteks analisis kualitatif, teknik ini membantu menyaring maklumat awal sebelum pengkodingan manual atau automatik dilakukan secara menyeluruh menggunakan perisian seperti *Atlas.ti*.

Dapatan visual ini menunjukkan bahawa perkataan seperti "*rasuah*," "*pembalakan*," dan "*undang*" muncul dengan saiz yang lebih besar berbanding perkataan lain, menandakan kekerapan dan keutamaan topik tersebut dalam kalangan responden. Ini menunjukkan bahawa terdapat konsensus umum dalam kalangan responden terhadap keterkaitan langsung antara rasuah dan aktiviti pembalakan di Perak. Perkataan seperti "*kerajaan*," "*politik*," "*pegawai*," "*masyarakat*," "*industri*," dan "*alam sekitar*" juga muncul dengan saiz yang ketara, memberikan gambaran bahawa responden melihat isu ini bukan semata-mata sebagai tindakan individu, tetapi melibatkan dimensi sistemik dan institusi yang lebih luas.

Lebih penting lagi, beberapa istilah seperti "*akauntabiliti*," "*ketelusan*," "*undang-undang*," dan "*tanggungjawab*" menggambarkan harapan normatif terhadap struktur tadbir urus, yang menunjukkan bahawa responden tidak hanya mengulas terhadap gejala rasuah semata-mata, tetapi turut menyentuh soal keperluan reformasi dan kebertanggungjawaban institusi. Sebaliknya, kewujudan perkataan seperti "*liar*,"

"*haram*," "*mengakibatkan*," "*kemiskinan*," dan "*kesan*" memberi bayangan terhadap impak negatif pembalakan tidak terkawal terhadap masyarakat dan alam sekitar.

Dari segi metodologi, penggunaan Word Cloud ini juga selari dengan pendekatan eksploratori dalam analisis kualitatif, di mana ia memberi gambaran awal tentang kod atau tema yang boleh diperluaskan dalam analisis tematik yang lebih mendalam (Braun & Clarke, 2021). Visual ini berupaya mempermudah pengkaji dalam mengorganisasikan data dan mengenal pasti domain tematik yang perlu diberi tumpuan, misalnya hubungan antara *rasuah institusi* dengan *kelemahan penguatkuasaan undang-undang hutan*, atau bagaimana *pengaruh politik* boleh melemahkan sistem pengawasan alam sekitar.

Secara keseluruhan, Gambarajah 4.1 bukan sahaja memperlihatkan keberulangan istilah tertentu, tetapi turut mencerminkan kompleksiti wacana dan naratif berkaitan rasuah dan pembalakan seperti yang disampaikan oleh responden. Ini sekali gus memperkukuhkan rasional untuk meneruskan analisis mendalam terhadap tema-tema utama yang dikenalpasti, khususnya melalui pendekatan teori institusi dan kontrak sosial dalam menilai hubungan antara struktur institusi, kuasa, dan akauntabiliti dalam tadbir urus alam sekitar di Malaysia.

4.3 Tema-tema dan Sub-sub Tema Kajian

Berdasarkan kepada perbincangan di awal kajian ini, kajian ini membincangkan mengenai rasuah dan pembalakan yang berlaku di negeri Perak dan hasil daripada perbincangan tersebut terdapat tiga tema utama yang membincangkan mengenai rasuah dan pembalakan serta setiap satu daripadanya mempunyai sub-tema yang

berkaitan dengan kajian ini. Oleh hal yang demikian, tema dan sub-tema kajian ini adalah seperti di bawah dalam Jadual 4.2.

Jadual 4.2 Tema dan Sub-sub Tema Analisis Kajian.

Tema	Sub Tema
a) Hubungan antara rasuah dan pembalakan	i. Kefahaman khusus erti rasuah terhadap pembalakan ii. Langkah proaktif pencegahan isu politik rasuah dan pembalakan iii. Faktor dan pengukuran kesan politik rasuah terhadap alam sekitar dan sosial
b) Peranan dalam pencegahan politik rasuah dan pembalakan	i. Kesan pencegahan politik rasuah ii. Peranan sosial dalam pencegahan rasuah dalam politik
c) Langkah proaktif dalam pentadbiran bersih daripada politik rasuah	i. Langkah proaktif pengurangan aktiviti politik rasuah
d) Kesan rasuah terhadap perlindungan habitat semula jadi dan hidupan liar	i. Kesan terhadap pembangaunan ekonomi disebabkan oleh politik rasuah ii. Program dan peranan sosial dalam mendedahkan politik rasuah dalam pembalakan

Kajian kualitatif telah menunjukkan bahawa terdapat hubungan rapat antara politik rasuah dan pembalakan haram. Rasuah dalam politik boleh menyediakan persekitaran yang kondusif untuk aktiviti pembalakan haram berlaku, kerana pegawai rasuah mungkin menerima rasuah atau bentuk ganjaran lain daripada pengusaha pembalakan haram untuk menutup mata terhadap aktiviti mereka. Di samping itu, pegawai rasuah mungkin dengan sengaja melemahkan atau memanipulasi rangka kerja undang-undang dan mekanisme penguatkuasaan untuk memberi manfaat kepada diri mereka

sendiri atau kroni mereka, dengan itu membenarkan pembalakan haram berterusan tanpa kawalan.

Tambahan pula, penyelidikan kualitatif telah menunjukkan bahawa kesan pembalakan haram sering jatuh secara tidak seimbang kepada masyarakat terpinggir, seperti orang asli atau petani berskala kecil, yang bergantung kepada hutan untuk mata pencarian dan amalan budaya mereka. Komuniti ini mungkin menghadapi keganasan, gangguan, atau perpindahan dari tanah mereka akibat aktiviti pembalakan haram, dan mungkin tidak mempunyai sumber atau kuasa politik untuk menentang tekanan ini. Dalam sesetengah kes, ahli politik yang korup mungkin bersubahat dengan pengusaha pembalakan haram untuk mengeksploitasi komuniti yang terdedah ini untuk keuntungan mereka sendiri.

Penyelidikan kualitatif juga telah menekankan kepentingan masyarakat sivil dan gerakan akar umbi dalam menangani politik rasuah dan pembalakan haram. Pergerakan ini boleh memberikan suara kepada masyarakat terpinggir dan menekan kerajaan untuk mengambil tindakan terhadap rasuah dan pembalakan haram. Dalam beberapa kes, pergerakan ini telah berjaya membawa perhatian kepada isu-isu ini pada skala global, yang membawa kepada perjanjian dan inisiatif antarabangsa untuk memerangi pembalakan haram dan menggalakkan pengurusan hutan yang mampan. Secara keseluruhannya, penyelidikan kualitatif mencadangkan bahawa hubungan antara politik rasuah dan pembalakan haram adalah kompleks dan pelbagai rupa, melibatkan dinamik kuasa, kesan sosial dan alam sekitar, dan penentangan politik. Memahami perhubungan ini memerlukan pendekatan bernuansa dan khusus konteks yang mengambil kira pengalaman dan perspektif mereka yang terjejas oleh isu ini.

4.3.1 Tema 1: Hubungan antara rasuah dan pembalakan

Dapatan kajian ini secara konsisten membuktikan kewujudan hubungan yang saling berkait dan kompleks antara rasuah politik dan aktiviti pembalakan haram, khususnya dalam konteks negeri Perak. Hubungan ini tidak bersifat linear atau terpencil, sebaliknya berakar dalam struktur institusi yang memungkinan dan melindungi kegiatan tidak sah melalui normalisasi amalan rasuah dalam kalangan aktor politik dan pentadbiran. Temu bual yang dijalankan terhadap pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mendedahkan bahawa terdapat pengetahuan dalaman dan penerimaan diam-diam terhadap kegiatan pembalakan haram yang disokong oleh campur tangan pihak berkepentingan politik. Hal ini bukan sahaja melibatkan kelulusan projek, tetapi juga dalam bentuk kegagalan sistemik untuk mengambil tindakan penguatkuasaan yang tegas.

Situasi ini secara langsung mencerminkan konsep yang dikemukakan oleh North (1990), iaitu institusi bukan hanya ditentukan oleh peraturan rasmi tetapi turut dipengaruhi oleh peraturan tidak rasmi yang berasaskan norma budaya, kepercayaan dan jaringan kuasa. Dalam kes yang dikaji, kelaziman untuk tunduk kepada kehendak politik telah menjadi norma institusi, di mana pegawai-pegawai awam berada dalam dilema antara integriti profesional dan tekanan kuasa atasan. Ini sekali gus menunjukkan bagaimana rasuah telah diinstitusikan, menjadikan tindakan menyalahi undang-undang sebagai amalan biasa dalam proses pentadbiran harian.

Tambahan pula, hubungan antara struktur kuasa dan kepatuhan institusi terhadap kehendak politik dapat difahami melalui konsep isomorfisme koersif seperti yang diperkenalkan oleh DiMaggio dan Powell (1983). Dalam hal ini, agensi penguat kuasa

dan jabatan kerajaan menyesuaikan tingkah laku mereka bukan berdasarkan keberkesanan undang-undang atau nilai profesional, tetapi untuk menunjukkan kesetiaan terhadap pusat kuasa yang dominan. Dalam beberapa kes, pegawai penguat kuasa menyatakan bahawa walaupun laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) menunjukkan risiko tinggi terhadap biodiversiti dan ekosistem, kelulusan tetap diberikan kerana tekanan daripada pihak berkepentingan. Ini menggambarkan logik kesesuaian (March & Olsen, 2006), di mana tindakan individu dalam organisasi dipandu oleh jangkaan normatif organisasi, bukan oleh rasional undang-undang atau prinsip kelestarian.

Lebih mengukuhkan hujah ini ialah data daripada Global Forest Watch (2024), yang melaporkan kehilangan lebih 8.33 juta hektar kawasan hutan di Malaysia sejak tahun 2001. Negeri Perak, bersama-sama Pahang dan Sarawak, mencatatkan kadar kehilangan tertinggi akibat eksploitasi komersial yang tidak dikawal. Kajian oleh SUHAKAM (2022) turut mengesahkan bahawa banyak kawasan hutan yang diteroka mempunyai konflik hak milik dan tiada konsultasi awam dilakukan, terutamanya melibatkan masyarakat Orang Asli. Ini jelas menunjukkan bahawa rasuah dalam bentuk kelulusan tidak telus dan pemantauan lemah telah menyumbang kepada kerosakan alam sekitar berskala besar.

Selain itu, pencerobohan hutan yang berlaku secara berterusan juga telah menghakik kepercayaan awam terhadap institusi kerajaan. Dalam konteks ini, Teori Kontrak Sosial menjadi relevan apabila kerajaan gagal menunaikan tanggungjawab moralnya untuk melindungi alam sekitar sebagai sebahagian daripada perjanjian tidak bertulis dengan rakyat. Pelanggaran terhadap prinsip ini bukan sahaja membangkitkan

persoalan etika dan legitimasi politik, tetapi juga menimbulkan ketegangan antara komuniti terkesan dan institusi penguat kuasa.

Secara keseluruhan, dapatan ini menegaskan bahawa isu rasuah dan pembalakan haram tidak dapat difahami secara terpisah daripada struktur institusi dan budaya birokrasi yang wujud. Ia menuntut pendekatan reformasi yang melangkaui aspek teknikal seperti pindaan undang-undang atau penambahan kakitangan, sebaliknya memerlukan pembaharuan menyeluruh terhadap budaya organisasi, struktur kuasa, dan sistem akauntabiliti. Kajian ini mencadangkan bahawa usaha membanteras pembalakan haram perlu bermula dengan memperkukuh integriti institusi melalui peningkatan ketelusan, perlindungan pemberi maklumat, serta memperluas ruang untuk partisipasi komuniti dalam pengawasan sumber semula jadi negara.

4.3.2 Sub-Tema 1: Kefahaman khusus erti rasuah terhadap pembalakan

Dapatan daripada sesi temu bual mendalam bersama pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mendedahkan bahawa konsep "politik rasuah" dalam industri pembalakan bukan sekadar berkaitan dengan pemberian dan penerimaan suapan. Ia merangkumi satu set amalan tidak beretika yang telah diinstitusikan dalam struktur pentadbiran—termasuk penyalahgunaan kuasa, manipulasi perundangan, serta penyebaran maklumat dalaman kepada pengusaha pembalakan haram. Ini bertepatan dengan pendekatan Teori Institusi yang mengakui bahawa tingkah laku rasuah bukanlah semata-mata anomali individu, tetapi hasil daripada norma tidak rasmi yang telah bertapak dalam sistem pentadbiran (North, 1990).

Antara bentuk rasuah yang dikenal pasti termasuklah kelulusan lesen pembalakan secara tertutup, pemberian konsesi kepada syarikat kroni tanpa proses semakan alam sekitar yang menyeluruh, serta penggunaan kedudukan politik untuk menghalang siasatan atau penguatkuasaan. Seorang pegawai SPRM menyatakan bahawa tindakan seperti ini menjadi lebih sukar dibanteras kerana ia dilakukan atas nama “keputusan pentadbiran”, sedangkan pada hakikatnya ia mendedahkan budaya “logik kesesuaian” (March & Olsen, 2006), di mana individu dalam institusi bertindak berdasarkan norma lazim yang mengutamakan kelangsungan kuasa dan kepentingan politik;

“Satu bentuk rasuah yang berleluasa melibatkan manipulasi undang-undang dan peraturan oleh pengusaha pembalakan yang tidak bertanggungjawab. Mereka mengeksploitasi kelemahan undang-undang untuk memanfaatkan aktiviti haram mereka, menjejaskan asas industri kita. Tambahan pula, pegawai rasuah bersekongkol dengan pembalak haram ini untuk mengelakkan pengesanan dan pendakwaan. Mereka rela menerima rasuah dan membocorkan maklumat sulit, memastikan operasi haram itu kekal disembunyikan daripada pihak berkuasa.”

Berdasarkan kepada responden kedua dalam kajian ini, beliau menyatakan bahawa;

“Politik rasuah merujuk kepada penggunaan kuasa dan sumber oleh pegawai kerajaan, ahli politik, atau individu lain yang mempunyai jawatan berkuasa untuk keuntungan syarikat atau keuntungan peribadi. Ia berkaitan dengan pembalakan haram di mana individu yang korup dalam kerajaan atau industri pembalakan boleh menyalahgunakan kedudukan mereka untuk mengeksploitasi sumber asli dan terlibat dalam aktiviti pembalakan haram tanpa menghadapi akibat”

Hasil kajian juga mendapati bahawa responden keempat mempunyai penjelasan yang hampir sama dengan responden yang lain iaitu:

“Politik rasuah ialah penyalahgunaan kuasa atau kedudukan oleh pegawai yang dipilih atau dilantik untuk kepentingan peribadi. Dalam konteks industri pembalakan, ia merujuk kepada eksploitasi kuasa politik untuk mempengaruhi atau mengawal peruntukan sumber, kontrak dan peraturan dalam sektor itu, selalunya untuk faedah beberapa individu atau syarikat. Pembalakan haram, sebaliknya, ialah penuaian, pengangkutan, pembelian, atau penjualan kayu yang melanggar undang-undang dan peraturan negara atau antarabangsa. Rasuah politik dalam industri pembalakan sering menyumbang kepada pembalakan haram dengan membenarkan syarikat memintas peraturan dan mengeksploitasi hutan secara haram”

Kefahaman ini menunjukkan bahawa politik rasuah dalam konteks pembalakan bukanlah isu pelanggaran undang-undang secara terbuka semata-mata, tetapi berkait rapat dengan kelemahan institusi dari dalam di mana nilai integriti telah digantikan dengan norma kepatuhan kepada kepentingan elit. Ini membenarkan wujudnya “rasuah sistemik” yang menyulitkan sebarang usaha pembanterasan kecuali reformasi dilakukan pada tahap struktur dan budaya organisasi.

Selain itu, implikasi rasuah ini amat ketara terhadap alam sekitar dan masyarakat. Pegawai SPRM menyatakan bahawa pembalakan haram yang berlaku akibat rasuah menyebabkan kehilangan kawasan tadahan air, degradasi biodiversiti, dan peningkatan risiko bencana seperti banjir lumpur. Dari segi sosial, masyarakat tempatan—terutamanya komuniti Orang Asli—berdepan dengan kehilangan sumber ekonomi, perpindahan paksa, dan pencabulan hak adat. Hal ini menunjukkan bagaimana **isomorfisme koersif** turut melibatkan hubungan tidak seimbang antara kuasa politik, pegawai awam, dan komuniti akar umbi.

Pemetaan kod dan *word cloud* yang dijana melalui ATLAS.ti mengesahkan kekerapan tema seperti “politik”, “kuasa”, “lesen”, dan “bocor maklumat”. Ini menggambarkan naratif dominan dalam kalangan responden berkaitan kefahaman mereka terhadap bagaimana rasuah politik mengakar dalam sistem pembalakan. Lebih penting lagi, beberapa pegawai mencadangkan strategi seperti reformasi dasar kelulusan, perlindungan pembocor maklumat, dan penglibatan masyarakat sebagai pemantau bebas sebagai pendekatan ke hadapan.

Kesimpulannya, kefahaman responden terhadap politik rasuah dalam pembalakan mendedahkan bahawa isu ini perlu difahami bukan hanya dari aspek perundangan, tetapi dari kerangka yang lebih luas melibatkan budaya organisasi, logik kuasa, dan struktur institusi. Ini sejajar dengan kerangka Teori Institusi yang menekankan pentingnya perubahan bukan hanya dari aspek peraturan formal, tetapi juga dari struktur norma tidak rasmi yang selama ini membenarkan rasuah terus hidup dalam sistem.



Gambarajah 4.2: Awan Perkataan (Word Clouds) bagi Sub-tema 1

Gambarajah 4.2 menunjukkan hasil analisis visual awan perkataan yang dijana melalui perisian Atlas.ti. Awan ini dibina berdasarkan kekerapan istilah yang muncul daripada transkripsi penuh sesi temu bual bersama informan utama, khususnya pegawai penguat kuasa dan penyiasat rasuah yang terlibat dalam isu pembalakan haram. Antara perkataan yang paling dominan termasuk "pembalakan", "rasuah", "politik", "haram", "pegawai", dan "undang-undang", yang menggambarkan fokus utama perbincangan dalam kalangan responden terhadap elemen-elemen kritikal berkaitan penyalahgunaan kuasa dalam industri perhutanan.

Kekerapan perkataan seperti “kuasa”, “penyalahgunaan”, “lesen”, “sumber”, dan “penguatkuasaan” turut menandakan bagaimana persepsi responden terhadap rasuah bukan hanya terhad kepada tindakan menerima suapan, tetapi juga melibatkan struktur institusi yang membenarkan manipulasi dan pengecualian daripada tindakan undang-undang. Kecenderungan ini selari dengan prinsip Teori Institusi yang menekankan peranan norma tidak rasmi dalam membentuk kelakuan organisasi (North, 1990) dan logik kesesuaian dalam institusi yang bersifat hierarki (March & Olsen, 2006).

Kewujudan perkataan seperti “kerajaan”, “individu”, “kontrak”, dan “permit” dalam saiz yang ketara juga menunjukkan bahawa responden mengaitkan rasuah politik dalam industri pembalakan dengan proses kelulusan, penyalahgunaan kedudukan, serta kepentingan individu tertentu dalam keputusan strategik. Ini mengesahkan bahawa isu yang dibincangkan bukan sahaja berasaskan tindakan jenayah tetapi telah menjadi sebahagian daripada ekosistem institusi yang berfungsi dalam norma politik tersendiri. Justeru, gambaran daripada awan perkataan ini memberi bukti visual terhadap keberulangan tema rasuah sistemik dalam pentadbiran hutan negeri.

Gambarajah 4.3 yang membentangkan pemetaan kod (coding network) bagi tema “Kefahaman Rasuah” merupakan hasil proses sistematik daripada pendekatan analisis kualitatif berdasarkan tiga tahap kodifikasi utama: *open coding*, *axial coding*, dan *selective coding*, yang dijalankan menggunakan perisian Atlas.ti versi 9. Pemetaan ini bukan sekadar visualisasi hubungan tematik, tetapi turut berfungsi sebagai alat analitikal untuk menjejak bagaimana konsep-konsep utama yang muncul daripada data empirikal—khususnya daripada transkrip temu bual mendalam—berinteraksi secara struktural dan kontekstual. Pemahaman ini amat penting untuk menyokong objektif penyelidikan yang bertujuan menganalisis struktur institusi dan amalan rasuah dalam sektor pembalakan di Perak.

Pemetaan kod mendedahkan sekurang-kurangnya tiga kluster utama yang saling berkait. Kluster pertama, iaitu *Bentuk Rasuah Politik*, memperincikan elemen-elemen seperti penyalahgunaan kuasa, pertukaran faedah antara pemimpin politik dan pengusaha, manipulasi perundangan, serta kebocoran maklumat dalaman. Kod seperti “lesen diluluskan tanpa prosedur” atau “maklumat lokasi balak dibocorkan kepada pihak luar” memberi gambaran bahawa korupsi telah berakar sebagai sebahagian daripada proses pentadbiran yang dianggap biasa, bukan luar biasa. Hal ini konsisten dengan gagasan “institusi sebagai struktur harapan tingkah laku” (Scott, 2014), di mana tingkah laku yang berulang-ulang dalam sistem telah menormalisasikan kelakuan menyimpang sebagai prosedur operasi standard dalam institusi tertentu.

Kluster kedua, *Kesan terhadap Alam Sekitar dan Komuniti*, merangkumi naratif-naratif yang membicarakan tentang akibat pembalakan haram hasil daripada rasuah politik. Antara kesan yang disebut termasuk kehilangan biodiversiti, degradasi hutan

simpan, serta gangguan terhadap sistem sosioekologi komuniti tempatan khususnya masyarakat Orang Asli. Kod seperti “hilang kawasan tadahan air” dan “komuniti dipindahkan” menandakan kesan langsung daripada ketidakcekan institusi akibat amalan rasuah yang sistemik. Perkara ini sejajar dengan dapatan oleh Tacconi et al. (2019) yang menekankan bahawa rasuah dalam sektor hutan memberi kesan berganda—bukan sahaja kepada hasil perhutanan, tetapi juga kepada hak asasi dan kesejahteraan masyarakat peribumi.

Sementara itu, kluster ketiga iaitu *Pihak Berkepentingan dan Mekanisme Institusi* menjelaskan tentang dinamika kuasa antara pelaku institusi, penguat kuasa, dan elit politik. Kod seperti “campur tangan politik dalam siasatan” atau “tiada garis kuasa yang jelas” mencerminkan permasalahan struktur pentadbiran yang kompleks, di mana fungsi penguatkuasaan dibayangi oleh hierarki politik dan kekaburan tanggungjawab. Keadaan ini boleh dijelaskan melalui konsep *institutional ambiguity* (Peters, 2019), iaitu keadaan di mana struktur institusi gagal memberikan hala tuju yang konsisten, lantas mendorong kepada kelangsungan amalan penyimpangan. Pemetaan hubungan kod dalam Gambarajah 4.4 juga memperkukuh andaian tentang kewujudan *institutional inertia*, iaitu rintangan terhadap perubahan institusi walaupun terdapat kesedaran dalaman tentang keperluan kepada reformasi (Mahoney & Thelen, 2015). Keadaan ini menjadikan sebarang usaha untuk membanteras rasuah lebih sukar dilaksanakan, apatah lagi apabila wujud tekanan daripada kuasa politik luaran, seperti yang diterangkan melalui fenomena *coercive isomorphism* (DiMaggio & Powell, 1983). Pegawai yang terlibat dalam proses kelulusan, contohnya, sering berada dalam dilema apabila arahan tidak rasmi daripada pihak berkepentingan bertentangan dengan prosedur undang-undang.

Dalam konteks ini, dapatan melalui pemetaan kod menjadi amat signifikan kerana ia membolehkan penyelidik menjejak punca sistemik yang menghalang keberkesanan penguatkuasaan. Ia bukan sahaja mendedahkan kelemahan dalam mekanisme dalaman organisasi, tetapi turut memberi cadangan konkret untuk reformasi struktur dan budaya institusi. Antara langkah yang dicadangkan termasuklah pemberdayaan unit integriti dalaman, penstrukturan semula garis kuasa dan tanggungjawab, serta pewujudan mekanisme pemantauan bersama yang melibatkan komuniti sivil, badan bebas dan media.

Sebagai kesimpulan, Gambarajah 4.3 bukan sekadar alat visual, tetapi berfungsi sebagai pelantar analitik yang memperkukuh pemahaman penyelidik terhadap bagaimana kefahaman terhadap rasuah terbina secara institusional. Ia membuktikan bahawa dalam konteks pembalakan haram di Perak, masalah rasuah bukan berpunca daripada individu semata-mata, tetapi daripada sistem yang telah menyerap dan membenarkan kelakuan menyimpang melalui struktur norma, kuasa dan kelangsungan institusi. Justeru, reformasi yang bersifat prosedural tidak mencukupi, sebaliknya mesti disokong dengan transformasi budaya organisasi dan penstrukturan semula kuasa dalam institusi pentadbiran alam sekitar.

4.3.3 Sub-Tema 2: Langkah proaktif pencegahan isu politik rasuah dan pembalakan

Kajian ini menggariskan dapatan yang signifikan dan asli berkaitan langkah-langkah pencegahan politik rasuah dalam industri pembalakan, berdasarkan kepada temubual mendalam dengan pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Responden menegaskan bahawa kelemahan struktur undang-undang serta ketiadaan

penguatkuasaan yang konsisten menjadi punca utama kepada berlakunya rasuah yang menyumbang kepada pembalakan haram. Dapatan ini secara langsung menyokong kerangka Teori Institusi yang menegaskan bahawa institusi berfungsi secara berkesan apabila peraturan rasmi dan tidak rasmi saling memperkukuh (North, 1990; Scott, 2008).

Langkah proaktif seperti pengisytiharan harta secara berkala, pemantauan pemberian lesen pembalakan, serta mewajibkan audit bebas terhadap konsesi yang diluluskan dikenal pasti sebagai antara strategi utama yang dicadangkan responden. Keperluan terhadap penglibatan masyarakat sivil dan media sebagai aktor pemantau turut diketengahkan secara konsisten dalam temu bual. Ini memperkukuh unsur 'normatif institusi' dalam teori oleh DiMaggio dan Powell (1983), di mana tekanan sosial dan profesional menjadi pemangkin kepada perubahan struktur dan tingkah laku institusi ke arah yang lebih telus dan bertanggungjawab.

Responden menekankan pentingnya mewujudkan **mekanisme pencegahan struktur**, termasuk penilaian risiko rasuah dalam proses kelulusan projek, pengisytiharan harta secara telus oleh pegawai berkepentingan, serta penyemakan semula dasar pemberian konsesi. Pendekatan ini turut menyorot keperluan kepada penyertaan masyarakat sivil dalam pemantauan, serta peranan media sebagai aktor pengimbang kuasa. Sebagaimana dinyatakan oleh responden ke-7:

“Politik rasuah dalam industri pembalakan boleh dicegah dan dikesan melalui pelbagai langkah, termasuk ketelusan dalam proses kerajaan, pengawasan dan pelaporan awam, undang-undang dan penguatkuasaan anti-rasuah, dan pendakwaan terhadap pegawai rasuah. Di samping itu, organisasi masyarakat sivil dan media boleh memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesedaran tentang rasuah dan menyokong perubahan”

Langkah proaktif lain yang dapat membantu dalam menangani isu politik rasuah dalam sektor pembalakan adalah dengan menggalakkan ketelusan dan akauntabiliti, terutama di kalangan pegawai antirasuah. Pegawai-pegawai ini telah menekankan bahawa ketelusan dan akauntabiliti merupakan aspek kritikal dalam usaha mencegah rasuah dan mempromosikan pengurusan hutan yang mampan. Langkah proaktif ini boleh melibatkan syarat-syarat yang mewajibkan syarikat pembalakan untuk mendedahkan maklumat mengenai operasi dan transaksi kewangan mereka secara terbuka.

Selain itu, mewujudkan mekanisme pengawasan bebas adalah penting untuk memantau pematuhan syarikat terhadap undang-undang dan peraturan sedia ada. Ini bukan sahaja meningkatkan integriti industri pembalakan, tetapi juga mengurangkan peluang bagi pihak yang tidak bertanggungjawab untuk mengeksploitasi kelemahan sistem. Melibatkan diri dengan kumpulan masyarakat sivil dan komuniti tempatan dalam proses pengawasan dan pemantauan juga boleh menyumbang kepada peningkatan ketelusan dan akauntabiliti. Pendekatan yang berpusatkan masyarakat ini bukan sahaja memperkukuhkan mekanisme pemantauan tetapi juga mewujudkan kerjasama yang lebih baik antara pihak berkuasa dan masyarakat untuk memastikan industri pembalakan diuruskan dengan lebih beretika dan mampan.

Menurut responden kelima, responden tersebut mengatakan bahawa;

“...kita boleh memulakan langkah proaktif seperti menghendaki syarikat pembalakan mendedahkan operasi dan transaksi kewangan mereka. Ini akan menyerlahkan aktiviti mereka dan memastikan mereka bertanggungjawab atas tindakan mereka. Satu langkah proaktif yang boleh kita ambil ialah menggalakkan ketelusan dan akauntabiliti di kalangan pegawai kita. Kita mesti menanamkan kefahaman kepada mereka bahawa prinsip-prinsip ini penting dalam memerangi rasuah dengan berkesan...”

Selain itu, pembinaan kesedaran dan peningkatan kapasiti di kalangan pegawai antirasuah adalah aspek penting dalam menangani isu pembalakan haram dan rasuah politik. Pegawai antirasuah menekankan bahawa membina kesedaran di kalangan pihak berkepentingan—termasuk pegawai penguatkuasa, masyarakat sivil, dan komuniti tempatan—dapat memberi kesan positif dalam usaha memerangi pembalakan haram dan rasuah.

Fenomena ini selari dengan dapatan Persson et al. (2013) dan Kaufmann et al. (2011) yang menjelaskan bahawa institusi yang lemah dan korupsi sistemik menghalang pembangunan ekonomi dan pelaburan berkualiti. Dari perspektif **Teori Institusi** (Scott, 2008; North, 1990), norma rasmi seperti undang-undang pelaburan dan peraturan eksport akan gagal berfungsi sekiranya dilemahkan oleh norma tidak rasmi seperti rasuah yang berakar dalam struktur pentadbiran. Dalam konteks ini, norma tidak rasmi menjadi 'institusi sebenar' yang mengawal tingkah laku pelaku ekonomi sekaligus menjejaskan kestabilan sistemik industri.

Berdasarkan kepada responden ke-9, beliau menyatakan bahawa:

“Pemberi maklumat yang mendedahkan amalan rasuah dalam industri pembalakan memainkan peranan penting dalam memastikan pegawai dan syarikat bertanggungjawab, menggalakkan ketelusan dan mendedahkan rasuah”

Dapatan ini menggariskan pentingnya **peranan pemberi maklumat** (whistleblowers) sebagai elemen sokongan kepada institusi formal. Dalam sistem yang lemah, pemberi maklumat bertindak sebagai mekanisme informal yang mencabar amalan penyalahgunaan kuasa. Ini bertepatan dengan pandangan Transparency International (2021) bahawa pelindungan pemberi maklumat merupakan indikator penting kepada keberkesanan institusi antirasuah. Justeru, kewujudan sistem pelaporan yang selamat dan dilindungi secara sah akan memperkukuh kredibiliti dan ketelusan dalam sektor ini.

Di samping itu, dapatan menunjukkan bahawa insentif kepada tingkah laku beretika dan pelaksanaan skim pensijilan pembalakan lestari dapat memacu perubahan budaya dalam industri. Langkah ini bukan sahaja mewujudkan reputasi korporat yang lebih baik, tetapi juga merangsang persaingan sihat dalam kalangan pemain industri. Ini sejajar dengan hasil temu bual responden ke-7 iaitu:

“Program pendidikan boleh membantu mengurangkan rasuah dalam industri pembalakan dengan meningkatkan kesedaran tentang kesan negatif rasuah, menggalakkan tingkah laku beretika, dan membina tadbir urus dan akauntabiliti yang berkesan”

Ini menunjukkan bahawa pendidikan antirasuah adalah satu bentuk pelaburan institusi bukan formal yang berupaya mempengaruhi nilai dan norma sosial dalam organisasi dan masyarakat umum. Menurut Helmke dan Levitsky (2004), apabila norma tidak

rasmi (seperti integriti dan ketelusan) disepadukan secara konsisten melalui pendidikan, ia dapat memperkuat institusi rasmi seperti undang-undang dan peraturan kerajaan.

Dapatan kajian turut mengenal pasti bahawa pengukuhan kapasiti agensi penguatkuasaan undang-undang memainkan peranan yang sangat penting dalam menangani rasuah secara struktural. Penyediaan latihan, sumber kewangan, serta sistem pengawasan bebas menjadi tunjang keberkesanan institusi ini dalam melaksanakan fungsinya. Dalam konteks Teori Institusi, hal ini mencerminkan keperluan untuk menyeimbangkan antara struktur formal (rules and enforcement) dan legitimasi sosial (norms and beliefs) untuk memastikan kelangsungan pembaharuan institusi.

Oleh itu, dapatan menunjukkan bahawa strategi menangani rasuah dalam industri pembalakan perlu bersifat menyeluruh, merangkumi:

- Pelaksanaan undang-undang yang tegas dengan perlindungan terhadap pemberi maklumat,
- Pendidikan berterusan mengenai etika dan integriti dalam kalangan pemimpin dan komuniti industri,
- Pembangunan skim insentif dan pensijilan bagi syarikat beretika,
- Kerjasama rentas sektor dan rentas negara bagi membina ekosistem institusi yang lebih teguh.

Gabungan ini akan menyokong pembentukan institusi yang bukan sahaja sah dari segi undang-undang tetapi juga berfungsi secara berkesan dalam menyokong pembangunan ekonomi yang mampan dan tadbir urus yang berintegriti.




Gambarajah 4.15: Awan Perkataan (Word Clouds) bagi Sub-tema 8

Gambarajah 4.15 memperlihatkan "Awan Perkataan" yang dihasilkan berdasarkan transkrip temu bual, yang berkisar kepada isu-isu utama berkaitan rasuah dalam industri pembalakan. Awan ini berfungsi sebagai visualisasi awal terhadap keutamaan diskursif para responden, yang terdiri daripada pegawai pencegah rasuah. Perkataan-perkataan seperti "*rasuah*," "*pembalakan*," "*industri*," dan "*akauntabiliti*" muncul dengan saiz huruf yang lebih besar, menandakan frekuensi tinggi dalam penggunaan dan penekanan konsep tersebut sepanjang sesi temu bual.

Penemuan ini selaras dengan fokus utama dapatan kajian, di mana pegawai menegaskan bahawa rasuah bukan sekadar isu pentadbiran, tetapi satu sistem norma tidak rasmi yang telah melemahkan institusi perhutanan dan tadbir urus industri secara meluas. Kekerapan munculnya istilah *akauntabiliti* dan *pendidikan* dalam awan perkataan juga menunjukkan adanya kesedaran yang tinggi dalam kalangan responden mengenai keperluan membina budaya integriti yang lebih mantap.

Ini termasuk keperluan kepada pendidikan etika, penguatkuasaan undang-undang secara sistematik, dan usaha membangunkan kapasiti masyarakat untuk menuntut hak mereka secara berkesan. Perkataan "*kesan*," "*alam*," dan "*masyarakat*" pula menunjukkan bahawa impak rasuah dalam industri ini dilihat melangkaui kerugian ekonomi atau pentadbiran semata-mata. Dapatan menunjukkan bahawa kerosakan ekosistem hutan akibat pembalakan haram yang dilindungi oleh rasuah turut membawa implikasi sosial yang besar termasuk kehilangan sumber pendapatan masyarakat tempatan, peminggiran komuniti orang asli, serta hak terhadap tanah adat yang terjejas. Responden berulang kali merujuk kepada bagaimana ketiadaan akauntabiliti telah membenarkan kepentingan politik dan ekonomi individu tertentu untuk mendominasi pengurusan sumber secara tidak adil dan tidak mampan.

Berdasarkan Teori Institusi (Scott, 2008), dapatan ini menunjukkan bahawa kegagalan institusi dalam industri pembalakan berpunca daripada percanggahan antara norma rasmi (seperti peraturan dan akta perhutanan) dan norma tidak rasmi (seperti rasuah, budaya diam, dan kepentingan elit). Awan perkataan ini memperkukuh pemahaman bahawa sistem semasa gagal menyepadukan nilai integriti dalam amalan sebenar kerana wujudnya institusi tidak formal yang lebih dominan dan berakar kuat dalam struktur pentadbiran. Secara keseluruhannya, Gambarajah 4.15 berfungsi bukan hanya sebagai alat analisis tematik, tetapi juga sebagai refleksi terhadap sentimen utama yang dikongsi oleh pegawai pencegah rasuah. Ia menyokong dapatan bahawa pemulihan institusi melalui reformasi dasar, pendidikan antirasuah, pemerkasaan masyarakat sivil, dan pengawasan bebas merupakan jalan kritikal ke arah pengurusan hutan yang lebih telus, beretika, dan mampan.



Gambarajah 4.17: Pemetaan kod bagi tema kesan terhadap pendedahan politik rasuah

Penemuan kajian melalui temu bual mendalam bersama pegawai pencegah rasuah mendedahkan bahawa pendedahan politik rasuah dalam industri pembalakan memberi kesan langsung terhadap ekosistem pelaburan, hubungan perdagangan, serta pemuliharaan alam sekitar. Para responden menjelaskan bahawa ketelusan yang rendah dan penyalahgunaan kuasa dalam proses pemberian konsesi pembalakan telah mewujudkan iklim perniagaan yang tidak stabil dan berisiko tinggi, sekali gus melemahkan keyakinan pelabur asing dan menghalang kemasukan pelaburan beretika ke dalam sektor ini.

Dapatan ini turut memperkukuh pemahaman bahawa institusi tidak formal seperti amalan rasuah, kronisme, dan penyelewengan kuasa telah melemahkan fungsi institusi formal seperti peraturan perhutanan, agensi penguatkuasaan, dan mekanisme pengawasan. Selari dengan kerangka *Teori Institusi* (Scott, 2008), fenomena ini menggambarkan kegagalan padanan antara unsur kawal selia (regulative), norma sosial (normative), dan kepercayaan budaya (cultural-cognitive) yang sepatutnya membentuk sistem tadbir urus yang mantap. Apabila norma tidak rasmi seperti rasuah menjadi dominan, institusi formal gagal berfungsi secara efektif. Pegawai-pegawai pencegah rasuah yang ditemu bual menekankan bahawa penglibatan *pemberi maklumat* adalah antara strategi utama dalam mendedahkan rangkaian rasuah politik dalam industri pembalakan. Mereka berpendapat bahawa individu yang berani tampil ke hadapan dengan bukti rasuah perlu dilindungi dan diberikan insentif, sejajar dengan prinsip perlindungan saksi dan *whistleblower protection* yang digariskan oleh Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Menentang Rasuah (UNCAC).

Selain itu, dapatan turut menunjukkan bahawa program pendidikan antirasuah berperanan penting dalam membina budaya integriti dan etika dalam sektor pembalakan. Pendidikan yang menekankan nilai akauntabiliti, ketelusan, dan tadbir urus yang baik bukan sahaja memberi kesedaran kepada pegawai awam dan pemimpin industri, malah memperkasakan masyarakat untuk menuntut ketelusan serta menyuarakan hak mereka terhadap pengurusan sumber alam.

Dalam konteks sistemik, pengukuhan rangka kerja undang-undang dan kapasiti agensi penguatkuasaan turut dikenal pasti sebagai pra-syarat penting dalam memutuskan jaringan rasuah yang kompleks. Responden menyatakan bahawa tanpa sistem pemantauan dan perundangan yang teguh, usaha pendidikan dan pelaporan rasuah akan terbantut dan tidak membawa kesan jangka panjang. Satu lagi dapatan penting ialah keperluan untuk menyediakan insentif kepada syarikat dan individu yang mengamalkan tingkah laku beretika, contohnya melalui sistem pensijilan bebas, insentif fiskal, dan pengiktirafan awam. Dengan mewujudkan ekosistem yang menghargai integriti, sektor pembalakan dapat dipacu ke arah kelestarian dan ketelusan yang lebih tinggi.

Akhir sekali, responden menggariskan bahawa kerjasama antarabangsa adalah elemen penting dalam membanteras rasuah politik dalam industri pembalakan. Perjanjian serantau dan konvensyen global seperti UNCAC serta kerjasama teknikal melalui agensi seperti Interpol dan World Bank Governance Initiatives, menjadi landasan bagi negara-negara pengeluar kayu untuk berkongsi kepakaran dan amalan terbaik dalam mengekang jenayah rentas sempadan yang melibatkan eksploitasi hutan. Secara keseluruhannya, dapatan ini menegaskan bahawa usaha pendedahan rasuah politik

dalam industri pembalakan perlu disokong oleh gabungan strategi pendidikan, penguatkuasaan undang-undang, penglibatan masyarakat, dan kerjasama antarabangsa. Pendekatan ini tidak hanya dapat menstabilkan sistem tadbir urus sedia ada, tetapi juga memainkan peranan penting dalam memelihara integriti ekologi dan pembangunan sosioekonomi yang lestari.



BAB LIMA

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan mengenai data yang telah dikumpulkan dan dianalisis untuk memenuhi objektif kajian ini. Dalam bahagian ini, penekanan diberikan kepada hasil kajian yang telah diperoleh, termasuk pemahaman mendalam tentang isu-isu yang berkaitan dengan rasuah dalam industri pembalakan dan kesan-kesannya terhadap alam sekitar dan masyarakat.

Berdasarkan kepada analisis yang dilakukan, beberapa cadangan untuk kajian pada masa hadapan telah dikenalpasti. Ini termasuk perlunya penyelidikan lanjut mengenai hubungan antara rasuah dan pemeliharaan sumber semula jadi, serta bagaimana langkah-langkah pencegahan rasuah dapat diimplementasikan secara lebih berkesan dalam konteks politik dan sosial yang berbeza. Selain itu, kajian tentang peranan teknologi dalam memerangi rasuah dalam industri pembalakan juga boleh menjadi satu bidang yang berpotensi untuk diterokai.

Selanjutnya, jurang kajian yang dikenal pasti dalam kajian ini menunjukkan perlunya pendekatan yang lebih holistik dan interdisipliner untuk menangani isu rasuah. Kajian ini mencadangkan agar lebih banyak fokus diberikan kepada penglibatan komuniti dan organisasi masyarakat sivil dalam usaha membanteras rasuah, serta meningkatkan kesedaran awam tentang kesan-kesan negatif rasuah. Penemuan ini diharapkan dapat membantu membentuk strategi yang lebih berkesan untuk memerangi rasuah dalam industri pembalakan dan memastikan kelestarian sumber semula jadi.

5.2 Ringkasan Kajian

Merujuk kepada permulaan kajian ini, objektif utama adalah untuk mengkaji pengaruh politik terhadap alam sekitar di Malaysia, khususnya di negeri Perak Darul Ridzuan. Kajian ini juga melibatkan kerjasama dari Suruhanjaya Pencegah Rasuah Negeri Perak sebagai responden utama dalam kajian kualitatif ini. Ia meneliti bagaimana politik rasuah memberi impak kepada pembangunan alam sekitar di negeri Perak dan kesan-kesan yang dihasilkan daripada fenomena ini.

Hasil kajian menunjukkan bahawa rasuah dalam industri pembalakan mempunyai kesan yang besar terhadap kepentingan awam, kelestarian alam sekitar, dan kesejahteraan sosial. Rasuah yang memihak kepada individu berbanding kepentingan awam telah menyebabkan eksploitasi sumber, kemerosotan alam sekitar, dan penurunan kepercayaan terhadap institusi kerajaan. Tambahan pula, rasuah mengalihkan sumber yang seharusnya digunakan untuk program pengurangan kemiskinan, yang sekaligus memburukkan lagi keadaan kemiskinan dan ketidakseimbangan sosial, serta menghalang pertumbuhan ekonomi.

Dalam usaha untuk menangani isu ini, kerjasama antarabangsa telah dikenalpasti sebagai pendekatan penting dalam mencegah dan menghukum rasuah dalam industri pembalakan. Kajian ini mencadangkan galakan dalam ketelusan, akauntabiliti, dan pertukaran amalan terbaik serta kepakaran bagi mewujudkan rangkaian yang menyokong dasar dan peraturan anti-rasuah. Usaha kerjasama antara semua pihak berkepentingan perlu ditingkatkan untuk memastikan industri pembalakan beroperasi dengan etika dan berkelanjutan, sekaligus memberi manfaat kepada alam sekitar dan masyarakat setempat.

Tujuan utama perbincangan ini adalah untuk menilai sejauh mana rasuah politik memberi kesan terhadap pengurusan dan perlindungan alam sekitar di Negeri Perak, serta meneliti bentuk-bentuk kesannya terhadap institusi-institusi yang berkaitan. Perbincangan ini juga merangkumi analisis terhadap cabaran dan pendekatan yang digunakan dalam membendung rasuah, termasuk peranan agensi penguatkuasa, organisasi masyarakat sivil (CSO), serta kerjasama antara sektor.

Selain itu, bab ini bertujuan untuk mengangkat dapatan yang paling signifikan – iaitu bentuk-bentuk kesan politik rasuah terhadap pengurusan dan perlindungan alam sekitar – sebagai *teras utama* kepada kajian ini. Penemuan tersebut bukan sahaja menunjukkan manifestasi kelemahan institusi dan tadbir urus, tetapi juga membentuk asas kepada saranan dasar dan reformasi dalam sektor perhutanan.

Objektif ini merupakan teras kepada keseluruhan dapatan kajian kerana ia menghubungkan secara langsung kesan sistemik politik rasuah terhadap aspek kritikal iaitu pengurusan dan perlindungan alam sekitar. Dalam konteks kajian ini, penemuan

daripada sesi temu bual menunjukkan bahawa rasuah politik bukan sahaja melemahkan struktur tadbir urus, malah membolehkan eksploitasi sumber alam secara haram dan tidak terkawal. Pegawai-pegawai yang terlibat dalam pembalakan haram menggunakan kedudukan politik mereka untuk memanipulasi dasar, memberi kelulusan kepada projek pembalakan yang tidak sah, dan mengabaikan kewajipan untuk melindungi hak masyarakat tempatan dan sumber semula jadi.

Kesan ini mencerminkan kelemahan struktur institusi dalam mengurus kelestarian alam sekitar. Dengan kata lain, objektif ini menangkap intipati sebenar masalah yang dikaji – iaitu bukan sekadar kewujudan rasuah, tetapi bagaimana ia merosakkan fungsi perlindungan alam secara sistematik. Ini menjadikan objektif ini sebagai elemen kritikal yang memandu keseluruhan arah perbincangan dan penemuan kajian.

Objektif ini terbukti menjadi pusat kepada kedua-dua Bab 4 (Dapatan) dan Bab 5 (Perbincangan), kerana hampir keseluruhan dapatan yang diperoleh melalui temu bual pakar dan responden tertumpu kepada bentuk-bentuk manifestasi rasuah politik dalam konteks pengurusan sumber hutan, pembalakan haram, kelemahan penguatkuasaan, dan impak terhadap komuniti setempat.

Misalnya, dalam Bab 4, banyak data kualitatif yang menunjukkan bagaimana rasuah telah menjadikan proses pengambilan keputusan sebagai sesuatu yang tidak telus dan memihak kepada golongan berkepentingan. Oleh itu, objektif (b) tidak hanya hadir dalam bentuk pernyataan; ia juga menggarap jantung kepada naratif dan justifikasi ilmiah yang dibina sepanjang kajian ini.

Objektif (b) juga paling erat dikaitkan dengan kerangka teori yang digunakan dalam kajian ini, iaitu Teori Institusi (Scott, 2008). Teori ini menjelaskan bagaimana institusi – sama ada dalam bentuk formal (undang-undang, peraturan, dasar) atau informal (norma budaya, hubungan politik, struktur sosial) – memberi kesan kepada tingkah laku dan pengurusan sesuatu sektor.

Objektif ini menganalisis bentuk-bentuk kesan yang timbul apabila institusi gagal berfungsi dengan baik akibat rasuah. Misalnya, apabila pegawai diberi kuasa mutlak tanpa mekanisme pengawasan, atau apabila undang-undang dimanipulasi demi keuntungan peribadi, maka berlakulah pembalakan haram dan pencabulan terhadap hak asasi manusia. Kajian ini menyumbang kepada literatur dengan menunjukkan bagaimana kegagalan institusi akibat rasuah memusnahkan kelestarian ekosistem dan memburukkan ketidaksamaan sosial – sejajar dengan peringatan daripada kajian terdahulu seperti Tacconi et al. (2019) dan Maryudi (2016).

Akhir sekali, hanya dengan memahami bentuk-bentuk kesan rasuah terhadap pengurusan dan perlindungan alam sekitar, barulah cadangan pembaharuan yang berkesan dapat digariskan. Objektif (b) menyediakan kerangka analisis yang kukuh untuk menentukan bidang-bidang kelemahan tadbir urus dan mengenal pasti peluang bagi pengukuhan dasar – contohnya melalui ketelusan data perhutanan, sistem pengawasan berasaskan teknologi, atau kerjasama dengan CSO.

Penemuan daripada objektif ini dapat membantu menggubal intervensi dasar yang bersasar, bukan secara umum. Misalnya, jika bentuk kesan yang dominan adalah manipulasi pemberian konsesi pembalakan, maka dasar boleh difokuskan kepada

reformasi dalam proses kelulusan dan pemantauan konsesi. Oleh itu, objektif (b) bukan sahaja penting untuk memahami masalah, tetapi juga menjadi asas yang praktikal dan kritikal bagi penyelesaian jangka panjang melalui pembaharuan tadbir urus yang lebih inklusif dan responsif.

5.3 Perbincangan

Bahagian ini membincangkan dapatan utama kajian berdasarkan objektif yang telah ditetapkan dan mengaitkannya secara kritikal dengan kajian terdahulu serta kerangka Teori Institusi (Scott, 2008; North, 1990). Pendekatan ini bertujuan untuk memperkukuh kebolehpercayaan dan kesahihan penemuan serta memperlihatkan bagaimana struktur institusi—baik formal mahupun informal—mempengaruhi amalan rasuah dalam industri pembalakan.

5.3.1 Kesan Signifikan Politik Rasuah dalam Industri Pembalakan

Rasuah politik dalam industri pembalakan bukan sahaja mencetuskan kebimbangan terhadap integriti sistem tadbir urus awam, malah memberi kesan berantai yang signifikan terhadap kelestarian alam sekitar, struktur sosial masyarakat tempatan, dan kestabilan ekonomi negara. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa apabila proses pemberian lesen dan konsesi pembalakan dicemari oleh kepentingan politik, maka matlamat pemuliharaan hutan dan pembangunan inklusif tidak dapat dicapai secara berkesan.

Implikasi Terhadap Alam Sekitar dan Ekosistem Hutan

Amalan rasuah politik sering kali menjadi pemangkin kepada pembalakan haram, di mana lesen pembalakan diluluskan tanpa penilaian impak alam sekitar yang

menyeluruh, atau melalui pemalsuan dokumen yang melibatkan kerjasama antara pegawai awam dan syarikat swasta. Fenomena ini telah mengakibatkan kehilangan kawasan hutan asli secara besar-besaran, kemerosotan biodiversiti, dan gangguan kepada ekosistem semula jadi. Seperti yang dibuktikan oleh kajian Meehan dan Tacconi (2017), rasuah dalam sektor perhutanan telah menyumbang kepada kerugian ekonomi global yang tinggi akibat kehilangan hasil kayu secara tidak sah serta kegagalan memulihara kawasan perlindungan biodiversiti.

Dalam konteks ini, habitat bagi spesies terancam turut terjejas secara langsung, mengakibatkan kepupusan spesies flora dan fauna yang unik kepada hutan tropika Malaysia. Kehilangan penutup hutan juga mempercepatkan perubahan iklim mikro, peningkatan suhu tempatan, dan kejadian banjir kilat, yang seterusnya memberi kesan langsung kepada komuniti di kawasan sekitar.

Kesan Sosial: Penindasan Komuniti Tempatan dan Orang Asli

Rasuah politik dalam industri ini turut membawa implikasi sosial yang serius, terutama terhadap komuniti orang asli dan masyarakat setempat yang bergantung kepada hutan sebagai sumber utama ekonomi dan identiti budaya. Temu bual bersama pegawai pencegah rasuah dalam kajian ini mendapati bahawa wujudnya kes di mana pemberian konsesi pembalakan berlaku tanpa rundingan atau persetujuan bebas, awal, dan termaklum (Free, Prior and Informed Consent - FPIC) dengan komuniti terlibat. Ini bukan sahaja menafikan hak tanah adat, malah meletakkan masyarakat tersebut dalam keadaan yang rentan dari segi ekonomi, kesihatan, dan keselamatan (ILO, 1989; UNDRIP, 2007).

Pencerobohan terhadap tanah adat akibat konsesi yang tidak sah juga menyebabkan berlakunya konflik antara komuniti dengan agensi kerajaan atau pihak swasta, sekali gus mencetuskan ketegangan sosial dan kehilangan kepercayaan terhadap institusi negara.

Implikasi Ekonomi dan Pelaburan

Dari segi ekonomi, rasuah politik dalam sektor pembalakan membawa kesan negatif terhadap daya saing negara di peringkat antarabangsa. Keadaan ini berlaku apabila hasil negara tidak disalurkan melalui mekanisme kewangan rasmi, sebaliknya dimonopoli oleh pihak berkepentingan melalui amalan rent-seeking dan pengagihan sumber yang tidak adil. Humprey (2016) melaporkan bahawa rasuah dalam sektor sumber asli menjadi penghalang utama kepada kemasukan pelaburan langsung asing (FDI) kerana ia meningkatkan kos transaksi, menambah risiko operasi, dan menurunkan tahap ketelusan persekitaran perniagaan.

Keadaan ini turut memperluas jurang ketidaksamaan sosial, di mana hanya segelintir elit politik dan ekonomi mendapat manfaat daripada hasil pembalakan, manakala majoriti masyarakat terpinggir daripada pembangunan yang adil. Akibatnya, ketidakstabilan fiskal dan kebergantungan kepada hasil yang tidak lestari boleh membantutkan pembangunan jangka panjang negara.

Dimensi Institusi: Kegagalan Kawalan Formal dan Normalisasi Rasuah

Dalam kerangka Teori Institusi yang dikemukakan oleh Scott (2008), amalan rasuah politik mencerminkan keruntuhan institusi formal yang sepatutnya mengawal tingkahlaku individu dan organisasi melalui sistem regulatif. Lebih merisaukan, norma tidak

formal—seperti penerimaan masyarakat terhadap rasuah sebagai amalan biasa dalam pentadbiran tanah dan sumber hutan—menjadikan usaha pembanterasan rasuah lebih mencabar. Apabila persepsi terhadap rasuah menjadi kebiasaan yang tidak lagi dipersoalkan secara moral, maka keberkesanan institusi dalam membina kepercayaan awam menjadi terhakis.

Untuk menangani kesan signifikan ini, reformasi menyeluruh perlu dilaksanakan. Antara langkah yang dicadangkan termasuk:

- **Pengukuhan institusi penguatkuasaan undang-undang**, termasuk SPRM, Jabatan Perhutanan, dan badan kehakiman agar dapat bertindak bebas daripada pengaruh politik dan tekanan pihak berkepentingan.
- **Pelaksanaan mekanisme FPIC secara wajib** dalam semua proses kelulusan pembalakan melibatkan komuniti tempatan.
- **Penubuhan jawatankuasa pemantauan bebas** dengan penglibatan aktif masyarakat sivil, akademik, dan media bebas.
- **Kempen kesedaran awam dan pendidikan sivik** bagi membina budaya integriti dan akauntabiliti dalam kalangan rakyat.

Pendidikan dan advokasi juga memainkan peranan penting dalam membentuk keupayaan masyarakat untuk mempersoalkan dan menentang rasuah. Seperti yang ditegaskan oleh Cisneros et al. (2021) dan Cozma et al. (2021), pembinaan budaya antirasuah yang kukuh memerlukan kerjasama antara kerajaan, masyarakat sivil, dan sektor pendidikan dalam melahirkan generasi yang kritikal, beretika, dan peka terhadap keadilan sosial.

Secara keseluruhannya, rasuah politik dalam industri pembalakan memberikan kesan negatif yang menyeluruh—merangkumi alam sekitar, sosial, dan ekonomi—yang menuntut perhatian segera dan reformasi institusi secara sistemik. Pembaharuan struktur yang berteraskan prinsip keadilan, kelestarian, dan ketelusan perlu digembleng secara kolektif agar industri ini dapat dikendalikan secara lestari dan memanfaatkan semua lapisan masyarakat secara saksama. Dalam konteks ini, pendekatan berasaskan **Teori Institusi** bukan sahaja membekalkan kerangka analisis yang komprehensif, tetapi juga menyediakan asas kepada strategi pembaharuan berimpak tinggi bagi membanteras politik rasuah secara tuntas.

5.3.2 Politik Rasuah dan Pembalakan Haram: Dinamika, Cabaran, dan Peranan Institusi

Kajian ini secara mendalam mendedahkan bagaimana rasuah politik telah membentuk satu ekosistem tadbir urus yang rapuh dalam industri pembalakan, seterusnya membuka ruang yang luas kepada eksploitasi sumber alam secara tidak sah dan merugikan. Temuan daripada sesi temu bual bersama pegawai pencegah rasuah menunjukkan bahawa pembabitan langsung pegawai awam dalam amalan rasuah bukanlah insiden terpencil, tetapi merupakan simptom kepada struktur institusi yang telah dijangkiti oleh kepentingan peribadi dan budaya penyalahgunaan kuasa. Wujud kecenderungan untuk memperdagangkan kuasa rasmi demi faedah material, di mana lesen pembalakan diluluskan tanpa mengambil kira penilaian impak alam sekitar yang menyeluruh, justeru membenarkan pelepasan kawasan hutan simpan, kerosakan ekosistem, dan kepupusan spesies yang terancam.

Dapatan ini mengesahkan pandangan Bouriaud dan Marzano (2016) yang menekankan bahawa apabila keuntungan jangka pendek menjadi keutamaan dalam dasar pengurusan hutan, prinsip kelestarian dan pemuliharaan akan terkorban. Apabila peraturan formal dimanipulasi untuk memenuhi kehendak elit politik dan korporat, ini menandakan kegagalan struktur institusi untuk berfungsi sebagai pelindung kepentingan awam. Dalam konteks ini, undang-undang hanya menjadi perisai kepada kelompok yang mempunyai kuasa untuk membentuknya, manakala masyarakat awam terus terdedah kepada ketidakseimbangan kuasa dan eksploitasi sumber.

Rasuah Berstruktur dan Konspirasi Sistemik

Kajian ini turut memperlihatkan bahawa rasuah dalam industri pembalakan tidak lagi bersifat individu atau spontan, sebaliknya membentuk satu jaringan konspirasi sistemik yang merangkumi pelbagai pihak, termasuk pegawai penguat kuasa, agensi pentadbiran tanah, dan pemain industri. Temu bual mendedahkan bahawa bentuk rasuah bukan sekadar pertukaran wang ringgit, tetapi turut melibatkan pemalsuan dokumen, pengeluaran permit sementara secara tidak sah, kelewatan tindakan penguatkuasaan, dan penggunaan intimidasi terhadap aktivis atau pemberi maklumat. Wujud juga taktik ‘menangguhkan’ siasatan sebagai strategi melemahkan tindakan lanjut, yang akhirnya mewujudkan iklim kebal hukum (‘impunity’).

Fenomena ini seiring dengan hujahan Porter & Allen (2015), Maryudi (2016), dan Vasile & Iordachescu (2022) yang menegaskan bahawa dalam sektor sumber asli, penyalahgunaan kuasa secara sistematik membentuk struktur *rasuah terinstitusi*—suatu keadaan di mana amalan rasuah menjadi sebahagian daripada norma organisasi dan institusi formal hanya bertindak apabila kepentingan politik tidak terjejas. Situasi

ini merosakkan kepercayaan masyarakat terhadap agensi penguat kuasa dan memperkukuh ketidakcekapan tadbir urus secara berlapis.

Penjelasan melalui Teori Institusi

Melalui perspektif Teori Institusi (Scott, 2008), penemuan ini mencerminkan bagaimana institusi formal seperti undang-undang, prosedur, dan badan penguatkuasa gagal berfungsi apabila institusi tidak formal seperti hubungan patron-klien, budaya ‘tutup sebelah mata’, dan norma kelonggaran menjadi dominan. Dalam keadaan ini, rasuah bukan lagi fenomena luar sistem, tetapi telah menjadi sebahagian daripada struktur sistem itu sendiri. Agensi seperti Jabatan Perhutanan atau Suruhanjaya Pencegahan Rasuah hanya wujud pada tahap simbolik, tanpa keberkesanan sebenar dalam membanteras pelanggaran undang-undang apabila kuasa politik mendominasi. Ini sejajar dengan dapatan Tacconi et al. (2019) yang menegaskan bahawa pendekatan penguatkuasaan undang-undang sahaja tidak mencukupi untuk menangani pembalakan haram, sebaliknya perhatian perlu diberikan kepada struktur institusi yang membolehkan kelemahan tadbir urus berterusan. Ini termasuk ketidaktelusan dalam pemberian konsesi, konflik kepentingan antara pembuat dasar dan pemilik syarikat, serta kekurangan mekanisme pemantauan bebas yang berkesan.

Peranan Strategik Organisasi Masyarakat Sipil

Dalam menghadapi struktur tadbir urus yang rosak ini, kajian ini mengesahkan bahawa peranan organisasi masyarakat sivil (CSO) adalah amat penting sebagai kuasa semak dan imbang. CSO bukan sahaja menjadi pemantau aktiviti pembalakan, tetapi juga berfungsi sebagai agen pendedah maklumat, penyokong komuniti akar umbi, dan penggerak reformasi dasar. Penglibatan mereka secara langsung dalam membongkar

ketidakpatuhan undang-undang dan menekan pihak berkuasa untuk bertindak memperlihatkan keupayaan masyarakat sivil dalam membina ketelusan dan integriti sistemik.

Prescott et al. (2017) dan Scullion et al. (2019) turut menyokong pandangan ini, dengan menegaskan bahawa keberadaan masyarakat sivil yang aktif dapat menurunkan kadar rasuah melalui tekanan sosial, pembentukan kesedaran awam, dan advokasi dasar berasaskan bukti. CSO juga berperanan dalam melatih masyarakat tempatan mengenai hak mereka, serta memberikan sokongan teknikal untuk memastikan suara komuniti didengari dalam proses pembuatan keputusan.

Cadangan dan Implikasi Polisi

Berdasarkan dapatan ini, usaha untuk memulihkan integriti dalam industri pembalakan harus melangkaui reformasi teknikal atau legalistik semata-mata. Antara cadangan yang boleh dipertimbangkan ialah:

- **Penubuhan Suruhanjaya Bebas Tadbir Urus Hutan** yang berfungsi secara autonomi dengan mandat untuk menilai, menyiasat dan melaporkan sebarang pelanggaran dalam proses pemberian konsesi.
- **Pengukuhan undang-undang perlindungan pemberi maklumat (whistleblower protection law)** agar individu yang membongkar rasuah tidak diugut atau disenyapkan.
- **Pembangunan indeks integriti industri pembalakan** yang boleh digunakan untuk menilai tahap ketelusan dan kebertanggungjawaban pengusaha hutan di pelbagai peringkat.

- **Latihan integriti berkala untuk pegawai agensi penguatkuasaan**, dengan modul yang merangkumi prinsip tadbir urus beretika, konflik kepentingan, dan akauntabiliti awam.

Secara keseluruhan, dapatan kajian ini membuktikan bahawa rasuah politik dalam industri pembalakan tidak hanya merosakkan sistem pentadbiran dan perundangan, malah menjadi punca kepada krisis ekologi dan sosial yang semakin meruncing. Oleh itu, strategi pembanterasan rasuah dalam sektor ini harus berpaksikan kepada pembaharuan institusi yang menyeluruh—merangkumi dimensi undang-undang, budaya organisasi, dan partisipasi awam. Dengan pendekatan ini, barulah matlamat pembalakan yang lestari, adil, dan berintegriti tinggi dapat dicapai untuk generasi akan datang.



5.3.3 Pembendungan Politik Rasuah Dalam Isu Alam Sekitar Di Negeri Perak.

Penemuan kajian ini menonjolkan bahawa rasuah politik dalam sektor pembalakan bukan sahaja berlaku secara sistemik, tetapi turut menjejaskan secara mendalam keutuhan tadbir urus awam di negeri Perak. Isu ini melangkaui sempadan undang-undang semata-mata dan mencerminkan keretakan struktur institusi yang lebih besar, di mana amalan tidak sah – seperti pemberian lesen pembalakan tanpa melalui proses saringan yang telus – telah menjadi sebahagian daripada norma pentadbiran. Rasuah politik telah mengaburkan sempadan antara kepentingan awam dan peribadi, menjadikan proses pengambilan keputusan dalam pengurusan sumber hutan sebagai alat untuk mengekalkan kuasa, memupuk kronisme, dan mengalihkan sumber kepada golongan elit tertentu.

Kajian ini turut mendedahkan bahawa sistem pentadbiran di peringkat negeri terdedah kepada manipulasi akibat kelemahan institusi dan kekurangan mekanisme semak dan imbang. Responden daripada kalangan pegawai pencegah rasuah dan pertubuhan masyarakat sivil menyatakan bahawa banyak keputusan yang berkaitan dengan kelulusan konsesi dan pelesenan pembalakan dijalankan dalam suasana yang tidak telus dan penuh konflik kepentingan. Keadaan ini menunjukkan bagaimana norma formal seperti peraturan hutan dan piawaian kelestarian boleh digantikan oleh amalan tidak rasmi seperti sogokan dan hubungan patron-klien, sejajar dengan hujahan Scott (2008) dalam *Institutional Theory*, bahawa legitimasi institusi mula terhakis apabila norma tidak formal mengatasi norma formal.

Dimensi Sosial: Kesan terhadap Masyarakat Terpinggir

Rasuah politik dalam industri pembalakan bukan sahaja merosakkan persekitaran fizikal, malah membawa implikasi sosial yang mendalam, khususnya terhadap komuniti orang asli dan penduduk luar bandar. Temuan kajian ini mendedahkan bahawa banyak kawasan hutan yang merupakan sumber air bersih, tempat tinggal, dan tapak warisan budaya komuniti adat telah diceroboh secara sah di atas kertas tetapi secara tidak sah dari sudut moral dan kelestarian, akibat daripada kelulusan konsesi yang dipengaruhi rasuah. Komuniti ini bukan sahaja kehilangan sumber kehidupan utama, malah mereka dinafikan hak untuk terlibat dalam proses membuat keputusan mengenai tanah dan hutan yang mereka warisi turun-temurun.

Fenomena ini diperkuatkan oleh kajian To dan Mahanty (2019), yang menegaskan bahawa korupsi dalam pengurusan sumber alam cenderung menghakis legitimasi kerajaan dan mempertingkatkan ketegangan antara masyarakat dan institusi rasmi. Di

Perak, fenomena ini terzahir dalam bentuk protes masyarakat terhadap projek pembalakan, penolakan kepercayaan kepada agensi kerajaan, serta peningkatan permintaan untuk perlindungan hak tanah adat. Kajian ini menegaskan bahawa tanpa pembaharuan struktural dan pengiktirafan hak komuniti, rasuah politik akan terus menjadi penghalang kepada keadilan sosial dan kelestarian sumber alam.

Strategi Proaktif dan Cadangan Pembaharuan

Dapatan kajian turut mengemukakan pelbagai pendekatan proaktif yang telah dikenalpasti oleh responden sebagai langkah penting dalam usaha membendung rasuah politik dalam industri pembalakan. Antara strategi yang dicadangkan termasuklah:

- **Peningkatan ketelusan melalui dasar kerajaan terbuka**, khususnya dalam pelaporan konsesi hutan, hasil kutipan lesen, dan pelaksanaan pelan pengurusan hutan.
- **Penglibatan masyarakat akar umbi dalam proses membuat keputusan**, termasuk pelaksanaan mekanisme *Free, Prior and Informed Consent (FPIC)* yang memperkukuh hak komuniti untuk menentukan masa depan tanah mereka.
- **Pengukuhan mekanisme pengawasan bebas** seperti audit berkala oleh Suruhanjaya Bebas Integriti Alam Sekitar dan pembentukan badan awam pemantau berasaskan komuniti.

Kajian oleh Bosch (2021) turut menunjukkan bahawa negara-negara yang meningkatkan ketelusan dalam sektor perhutanan mencatatkan penurunan ketara dalam kadar pembalakan haram dan meningkatkan kepercayaan pelabur terhadap

sistem tadbir urus mereka. Dalam konteks Perak, ini menuntut pembukaan akses awam terhadap data perhutanan, pelaksanaan audit prestasi institusi hutan secara berkala, serta pelibatan CSO dan komuniti dalam penyeliaan aktiviti pembalakan.

Institusi: Pengaruh Formal dan Tidak Formal

Kerangka *Institutional Theory* memberikan asas analitikal yang kukuh dalam mentafsirkan dapatan kajian ini. Teori ini menggariskan bahawa sesebuah institusi bukan sahaja ditentukan oleh struktur rasmi seperti jabatan kerajaan dan mahkamah, tetapi turut dibentuk oleh unsur tidak formal seperti kepercayaan budaya, norma sosial, dan hubungan kuasa yang tersirat. Dalam kajian ini, kegagalan jabatan hutan untuk bertindak terhadap pelanggaran peraturan, serta kelewatan dalam tindakan pendakwaan oleh agensi penguat kuasa, mencerminkan pengaruh norma tidak formal yang melemahkan integriti institusi.

Lebih membimbangkan, apabila budaya ‘tidak mahu melapor’ dan normalisasi terhadap kelonggaran penguatkuasaan mula diterima dalam kalangan penjawat awam dan masyarakat, maka proses penyusutan nilai integriti akan berterusan. Oleh itu, pembendungan rasuah memerlukan pembaharuan institusi secara menyeluruh yang tidak hanya tertumpu kepada aspek perundangan, tetapi turut merangkumi perubahan budaya organisasi dan pemupukan nilai integriti dari peringkat akar umbi hingga ke tahap kepimpinan.

Sebagai kesimpulan, kajian ini memperlihatkan bahawa rasuah politik dalam industri pembalakan di negeri Perak telah mewujudkan satu ekosistem tadbir urus yang rapuh, tidak telus dan tidak adil. Implikasi terhadap alam sekitar, komuniti tempatan, dan

struktur ekonomi adalah mendalam dan berlapis. Justeru, usaha membendung rasuah memerlukan transformasi yang komprehensif meliputi pembaharuan undang-undang, penguatan kapasiti institusi, pemerkasaan komuniti, dan pembudayaan nilai akauntabiliti dalam sistem pentadbiran.

Langkah-langkah konkrit seperti penguatkuasaan ketat terhadap konflik kepentingan, penyediaan platform pelaporan awam yang selamat, dan pengiktirafan peranan masyarakat sivil perlu menjadi keutamaan dalam agenda dasar. Hanya melalui gabungan tindakan institusi dan penglibatan masyarakat secara menyeluruh, kita dapat memastikan bahawa pengurusan sumber semula jadi di Perak akan bersifat lestari, adil, dan mampu membawa manfaat kepada generasi kini dan masa depan

5.4 Cadangan Kajian Masa Hadapan Berasaskan Tadbir Urus, Dasar Awam dan Ketelusan

Penemuan kajian ini secara tidak langsung membuka ruang kepada beberapa cadangan penyelidikan masa hadapan yang boleh memperluas pemahaman terhadap sifat, struktur, dan kesan politik rasuah dalam sektor pembalakan. Penyelidikan masa hadapan bukan sahaja penting dari sudut teoretikal, tetapi juga dari segi praktikal untuk membantu menggubal dasar yang lebih efektif, menyeluruh, dan kontekstual dalam menangani rasuah berstruktur yang telah lama berakar dalam sektor sumber asli seperti perhutanan.

Pertama, pendekatan kajian kes mendalam (in-depth case study) wajar diambil sebagai fokus penyelidikan akan datang dengan meneliti wilayah-wilayah tertentu yang telah dikenal pasti mempunyai kadar rasuah yang tinggi dan kegagalan tadbir urus yang

ketara. Pendekatan ini membolehkan penyelidik menelusuri interaksi kompleks antara aktor-aktor institusi, kelemahan struktur birokrasi, serta strategi rasuah yang berlaku secara mikro dan sistematik. Kajian seperti ini juga dapat menganalisis bagaimana ‘jaringan kuasa’ antara pihak berkepentingan – termasuk pegawai kerajaan, pemimpin politik tempatan, dan pemain industri – membentuk ekosistem pembalakan haram. Penekanan kepada pendekatan kontekstual seperti ini penting untuk merumuskan dasar intervensi yang lebih realistik dan bersesuaian dengan struktur pentadbiran serta budaya politik setempat.

Kedua, kajian perbandingan rentas negeri atau rentas negara (comparative studies) dapat memberikan pandangan holistik terhadap keberkesanan model tadbir urus dan intervensi dasar yang berbeza dalam menangani isu rasuah dalam perhutanan. Perbandingan antara negeri-negeri di Malaysia – seperti Perak, Sarawak, dan Kelantan – boleh mendedahkan variasi struktur politik, kapasiti institusi, serta keberkesanan pelaksanaan dasar. Malah, kajian rentas negara yang membandingkan Malaysia dengan negara-negara seperti Indonesia, Brazil atau Ghana juga dapat menambah dimensi global terhadap analisis keberkesanan mekanisme seperti *Free, Prior and Informed Consent (FPIC)*, Konvensyen UNCAC, serta inisiatif seperti *Extractive Industries Transparency Initiative (EITI)*. Kajian ini akan membantu menilai sama ada pemindahan dasar dari konteks antarabangsa benar-benar berfungsi dalam konteks tempatan atau memerlukan pengubahsuaian bersifat adaptif.

Ketiga, penyelidikan masa hadapan perlu menjalankan kajian longitudinal yang merangkumi tempoh masa yang panjang untuk menilai impak jangka panjang dasar anti-rasuah dan pelaksanaan program pemuliharaan hutan. Kajian seperti ini mampu

memberikan bukti empirik terhadap kejayaan atau kegagalan pelbagai polisi, serta mengenal pasti faktor-faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhi keberkesanannya. Sebagai contoh, impak pelaksanaan audit hutan berkala, pemetaan satelit, atau peranan penglibatan komuniti dalam *community-based forest monitoring* wajar diteliti secara berterusan untuk menilai perubahan dalam struktur korupsi serta daya tahan institusi awam. Kajian longitudinal juga penting dalam menganalisis kesan dasar terhadap peningkatan kesejahteraan masyarakat luar bandar, pengurangan jurang sosio-ekonomi, serta pemulihan biodiversiti.

Seterusnya, penyelidikan berasaskan perspektif pelbagai pihak berkepentingan (stakeholder-based research) amat digalakkan dalam konteks kajian masa hadapan. Kajian ini melibatkan sektor swasta, agensi kerajaan, pertubuhan masyarakat sivil, komuniti tempatan, dan media, yang kesemuanya memainkan peranan penting dalam rangkaian tadbir urus hutan. Pendekatan *collaborative governance* yang mengutamakan penglibatan pelbagai aktor dalam proses pembuatan dasar bukan sahaja memperkukuh ketelusan dan legitimasi institusi, malah memastikan bahawa dasar yang digubal benar-benar responsif kepada realiti lapangan. Kaedah seperti temu bual mendalam, bengkel pelibatan komuniti (*participatory rural appraisal*), dan etnografi dasar mampu memberikan gambaran menyeluruh tentang keberkesanan sesuatu dasar daripada sudut penerima dan pelaksana.

Dalam konteks kemajuan teknologi, penyelidikan masa hadapan juga perlu meneroka potensi aplikasi teknologi digital dalam meningkatkan ketelusan dan keberkesanan tadbir urus sektor pembalakan. Sistem teknologi seperti *blockchain* boleh digunakan untuk mencipta rekod transaksi hasil hutan yang telus dan tidak boleh diubah suai,

manakala pemantauan satelit dan pemetaan GIS dapat digunakan untuk mengesan aktiviti pembalakan haram secara masa nyata. Begitu juga, platform data terbuka (*open data*) berupaya menyediakan akses awam terhadap maklumat konsesi, kutipan lesen, dan laporan impak alam sekitar, sekali gus memperkuat pemantauan awam dan tanggungjawab institusi. Kajian terhadap kebolehlaksanaan dan impak teknologi ini perlu diteruskan untuk memahami batasan teknikal, cabaran budaya, dan syarat perundangan yang perlu dipenuhi agar teknologi ini dapat dimanfaatkan secara optimum dalam konteks Malaysia.

Akhir sekali, penilaian keberkesanan dasar sedia ada (*policy evaluation*) perlu menjadi agenda utama penyelidikan akan datang. Ramai pembuat dasar dan pihak berkuasa sering menganggap pelaksanaan dasar sebagai satu kejayaan tanpa mengambil kira jurang antara ‘dasar di atas kertas’ dan ‘pelaksanaan sebenar di lapangan’. Oleh itu, kajian yang menyelidik halangan kepada pelaksanaan dasar – termasuk kekangan sumber, tekanan politik, birokrasi yang lemah, dan kekurangan pemantauan bebas – adalah penting untuk memberikan cadangan pembaikan berasaskan bukti. Penyelidikan ini juga boleh mengenal pasti kelemahan dalam reka bentuk dasar itu sendiri, dan mencadangkan model pemantauan serta penilaian (M&E) yang lebih efektif dan telus.

Secara keseluruhan, arah penyelidikan masa hadapan mengenai rasuah politik dalam industri pembalakan harus berteraskan kepada prinsip interdisiplinari, pendekatan berorientasikan pemangku kepentingan, dan pemanfaatan teknologi terkini. Tumpuan terhadap tadbir urus yang berkesan, pembangunan sosial yang adil, dasar yang berasaskan bukti, dan penggunaan sistem digital yang telus akan membolehkan

komuniti penyelidik menyumbang kepada pembentukan kerangka pengurusan hutan yang lebih mampan, beretika dan bebas rasuah. Melalui penyelidikan yang mantap dan bersifat praktikal ini, Malaysia dapat memperkukuh kedudukannya sebagai sebuah negara yang berkomitmen terhadap prinsip keadilan sosial, kelestarian alam sekitar, dan integriti institusi.

5.5 Kekangan Kajian

